

**SOARING
UPWARDS**

MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN MATAPELAJARAN PENGHAJIAN UMUM (MPU) Edisi Kedua

GARIS PANDUAN MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) Edisi Kedua



**Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of Higher Education.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
Kementerian Pendidikan Tinggi
Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

ISBN 978-983-3225-08-8



KANDUNGAN

JAWATANKUASA PENGGUBALAN	v
PENGHARGAAN	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penawaran Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)	2
1.3 Kaedah Penilaian MPU	8
1.4 Kaedah Penetapan Kod Kursus	8
BAB 2 KELOMPOK U1	10
2.1 Skop Penawaran	10
2.2 Hasil Pembelajaran	10
2.3 Senarai Kursus	10
2.4 Kursus Hubungan Etnik	11
2.5 Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)	24
2.6 Kursus Pengajian Malaysia 1	35
2.7 Kursus Pengajian Malaysia 2	46
2.8 Kursus Pengajian Malaysia 3	57
2.9 Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1	70
2.10 Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2	81
BAB 3 KELOMPOK U2	96
3.1 Skop dan Objektif Penawaran	96
3.2 Hasil Pembelajaran	96
3.3 Contoh Kursus	96
3.4 Kursus Bahasa Kebangsaan A	97
3.5 Kursus Kemahiran Kepimpinan	110
3.6 Kursus Asas Keusahawanan	120
BAB 4 KELOMPOK U3	132
4.1 Skop Dan Objektif Umum Penawaran	132
4.2 Hasil Pembelajaran	132
4.3 Contoh Kursus	132
4.4 Kursus Pengajian Islam	134

BAB 5 KELOMPOK U4	142
5.1 Skop Dan Objektif Umum Penawaran.....	142
5.2 Hasil Pembelajaran	142
5.3 Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	142
5.4 Ciri-Ciri.....	143
5.5 Konsep Perlaksanaan U4.....	143
5.6 Contoh Kursus Kelompok U4: Keterlibatan Komuniti	144
5.7 Contoh-Contoh Kursus Kelompok U4	152
BAB 6 PENUTUP.....	164
LAMPIRAN :	165
ATRIBUT DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (DHP KKM)	165
SENARAI PAKAR RUJUK	172

JAWATANKUASA PENGGUBALAN

- ❑ Prof. Ir Dr. Shahrir bin Abdullah
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Dr. Aishah binti Abu Bakar
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi
- ❑ Prof. Madya Dr. Jaafar bin Jantan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- ❑ Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Prof. Madya Dr. Mashitoh binti Yaacob
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Prof. Madya Dr. Fazilah binti Idris
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Dr. Nasruddin bin Yunos
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Dr. Mardian Shah bin Omar
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
- ❑ Puan Aisah binti Mat Dan
Universiti Industri Selangor (UNISEL)

URUSETIA PENGGUBALAN

Unit Sastera dan Sains Sosial
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmatNya Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi berjaya menyempurnakan Buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua. Buku ini adalah sebagai rujukan bagi semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di dalam melaksanakan kursus MPU di mana penjajaran terhadap objektif Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) disesuaikan dengan hasil pembelajaran serta kaedah pentaksiran kursus-kursus MPU.

Buku ini telah dihasilkan secara kolaboratif dan rundingan yang disertai oleh wakil daripada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan pihak berkepentingan yang dipandu oleh kumpulan pakar yang dikenalpasti.

Justeru, saya dengan rendah hati mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus untuk menyumbangkan buah fikiran, kepakaran, tenaga dan masa dalam usaha merealisasikan Buku Garis Panduan ini. Tanpa iltizam dan kerjasama daripada semua pihak, sudah tentu buku ini tidak dapat dihasilkan.

Saya berharap Buku Garis Panduan MPU ini dapat dimanfaatkan secara optimum dan dilaksanakan dengan jayanya disamping ianya menjadi pemangkin kepada inovasi penyampaian MPU dalam menjanakan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang selaras dengan hasrat PPPM(PT).

DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengajian tinggi negara memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyatnya yang berdaya saing serta berfikiran inovatif. Kerjasama semua pihak dalam merealisasikan hasrat melahirkan warganegara yang tinggi patriotisme, berdaya saing dan maju amat diperlukan. Pembinaan insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan tidak terkecuali kepada semua pelajar.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyemak kembali kurikulum penawaran Matapelajaran Wajib (MPW) di semua IPT dalam negara. Maka, Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah diperkenalkan berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial.

Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

Umumnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat melahirkan warga negara yang baik serta memiliki ciri-ciri berikut:

1. Mempercayai dan mematuhi Tuhan
2. Berilmu pengetahuan
3. Berketerampilan
4. Bersahsiah tinggi
5. Bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.
6. Bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian, MPU telah diperkenalkan dengan menambahbaik struktur Mata Pelajaran Wajib agar ianya lebih berstruktur dengan matlamat agar ianya dapat meningkatkan kualiti insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Struktur baharu MPU ini, dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja.

MPU adalah salah satu strategi serta inisiatif yang dirancang bagi tujuan di dalam Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar.

Bagi mencapai aspirasi Lonjakan 1, graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Justeru itu, Kementerian ini amat mementingkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia. Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Semua ini akan menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global.

1.2 PENAWARAN MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)

1.1.1 Latar Belakang MPU

MPU telah terhasil berikutan terdapatnya beberapa persoalan timbul berkenaan matapelajaran wajib yang telah diperkenalkan di IPT iaitu:

1. Wacana di akhbar membicarakan tentang luntarnya semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT;
2. Ketidakteraturan pengajaran mata pelajaran kursus wajib antara IPTS dan IPTA;
3. Pelajar bukan warganegara telah meluahkan hasrat untuk mempelajari pengalaman Malaysia membangun negara ini hingga menjadi harmoni, stabil dan maju;
4. Kurikulum MPW sedia ada telah digunakan semenjak tahun 1996 dan sudah tiba masanya untuk disemak dan dinilai semula.

1.1.2 Konsep MPU

Perancangan akademik masa kini mengusulkan supaya pengajian umum diperluaskan meliputi aspek-aspek penataran ilmu seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Hal ini termasuklah pendedahan kepada bidang baharu seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Penekanan kepada perluasan pengajian umum ini, pada prinsipnya, adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikiran luas, seimbang dan holistik.

Justeru, pengajian umum bermaksud program pendidikan prasiswazah yang bertujuan membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasi ilmu dalam kehidupan seharian.

Pelajar di IPT memerlukan beberapa keterampilan intelektual yang membolehkannya memainkan peranan yang bermakna dalam masyarakat. Pengajian umum bertujuan menyediakan pelajar dengan keterampilan yang tertentu, di samping memperoleh pendedahan kepada pelbagai ciri keterampilan intelektual. Kursus pengajian umum juga menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar.

Justeru, tujuan MPU diperkenalkan adalah seperti berikut:

1. Penyelarasan Matapelajaran Wajib kepada MPU di IPT;
2. Pembinaan Negara Bangsa;
3. Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah;
4. Pengukuhan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia;
5. Pengaplikasian Kemahiran Insaniah.

Berdasarkan tujuan di atas, maka Matapelajaran Pengajian Umum dibahagikan kepada empat kelompok iaitu:

- U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
- U2: penguasaan kemahiran insaniah;
- U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia;
- U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

1.1.3 Struktur MPU

Struktur MPU melibatkan pelaksanaan di peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1, U2, U3, dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Perincian struktur pelaksanaan MPU seperti Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1 : Struktur Pelaksanaan MPU

Tahap Pengajian	☐ 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U1 ☐ 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U2 dan U3 ☐ 2 kredit bagi setiap kursus dalam kelompok U4				
	U1	U2	U3	U4	Jumlah Kredit
Sarjana Muda, *Sijil Siswazah dan *Diploma Siswazah (Tahap 6 KKM)	2 kursus (4-6 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	10 - 14
*Diploma Lanjutan (Tahap 5 KKM) Diploma (Tahap 4 KKM)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	8 - 11
Sijil (Tahap 3 KKM)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	-	6 - 9
* Penawaran MPU bagi program Diploma Lanjutan, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah diwajibkan kepada pelajar yang belum pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya. Jumlah kredit yang perlu diambil adalah seperti di Tahap 3 iaitu 6-9 jam kredit					

Pelaksanaan MPU **DIKECUALIKAN** kepada program-program berikut:

- i. Program akademik diperingkat sarjana dan kedoktoran;
- ii. Kursus jangka pendek;
- iii. Program bukan penamat (*non-terminal*) seperti matrikulasi;
- iv. Program asasi (*foundation*);
- v. Kursus profesional dan ikhtisas (contoh: ACCA), bagi pelajar yang telah mengambil kursus MPU di peringkat pengajian terdahulu; dan
- vi. Pemberian pengecualian MPU adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta yang perlu dipatuhi oleh IPT masing-masing.

Pelaksanaan Kelompok U1 Seperti Jadual 1.2 Di Bawah.

Jadual 1.2 : Pecahan Jenis Kursus U1 Mengikut Pelajar Warganegara, Pelajar Bukan Warganegara dan Bahasa Pengantar Kursus

Kursus U1	Kredit	Pelajar Warganegara			Pelajar Bukan Warganegara			Bahasa Pengantar	
		Sijil (Tahap 3)	Diploma / Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Ijazah (Tahap 6)	Sijil (Tahap 3)	Diploma / Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Ijazah (Tahap 6)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Bahasa Melayu Komunikasi 1 (ditawarkan berulang bagi kedua-dua tahap sebagai pengukuhan)	2 atau 3				✓	✓		✓	
Bahasa Melayu Komunikasi 2	2 atau 3						✓	✓	
*Pengajian Malaysia 1	2 atau 3	✓						✓	✓
*Pengajian Malaysia 2	2 atau 3		✓					✓	✓
Pengajian Malaysia 3	2 atau 3						✓	✓	✓
Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2 atau 3			✓				✓	
Hubungan Etnik	2 atau 3			✓				✓	
Bahasa Kebangsaan A	2 atau 3	Khas untuk pelajar warganegara tidak kredit Bahasa Melayu SPM dan diambil sekali sahaja bagi mana-mana tahap pengajian sebagai salah satu komponen wajib U2							

** Lain-lain kursus dalam komponen U2,U3 dan U4 wajib ditawarkan namun berdasarkan kesesuaian dan penyelarasan pihak IPT dan boleh ditawarkan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Nota: 1. Kelompok kursus U1 akan menjadi dasar KPT untuk dilaksanakan di semua IPT.

Contoh Pelaksanaan Kelompok U2, U3, Dan U4 Seperti Jadual 1.3 Di Bawah.

Jadual 1.3 : Pelaksanaan Kelompok U2, U3, Dan U4

U2 (2 atau 3 kredit)	U3 (2 atau 3 kredit)	U4 (2 kredit)	Bahasa Pengantar	
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Kemahiran Reka cipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum	✓	✓
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT	✓	✓
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama		✓	✓
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan		✓	✓
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT		✓	✓
Nota: ❖ Kursus-kursus U2-U4 ditetapkan oleh IPT. ❖ Bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit di dalam kursus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka DIWAJIBKAN mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A sebagai komponen U2.				

1.1.4 Tarikh Pelaksanaan

Garis Panduan MPU Edisi Kedua ini adalah sebagai panduan kepada IPT untuk menyediakan kurikulum MPU. IPT perlu mematuhi dasar-dasar pelaksanaan MPU, tertakluk kepada pekeliling berkaitan MPU yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Penawaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah berkuat kuasa pada 1 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baru di semua IPT, manakala penawaran MPU menggunakan Garis Panduan MPU Edisi Kedua ini pula berkuat kuasa **pada September 2017**.

1.3 KAEDAH PENILAIAN MPU

Kaedah Penilaian adalah seperti berikut:

- Pentaksiran berterusan dan pentaksiran sumatif di dalam kursus yang melibatkan penggunaan teknik dan pendekatan yang tergolong di dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices*).
- Pentaksiran secara peperiksaan, pembentangan dan pelaksanaan projek.
- Pentaksiran berasaskan persoalan dan inkuiri seperti kajian kes dan penyelidikan.
- Pentaksiran berasaskan simulasi, refleksi dan pengalaman melalui lawatan, sangkutan dan sebagainya.
- Wajib ambil dan Lulus sebagai syarat pengijazahan – sekurang-kurangnya 40 markah.

1.4 KAEDAH PENETAPAN KOD KURSUS

Format :

M	P	U	a	b	c	d
----------	----------	----------	----------	----------	----------	----------

Justifikasi :

MPU = MATAPELAJARAN UMUM

a = Merujuk kepada tahap program pengajian iaitu :

- 1** = **Sijil (tahap 3 KKM)**
- 2** = **Diploma/Diploma Lanjutan (tahap 4/tahap 5 KKM)**
- 3** = **Sarjana Muda (tahap 6 KKM)**

b = Merujuk kepada kelompok kursus MPU iaitu :


- 1** = **Kelompok U1**
- 2** = **Kelompok U2**
- 3** = **Kelompok U3**
- 4** = **Kelompok U4**

C = Merujuk kepada nama kursus yang ditawarkan

Jadual 1.5 : Kaedah Penetapan Kod Kursus

U1	U2	U3	U4
1 = Hubungan Etnik 2 = TITAS 3 = B.M. Komunikasi 1 4 = B.M. Komunikasi 2 5 = Pengajian Malaysia 1 6 = Pengajian Malaysia 2 7 = Pengajian Malaysia 3	1 = Bahasa Kebangsaan A Lain-lain kursus diselaraskan oleh IPT	Diselaraskan oleh IPT	Diselaraskan oleh IPT

d = merujuk kepada bilangan kredit kursus (2 atau 3 kredit)



Rajah 1 : Contoh Penetapan Kod Kursus

Penetapan kod kursus adalah **panduan** kepada IPT bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan. Sekiranya kod kursus yang berbeza dari kod kursus yang dicadangkan, pihak IPT perlu memberi justifikasi kod kursus yang disertakan bersama permohonan kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

BAB 2 KELOMPOK U1

2.1 SKOP PENAWARAN

Skop penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk membentuk/memupuk pelajar yang mempunyai pengetahuan dan penghayatan terhadap sejarah Malaysia dan nilai-nilai murni.

Wajib diambil dan lulus untuk tujuan pengijazahan oleh pelajar warganegara dan pelajar bukan warganegara. Objektif penawaran kursus dalam kelompok U1 adalah untuk:

- (i) menghasilkan pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai warisan dan sejarah Negara serta memperlihatkan nilai-nilai murni dalam interaksi dengan masyarakat;
- (ii) menyediakan kemahiran asas berbahasa Melayu untuk pelajar bukan warganegara.

2.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh:

- (i) membina hubungan dan interaksi sosial dalam konteks kepelbagaian masyarakat;
- (ii) membina kesedaran tentang jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab;
- (iii) menghasilkan pelaporan bertulis dengan jelas dan sistematik serta membuat pembentangan lisan dengan yakin, jelas dan berkesan;
- (iv) menganalisis isu dan cabaran dalam konteks hidup bermasyarakat.

2.3 SENARAI KURSUS

1. Hubungan Etnik
2. Tamadun Asia Tamadun Islam (TITAS)
3. Pengajian Malaysia 1
4. Pengajian Malaysia 2
5. Pengajian Malaysia 3
6. Bahasa Melayu Komunikasi 1
7. Bahasa Melayu Komunikasi 2

2.4 KURSUS HUBUNGAN ETNIK

2.4.1 Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep asas, latar belakang dan realiti sosial masa kini hubungan etnik di Malaysia dari perspektif kesepaduan sosial. Tujuan kursus ini ialah memberikan kesedaran dan penghayatan dalam mengurus kepelbagaian ke arah pengukuhan negara bangsa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti individu, berpasukan dan semangat kesukarelaan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan nilai-nilai murni, mempunyai jati diri kebangsaan, dan menerima kepelbagaian sosio-budaya etnik di Malaysia.

2.4.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) membincang isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (ii) menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab;
- (iii) membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.

2.4.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (ii) menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan dalam pelbagai konteks ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab;
- (iii) membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.

2.4.4 Kandungan Kursus

Jadual 2.1 menunjukkan jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah yang terdapat di dalam bab tersebut.

Jadual 2.1 : Kandungan Kursus Hubungan Etnik

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Malaysia: Kesepaduan Dalam Kepelbagaian	i. Sebuah Negara, Dua Imaginasi Sosiologikal: Antara 'Perpaduan' atau 'Kesepaduan' ii. Hubungan Etnik di Malaysia iii. Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia iv. Kesepaduan Sosial: Pandangan Alternatif untuk Memahami Hubungan Etnik di Malaysia v. Kesepaduan Sosial Melalui Akomodasi, Akulturasi, Amalgamasi dan Asimilasi
2	Potret Hubungan Etnik	i. Kesultanan Melayu Melaka – Lambang Pertemuan Masyarakat Pelbagai Etnik ii. Pembentukan Masyarakat Majmuk Era Kolonialisme British iii. Fokus Hubungan Etnik iv. Kerangka Teori v. Kerangka Konseptual vi. Meneliti Konsep Ras dan Etnik di Malaysia vii. Budaya viii. Konsep Prejudis, Stereotaip dan Diskriminasi ix. Kerangka Teoretis x. Konsep-konsep Tahap Hubungan Etnik
3	Limpahan Kemakmuran Merentasi Hubungan Etnik	i. Isu Sosioekonomi Pada Awal Kemerdekaan ii. Ekonomi Menjadi Isu Etnik iii. Dasar Ekonomi Baru iv. Kejayaan Ekonomi Malaysia v. Isu dan Cabaran
4	Perlembagaan Persekutuan: Tiang Seri Hubungan Etnik	i. Definisi dan Konsep Perlembagaan ii. Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan iii. Malayan Union iv. Persekutuan Tanah Melayu 1948 v. Kerjasama Antara Etnik dalam Menuju Kemerdekaan vi. Suruhanjaya Reid vii. Jawatankuasa Kerja dan Perisytiharan Perlembagaan viii. Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan ix. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja vi. Isu-Isu Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
5	Permuafakatan Politik Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia	i. Pembangunan Politik ii. Pemupukan Hubungan Etnik Secara Formal dalam Politik iii. Demografi dan Politik iv. Pakatan Politik di Sabah dan Sarawak v. Tsunami Politik: Politik Perkauman Semakin Mengendur vi. Perubahan Trend dan Corak Pengundian
6	Kepelbagaian Agama: Mencari Titik Pertemuan	i. Takrif Agama ii. Mengapakah Manusia Beragama? iii. Peranan Agama iv. Penggolongan Agama v. Agama-agama di Malaysia vi. Konflik Agama vii. Mencari Titik Pertemuan
7	Dari Segregasi ke Integrasi	i. Dari Pengasingan ke Penyatuan ii. Cabaran dalam Memupuk Integrasi di Malaysia iii. Peranan Kerajaan iv. Peranan Masyarakat dalam Konteks Hubungan Etnik v. Peranan NGO dalam Konteks Hubungan Etnik
8	Pemeriksaan Pendidikan ke Arah Kesepaduan Sosial	i. Sejarah Pendidikan di Malaysia dan Hubungan Etnik ii. Latar Belakang Pendidikan Komuniti Etnik di Tanah Melayu iii. Sekolah Vernakular Inggeris iv. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Vernakular v. Cabaran dalam Pendidikan dan Bahasa
9	Pengalaman Harian: Menjalin Kesepaduan dan Melahirkan Keharmonian	i. Kepelbagaian Makanan Etnik Pemangkin Perpaduan ii. Makanan dan Ruang Sosial dalam Konteks Hubungan Etnik iii. Kesenian Pelbagai Etnik dan Kesepaduan Sosial iv. Media dan Kesepaduan Sosial

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

2.4.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh berkaitan pemetaan penajajaran konstruktif kursus Hubungan Etnik (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2 : Pemetaan Penajajaran Konstruktif Kursus (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran				Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Kuiz/ MOOC/ Atas talian	Laporan Bertulis/ Refleksi	Projek/Kajian Kes		
1	Membincang isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%				Soalan peperiksaan yang berkaitan dengan isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia dalam bentuk konsep dan aplikasi yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	25 jam
2	Menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab.	KKM4	Kerja lapangan dalam pasukan			30%	15%	Pembentangan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan penilaian ke atas jati diri dan kesukarelaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	30 jam
3	Membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		10%		15%	Pembentangan dan refleksi yang berkaitan dengan pembinaan hubungan etnik yang menekankan atribut 'hormat' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	25 jam
JUMLAH				30%	10%	30%	30%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah $\pm 5\%$ kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penajajaran konstruktif kursus Hubungan Etnik (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3 : Pemetaan Penajajaran Konstruktif Kursus Hubungan Etnik (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/KaedahPentaksiran				Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Kuiz/MOOC/ Atas talian	Laporan Bertulis/ Refleksi	Projek/Kajian Kes		
1	Menghuraikan isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%				Soalan peperiksaan yang berkaitan dengan isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia dalam bentuk konsep, aplikasi dan analisis yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	35 jam
2	Menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan dalam pelbagai konteks ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab.	KKM4	Kerja lapangan dalam pasukan			30%	15%	Pembentangan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan penilaian dan perbincangan ke atas jati diri dan kesukarelaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	50 jam
3	Membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		10%		15%	Pembentangan dan refleksi yang berkaitan dengan pembinaan hubungan etnik yang menekankan atribut 'normat', 'kesedaran sendiri' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	35 jam
JUMLAH				30%	10%	30%	30%		120 jam

Nota: ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk jam untuk pentaksiran formatif.
❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ±5% kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

2.4.6 Contoh Tugas Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugas yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugas bagi kursus Hubungan Etnik (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.4. Sementara itu, contoh-contoh tugas bagi kursus Hubungan Etnik (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.4 : Contoh Tugas Kursus Hubungan Etnik (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH: TUGASAN PROJEK VIDEO Tugas ini dilakukan secara berpasukan. Pendaftaran ahli setiap pasukan dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester. Setiap pasukan perlu mengemukakan kertas cadangan ringkas selewat-lewatnya pada minggu kelima setiap semester. Setiap kertas cadangan mestilah mengandungi elemen-elemen berikut: - Pengenalan - Pernyataan masalah - Objektif - Objektif pertama dan kedua adalah berkaitan masalah yang dikenal pasti. - Objektif ketiga mesti mempunyai hubung kait dengan penilaian kepentingan jati diri kebangsaan seperti penggunaan Bahasa Melayu, pengisian kemerdekaan, dan patriotisme. - Kawasan kajian/komuniti - Carta Gantt - Pembahagian tugas ahli pasukan Laporan bertulis dan projek video perlu dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Projek video juga perlulah mempunyai sari kata dalam Bahasa Melayu. Video yang dihasilkan mestilah tidak melebihi 15 minit. Tugas ini juga mestilah meliputi aktiviti kesukarelaan bersama komuniti tertentu seperti di sebuah keijiranan, rumah kebajikan, rumah orang tua, dan wad kanak-kanak di hospital.	Objektif ketiga tugas ini yang dimestikan mempunyai hubungan kait dengan penilaian kepentingan jati diri kebangsaan, dan kemestian dalam menghasilkan laporan bertulis dan projek video dalam Bahasa Melayu dapat mencapai bahagian pertama HPK1 iaitu penilaian kepentingan jati diri kebangsaan. Sementara itu, kemestian supaya tugas ini meliputi aktiviti kesukarelaan bersama komuniti tertentu seperti di sebuah keijiranan, rumah kebajikan, rumah orang tua, dan wad kanak-kanak di hospital turut dapat mencapai bahagian kedua HPK1 iaitu sikap kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab.	Tugas ini mengukur atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 iaitu identiti dan kesukarelaan melalui aktiviti tugas yang dilaksanakan ini iaitu penghasilan projek video dan tugas bertulis yang memerlukan pelajar menilai kepentingan jati diri kebangsaan, dan aktiviti kesukarelaan bersama komuniti.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN CONTOH SOALAN BERKAITAN PERBINCANGAN ISU HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA: 1. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan Q36. I. Ah Chong bebas memilih mana-mana sekolah atau institusi pendidikan yang dia suka untuk menimba ilmu. II. Siti bebas bergerak ke mana sahaja destinasi yang disukai dalam Semenanjung Malaysia tanpa sebarang sekatan. III. Ali seorang warganegara Malaysia, mempunyai kebebasan mutlak untuk menyuarakan pendapat atas apa jua perkara secara terbuka. IV. Semua warganegara Malaysia yang telah mencapai usia 18 tahun bebas memilih mana-mana agama yang disukainya untuk dianuti. Q36. Pilih situasi-situasi yang menunjukkan hak-hak semua warganegara dalam peruntukan perlembagaan yang disebut sebagai 'kebebasan asasi'. A. I dan II. B. III dan IV. C. I, II dan IV. D. II, III dan IV. CONTOH SOALAN BERKAITAN PERBINCANGAN CABARAN HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA: 1. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan Q44. I. Politik sering dikaitkan dengan kuasa, pembentukan dan pelaksanaan dasar negara. II. Perkongsian ekonomi menumpukan satu aspek penting dalam membentuk hubungan yang erat antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia. III. Faktor bahasa dalam masyarakat berbilang kaum telah menjadi tembok yang memagari sesuatu kaum daripada berinteraksi secara langsung antara satu sama lain. IV. Faktor sentimen dan psikologi merupakan faktor besar yang boleh menjadi penghalang kepada proses pemupukan integrasi antara kaum di Malaysia. Q44. Antara berikut, yang manakah pernyataan yang BENAR berkenaan dengan aspek penting dalam hubungan etnik di Malaysia? A. I dan II. B. III dan IV. C. I, II dan III. D. I, II, III dan IV.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang dibahagikan sama rata di antara bahagian perbincangan isu hubungan etnik dan perbincangan cabaran hubungan etnik iaitu sebanyak 50% soalan untuk bahagian perbincangan isu hubungan etnik di Malaysia dan 50% soalan lagi untuk bahagian perbincangan cabaran hubungan etnik di Malaysia.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multiapis ini memerlukan pelajar menggunakan atribut 'nilai dan sikap' yang merupakan salah satu atribut dalam KKM4.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	REFLEKSI / KUIZ DAN PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN DOKUMENTARI / IKLAN / DRAMA PENDEK Pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti tajuk untuk menghasilkan satu dokumentari, iklan atau drama pendek (10 minit). Objektif penghasilan dokumentari, iklan atau drama pendek ini adalah untuk mencapai nilai-nilai hormat-menghormati, kerjasama, perpaduan dan integrasi kaum, serta bagi mengurangkan jurang <i>inter</i> dan <i>intra</i>etnik. Melalui dokumentari, iklan atau drama pendek ini, pelajar juga perlu menonjolkan ciri-ciri identiti nasional, patriotisme, pembinaan hubungan dan interaksi sosial dengan pelbagai etnik. Pelajar juga perlu mengenal pasti isu-isu hubungan etnik dan menghasilkan plot cerita bagi dokumentari, iklan atau drama pendek mengikut objektif tugasan yang telah dikenal pasti. Pelajar perlu menghasilkan kertas cadangan tetapi tidak perlu dibentangkan. Pelajar hanya perlu menghantar kertas cadangan tersebut untuk dinilai oleh pensyarah. Pelajar perlu menghasilkan refleksi tentang apa yang telah dipelajari sepanjang penghasilan dokumentari, iklan atau drama pendek ini di samping perlu membentangkannya. Pelajar juga perlu menghantar salinan dokumentari, iklan atau drama pendek ini kepada pensyarah dalam bentuk DVD.	Tugasan ini dapat mencapai HPK3 dalam membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik kerana: 1. Tugasan ini memerlukan pelajar mengaplikasi nilai-nilai dalam hubungan etnik seperti hormat-menghormati, kerjasama, perpaduan, semangat kekitaan, dan saling memahami melalui plot cerita, penghayatan peranan dan kreativiti penggunaan teknologi. 2. Pelajar juga perlu melakukan refleksi tentang apa yang telah dipelajari sepanjang proses penghasilan dokumentari, iklan atau drama pendek ini. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui refleksi dan pembentangan.	Tugasan ini mengukur atribut hormat dan tanggungjawab sosial dalam KKM3 kerana dalam proses menyiapkan tugasan ini pelajar perlu mengaplikasi nilai-nilai dalam hubungan etnik iaitu hormat-menghormati dan kerjasama yang memupuk tanggungjawab sosial seperti mana yang dikehendaki oleh atribut KKM3 tersebut.

Jadual 2.5 : Contoh Tugasan Kursus (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH 1: TUGASAN KERJA LAPANGAN DALAM PASUKAN Tugasan ini memerlukan pelajar mengenal pasti isu atau masalah berkaitan hubungan etnik dan pergi melakukan kajian di lapangan. Antara contoh tajuk tugasan yang boleh dipilih oleh pelajar ialah interaksi di antara Masyarakat Orang Asli dan Masyarakat Sekitar: Memacu Kespadaan Sosial. Di bawah tajuk ini, pasukan pelajar boleh memilih untuk mengkaji / menyelidik masyarakat di kampung Orang Asli yang terpencil daripada masyarakat lain. Sebagai objektif kajian, pasukan pelajar ini boleh memilih untuk ingin mengetahui sama ada berlaku atau tidak interaksi di antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain. Mereka juga boleh menjadikan keinginan untuk mengetahui gaya hidup masyarakat Orang Asli iaitu keadaan ekonomi, sosial, agama, pendidikan dan infrastruktur yang ada di kampung Orang Asli tersebut sebagai objektif kajian mereka. Dalam proses melakukan kajian ini, pasukan pelajar ini perlu memohon kebenaran daripada JAKOA. Selain daripada menjalankan kajian tentang masyarakat Orang Asli tersebut pasukan pelajar ini juga perlu turut melakukan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung dan surau serta membantu penduduk kampung tersebut memasarkan hasil hutan mereka melalui media sosial.	Tugasan ini dapat mencapai bahagian pertama HPK1 ini iaitu menilai kepentingan jati diri kebangsaan melalui wujudnya hasrat pasukan pelajar ini untuk menyelidik masyarakat Orang Asli yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur semangat kekitaan dan rasa bangga menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia yang pelbagai etnik dan budaya melalui pembentangan dan laporan bertulis hasil kajian ini. Tugasan ini juga dapat mencapai bahagian kedua HPK1 ini iaitu menilai kepentingan kesukarelaan yang dapat dilihat atau diukur daripada aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung dan surau serta membantu memasarkan hasil hutan penduduk kampung Orang Asli melalui media sosial. Tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur sikap kesukarelaan pelajar-pelajar ini melalui laporan bertulis dan pembentangan hasil daripada penemuan kajian mereka.	Tugasan ini mengukur atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 iaitu identiti dan kesukarelaan melalui aktiviti tugasan yang dilaksanakan ini iaitu kajian berkaitan Orang Asli yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia dan aktiviti gotong-royong serta bantuan pelajar memasarkan hasil hutan penduduk kampung Orang Asli ini dalam media sosial.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	CONTOH 2: TUGASAN PROJEK PENGISIAN KEMERDEKAAN DAN GELANDANGAN Pasukan pelajar diminta membaca artikel ilmiah dan media sosial bagi mencungkil realiti sosial kumpulan masyarakat yang seringkali dikesampingkan kebijakan sosialnya, contohnya para gelandangan di kota raya. Objektif tugas ini ialah supaya pelajar dapat memahami dan menghayati dengan sebenar-benarnya apa yang dimaksudkan dengan pengisian sebuah kemerdekaan. Tugasan ini memerlukan pelajar menyertai program kesukarelaan pertubuhan bukan kerajaan yang ingin membantu ahli masyarakat yang kurang upaya dari segi ekonomi sehinggakan keperluan asas seperti makanan tidak mampu mereka perolehi. Para pelajar dikehendaki turut bekerja sama dengan pertubuhan bukan kerajaan secara sukarela untuk melihat sendiri bagaimana segelintir masyarakat di negara Malaysia yang merdeka ini tidak mampu menguruskan keperluan asas ekoran tekanan ekonomi. Dengan mengambil bahagian dalam membantu golongan gelandangan ini seperti memberikan makanan dan bahan keperluan lain serta memberi tuisyen atau mengajar anak-anak gelandangan, pelajar didedahkan dengan realiti sosial yang tidak mungkin dapat dipelajari di dalam kuliah. Pelajar dapat menghayati kepayahan ekonomi yang dialami oleh mereka dan mampu memberikan kesedaran tentang maksud kemerdekaan yang sebenarnya bukanlah bebas daripada kuasa luar semata-mata tetapi merdeka dari pelbagai sudut iaitu sudut jati diri yang perlu disandarkan dengan maruah diri sebagai satu bangsa Malaysia untuk bersikap bertanggungjawab membantu orang lain dan mempunyai semangat kesukarelaan apabila berhadapan dengan isu seperti ini.	Tugasan ini dapat mencapai bahagian pertama HPK1 ini iaitu menilai kepentingan jati diri kebangsaan melalui wujudnya hasrat pasukan pelajar ini untuk mengkaji gelandangan yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur semangat kekitaan dan peranan pelajar-pelajar ini dalam mengisi kemerdekaan negara Malaysia dengan membantu meringankan beban gelandangan yang pelbagai etnik dan budaya daripada belenggu kesusahan melalui pembentukan dan laporan bertulis hasil kajian ini. Tugasan ini juga dapat mencapai bahagian kedua HPK1 ini iaitu menilai kepentingan kesukarelaan yang dapat dilihat atau diukur daripada aktiviti membantu gelandangan dengan memberikan makanan dan keperluan asas lain serta memberi tuisyen atau mengajar anak-anak gelandangan bersama pertubuhan bukan kerajaan. Tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur sikap kesukarelaan pelajar-pelajar ini melalui laporan bertulis dan pembentukan hasil daripada penemuan kajian mereka.	Tugasan ini mengukur atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 iaitu identiti dan kesukarelaan melalui aktiviti tugas yang dilaksanakan ini iaitu kajian berkaitan gelandangan yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia dan aktiviti membantu gelandangan bersama pertubuhan bukan kerajaan

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN BERTULIS CONTOH SOALAN BERKAITAN ANALISIS ISU HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA: 1. Kebebasan beragama adalah antara unsur penting dalam Perlembagaan Persekutuan. Setiap etnik bebas melaksanakan kepercayaan masing-masing dalam ruang lingkup yang dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan ini telah berjaya mengukuhkan hubungan kaum. Namun terdapat usaha-usaha negatif yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menimbulkan isu sensitif agama dengan tujuan untuk mengugat kestabilan perpaduan. Dalam menangani isu-isu sensitif ini, apakah amalan terbaik yang perlu dilaksanakan? I. Mengamalkan sikap akomodasi. II. Berbincang di antara pelbagai agama melalui Dialog Peradaban. III. Menyerahkan urusan perbincangan kepada pihak yang berautoriti. IV. Mengukuhkan mata pelajaran Sivik dan Kenegaraan di sekolah dan universiti. V. Berpegang teguh dengan prinsip Kepercayaan kepada Tuhan seperti yang termaktub di dalam Rukun Negara. A. I dan II B. III dan IV C. I, II dan IV D. II, III, IV dan V E. I, II, III, IV dan V 2. Pilih isu-isu yang dibincangkan dalam <i>Communities Liaison Committee</i> (CLC): I. Hak istimewa orang Melayu. II. Hak kerakyatan kaum bukan Melayu. III. Kemunduran ekonomi orang Melayu. IV. Pengambilan kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan. V. Kedudukan Islam. A. I, II dan III B. II, III dan IV C. III, IV dan V D. II, III, IV dan V E. I, II, III, IV dan V	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang dibahagikan sama rata di antara bahagian analisis isu hubungan etnik dan analisis cabaran hubungan etnik iaitu sebanyak 50% soalan untuk mengukur analisis pelajar terhadap isu hubungan etnik di Malaysia dan 50% soalan lagi untuk mengukur analisis pelajar terhadap cabaran hubungan etnik di Malaysia.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multilapis ini memerlukan pelajar menggunakan atribut 'nilai dan sikap' yang merupakan salah satu atribut dalam KKM4.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	CONTOH SOALAN BERKAITAN ANALISIS CABARAN HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA: 1. Unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan sangat penting untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat berbilang etnik di Malaysia. Sebarang usaha yang dilakukan untuk memperkai unsur-unsur tradisi ini akan menggugat perpaduan. Justeru itu, apakah langkah-langkah penting yang perlu diambil bagi mempertahankan unsur-unsur tradisi ini? - Memahami sejarah pembentukan perlembagaan. - Menghormati keputusan Perjanjian London. - Mempertahankan pemuafakatan sosial yang telah dimeterai pada masa lampau. - Membuka ruang perbincangan untuk menilai semula unsur-unsur tradisi. - Melindungi unsur-unsur tradisi di bawah Akta Hasutan 1948 atau perundangan lain seumpamanya. - I dan II - III dan IV - I, II, III dan IV - I, II, III dan V - II, III, IV dan V	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang dibahagikan sama rata di antara bahagian analisis isu hubungan etnik dan analisis cabaran hubungan etnik iaitu sebanyak 50% soalan untuk mengukur analisis pelajar terhadap isu hubungan etnik di Malaysia dan 50% soalan lagi untuk mengukur analisis pelajar terhadap cabaran hubungan etnik di Malaysia.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multilapis ini memerlukan pelajar menggunakan atribut 'tanggungjawab sosial' yang merupakan salah satu atribut dalam KKM3.

2.4.7 Rujukan Utama

Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Editor). (2013). *Modul Hubungan Etnik Edisi kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.

Zaid Ahmad, et al. (2013). *Hubungan Etnik di Malaysia edisi ketiga*. Shah Alam: Oxford Fajar.

2.4.8 Rujukan Tambahan

Abdul Aziz Bari. (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Haji Embong. (2000). *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lim, T. G., Gomes, A. and Azly Rahman (eds.). (2009). *Multiethnic Malaysia: Harmony and Conflict*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Aziz dan Mohd Ainuddin Iskandar Lee. (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pearson.

Nazri Muslim. (2015). *Islam dan Melayu: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Syed Husin Ali. (2008). *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Zawawi Ibrahim. (2012). *Social Science and Knowledge in a Globalising World*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

2.5 KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)

2.5.1 Sinopsis

Kursus ini membincangkan ilmu ketamadunan yang meliputi pengenalan ilmu ketamadunan, perkembangan dan interaksi ketamadunan dalam Tamadun Islam, Melayu, Cina, India, serta isu ketamadunan kontemporari dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman mengenai setiap elemen tersebut dan implikasinya terhadap proses pembangunan negara. Selain itu, perbincangan dan perbahasan dalam kursus ini turut berperanan dalam usaha melahirkan pelajar yang mengetahui warisan sejarah negara, memupuk nilai murni, mempunyai jati diri kebangsaan dan menghargai kepelbagaian.

2.5.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) membincangkan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia;
- (ii) mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya;
- (iii) menghubungkan kait elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.

2.5.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia;
- (ii) mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya;
- (iii) membahaskan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.

2.5.4 Kandungan Kursus

Jadual 2.6 : Kandungan Kursus TITAS

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Pengenalan Ilmu Ketamadunan	i. Pengenalan ii. Definisi Ilmu Ketamadunan iii. Konsep Tamadun iv. Hubungan Ilmu Ketamadunan dan Sejarah Tamadun v. Hubungan antara Tamadun, Agama, Bangsa dan Budaya vi. Pemikiran Ibnu Khaldun vii. Kitaran Ketamadunan viii. Interaksi Antara Tamadun ix. Penutup
2	Tamadun Islam	i. Pengenalan ii. Konsep Tamadun Islam iii. Pandangan Semesta Tamadun Islam iv. Jihad dalam Islam v. Kelahiran, Perkembangan dan Kemerosotan vi. Iktibar daripada Kemerosotan Tamadun Islam vii. Interaksi Tamadun Islam viii. Pencapaian dan Sumbangan Tamadun Islam ix. Isu-isu Semasa Tamadun Islam x. Penutup
3	Tamadun Melayu	i. Pengenalan ii. Konsep Tamadun Melayu iii. Asas-asas Tamadun Melayu iv. Pandangan Semesta Tamadun Melayu v. Pencapaian dan Sumbangan • Sains dan Teknologi • Kesenian • Persuratan dan Kesusasteraan • Perubatan vi. Kesenambungan Tamadun Melayu dalam Pembinaan Tamadun Malaysia vii. Penutup
4	Tamadun India	i. Pengenalan ii. Konsep Tamadun India iii. Asas-asas Tamadun India iv. Pandangan Semesta Tamadun India v. Pencapaian dan Sumbangan • Sains dan Teknologi • Kesenian • Persuratan dan Kesusasteraan • Perubatan vi. Interaksi Ketamadunan dalam Tamadun India vii. Relevansi Tamadun India di Malaysia viii. Penutup

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
5	Tamadun Cina	i. Pengenalan ii. Konsep Tamadun Cina iii. Asas-asas Tamadun Cina iv. Pandangan Semesta Tamadun Cina v. Pencapaian dan Sumbangan • Sains dan Teknologi • Kesenian • Persuratan dan Kesusasteraan • Perubatan vi. Interaksi Ketamadunan dalam Tamadun Cina vii. Relevansi Tamadun Cina di Malaysia viii. Penutup
6	Isu-isu Semasa Dan Cabaran Masa Depan	i. Pengenalan ii. Dunia Berbilang Tamadun iii. Hegemoni Barat • Zionisme • Globalisasi • Penghakisan Jati Diri • Hegemoni Politik • Hegemoni Ekonomi • Hegemoni Sosial iv. Teori Pertembungan Tamadun v. Dialog antara Tamadun vi. Isu-isu Ketamadunan Semasa • Terrorisme dan Salah Faham Tentang Jihad • Alam Sekitar • Gajet dan Media Sosial • Kekeluargaan • Feminisme vii. Penutup

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

2.5.5 PEMETAAN PENAJARAN KONSTRUKTIF KURSUS (2 KREDIT)

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2 Kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.7.

Jadual 2.7: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Pentaksiran bertulis (peperiksaan/ ujian/ulasan/ folio)	Kuiz/ MOOC/ Atas talian	Tugasan berkumpulan (report/ulasan/ pembentangan/ video & refleksi)		
1	Mengenal pasti peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan	30%	10%		Soalan pentaksiran bertulis dan kuiz yang berkaitan penilaian ke atas identiti yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	25 jam
2	Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan			30%	Pembentangan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan moral yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	30 jam
3	Menghubung kait elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan			30%	Pentaksiran bertulis dan tugasan berkumpulan yang berkaitan dengan rasional terhadap masyarakat pelbagai budaya yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	25 jam
JUMLAH				30%	10%	60%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

2.5.6 CONTOH TUGASAN BERDASARKAN HPK DAN ATRIBUT KKM YANG DIPILIH

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh tugasan bagi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Contoh Tugasan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN BERTULIS CONTOH SOALAN BERKAITAN PEMBENTUKAN SISTEM NILAI MASYARAKAT: Berburu ke padang datar Dapat rusa belang kaki Berguru kepalang ajar Bagai bunga kembang tak jadi Apakah nilai utama yang dimaksudkan dalam pantun tersebut; - Menghormati haiwan - Memelihara flora dan fauna - Menuntut ilmu sehingga tamat - Menuntut ilmu adalah tanggungjawab individu CONTOH SOALAN BERKAITAN ELEMEN KETAMADUNAN DENGAN ISU KEMASYARAKATAN SEMASA: S. Huntington mengemukakan teori _____ pada tahun 1996. Teori tersebut mempromosikan idea sebagai Tahun _____. Pada tahun 2001, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengisytiharkan tahun tersebut sebagai Tahun _____. - Kitaran Peradaban – Perkembangan Peradaban – Dialog Peradaban. - Dialog Peradaban – Pertumbuhan Peradaban – Order Baru Dunia. - Order Baru Dunia – Kitaran Peradaban – Perkembangan Peradaban. - Pertumbuhan Peradaban – Pertumbuhan Budaya – Dialog Peradaban. Abad ke 21 telah menyaksikan pelbagai tragedi kemanusiaan yang amat memeritkan. Justeru, abadi ini menyaksikan keprihatinan warga dunia terhadap dialog ketamadunan. Kepentingan dialog ketamadunan muncul kerana - keimbangan terhadap perkembangan teknologi persenjataan. - warga dunia sedang menyaksikan perkembangan pesat sains dan teknologi.	Soalan-soalan peperiksaan, ujian, ulasan atau folio bertulis yang membentuk sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa yang dibahagikan sama rata di antara bahagian perbincangan pembentukan sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa iaitu sebanyak 50% soalan untuk bahagian perbincangan pembentukan sistem nilai masyarakat dan 50% soalan lagi untuk bahagian elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.	Soalan-soalan peperiksaan, ujian, ulasan atau folio bertulis yang dikemukakan berkaitan pembentukan sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa yang berbentuk soalan aneka pilihan multilapis ini memerlukan pelajar menilai dan menghayati nilai positif yang membentuk identiti Malaysia/Asia yang merupakan salah satu atribut dalam KKM4, di samping kemampuan untuk berfungsi dalam masyarakat pelbagai budaya yang merupakan sebahagian daripada atribut dalam KKM3.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	III. munculnya kesedaran terhadap kewujudan kepelbagaian masyarakat manusia di dunia ini. IV. dorongan agama kerana warga dunia kini telah kembali menghayati dan mengamalkan ajaran agama masing-masing. A. I dan II. B. I, II dan III. C. III, IV dan V. D. II, III, IV dan V		
2	KUIZ/MOOC/ATAS TALIAN CONTOH KUIZ/MOOC/ATAS TALIAN: 2. <i>Terdapat lima elemen penting dalam sistem sosial Tamadun Cina yang dikenali sebagai Wu Chang. Terangkan Wu Chang dalam bentuk peta minda.</i> *Kuiz boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk, seperti gamifikasi dan sebagainya.	Soalan kuiz/MOOC/ atas talian ini meliputi peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.	Tugasan ini berkaitan penilaian ke atas identiti yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 kerana dalam proses menyiapkan tugasan ini pelajar perlu membincangkan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.
3	TUGASAN BERKUMPULAN (PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS) CONTOH: TUGASAN BERKUMPULAN Tugasan ini memerlukan pelajar mengenal pasti isu ketamadunan dalam masyarakat Malaysia. Antara contoh tajuk tugasan yang boleh dipilih oleh pelajar ialah Rumah Ibadat Sebagai Elemen Penting Ketamadunan Masyarakat Malaysia. Di bawah tajuk ini, kumpulan pelajar boleh memilih untuk mengkaji / menyelidik Rumah Ibadat mana-mana agama utama di Malaysia. Lebih baik lagi jika Rumah Ibadat yang dipilih adalah berbeza dengan agama yang dianuti oleh majoriti ahli kumpulan pelajar. Bagi menjalankan kajian begitugu, pelajar juga perlu menggunakan pelbagai kemahiran insaniah, seperti kemahiran berkomunikasi untuk mengatur lawatan dan temu bual dengan pihak Rumah Ibadat terpilih. Melalui temubual dan pemerhatian di Rumah Ibadat, para pelajar dapat mengenali, mengetahui, memahami dan menghormati pelbagai agama utama di Malaysia. Dapatan kajian, kemudiannya dikongsi bersama rakan lain melalui pembentangan dan dipersembahkan dalam bentuk laporan bertulis.	Tugasan ini dapat mencapai bahagian pertama HPK2 ini iaitu kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya. Tugasan ini juga dapat mencapai bahagian kedua HPK3 ini iaitu mengaitkan elemen ketamadunan dengan realiti kemasyarakatan pelbagai etnik semasa.	Tugasan ini mengukur atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3 iaitu rasional terhadap masyarakat pelbagai budaya melalui aktiviti tugasan yang dilaksanakan ini iaitu penghasilan tugasan bertulis dan pembentangan yang memerlukan pelajar membahaskan elemen ketamadunan dalam konteks isu kemasyarakatan semasa. Selain itu, tugasan ini mencapai atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 iaitu elemen moral semasa berinteraksi dalam pelaksanaan tugasan.

2.5.7 PEMETAAN PENJAJARAN KONSTRUKTIF KURSUS (3 KREDIT)

Contoh berkaitan pemetaan penajajaran konstruktif kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (3 Kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.9.

Jadual 2.9: Pemetaan Penajajaran Konstruktif Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Pentaksiran bertulis (peperiksaan/ ujian/ ulasan/folio)	Kuiz/MOOC/ Atas talian	Tugasan berkumpulan (report/ulasan/ pembentangan/ video & refleksi)		
1	Menghuraikan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan	15%	10%		Soalan pentaksiran bertulis dan kuiz yang berkaitan penilaian ke atas identiti yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	35 jam
2	Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan			30%	Pembentangan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan moral yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	30 jam
3	Membahaskan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan	15%		30%	Pentaksiran bertulis dan tugasan berkumpulan yang berkaitan dengan rasional terhadap masyarakat pelbagai budaya yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	55 jam
JUMLAH				30%	10%	60%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Jadual 2.10: Contoh Tugasan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN BERTULIS CONTOH SOALAN BERKAITAN PEMBENTUKAN SISTEM NILAI MASYARAKAT: 1. Saudara, Demi berkat kucupan Hajarat Aswad Makam Ibrahim dan Hajar Ismail Marilah meniti bara dan buih Yang ditakuti meriejak maut Kerana maut pun ialah saudara Hidup pun ialah bencana duka Merjunjung kalimah dan amanah Yang di pangkukan ke atas bahu Atas nama Muslim dan Tauhid	Soalan-soalan peperiksaan, ujian, ulasan atau folio bertulis ini meliputi pembentukan sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa yang dibahagikan sama rata di antara bahagian perbincangan pembentukan sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa iaitu sebanyak 50% soalan untuk bahagian perbincangan pembentukan sistem nilai masyarakat dan 50% soalan lagi untuk bahagian elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.	Soalan-soalan peperiksaan, ujian, ulasan atau folio bertulis yang dikemukakan berkaitan pembentukan sistem nilai masyarakat dan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa yang membentuk soalan aneka pilihan multiapilasi ini memerlukan pelajar menilai dan menghayati nilai positif yang membentuk identiti Malaysia/Asia yang merupakan salah satu atribut dalam KKM4, di samping kemampuan untuk berfungsi dalam masyarakat pelbagai budaya yang merupakan sebahagian daripada atribut dalam KKM 3.

- Berdasarkan puisi Melayu tema keislaman tersebut, apakah mesej utama yang hendak disampaikan?
- A. Bersabar menempuh dugaan.
 - B. Maut akan tiba bila-bila masa sahaja.
 - C. Semua orang perlu sujud kepada Tuhan yang Esa.
 - D. Persaudaraan Muslim yang akrab dalam kalangan pelbagai bangsa.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	CONTOH SOALAN BERKAITAN ELEMEN KETAMADUNAN DENGAN ISU KEMASYARAKATAN SEMASA BANGKOK: "Kami orang Rohingya, jadi tolonglah panggil kami Rohingya," demikian rayu Haje Ismail, seorang aktivis Rohingya ketika ikon demokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi, melawat Thailand dalam kunjungan pertama beliau ke negara ini baru-baru ini. Pejuang hak masyarakat Rohingya itu menaruh harapan tinggi terhadap Suu Kyi selepas parti pimpinannya mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya Myanmar. Antara perkara yang menjadi harapannya ialah agar Suu Kyi memperbaiki nasib dan kehidupan setengah juta masyarakat Rohingya di Myanmar, setelah mereka dizalimi sejak berpuluh tahun lalu. Bagaimanapun, harapan yang diletakkan kepada Suu Kyi terus berubah menjadi kemarahan apabila wanita bergelar pejuang demokrasi itu bukan sahaja gagal menangani ketidakadilan yang menimpa kumpulan minoriti itu, malah enggan memanggil mereka sebagai Rohingya. "Segala yang kami harapkan daripada tokoh demokrasi itu berkecaj semuanya. Kami benar-benar tidak menyangka pemenang Hadiah Nobel ini sanggup mengambil pendirian politik bersifat keras dan negatif serta tidak demokratik seperti itu," katanya. - Berita Harian Online, Ahad, 3 Julai 2016		
	1. Apakah isu utama yang boleh dikaitkan dengan petikan tersebut A. Taraf kewarganegaraan B. Kebebasan beragama C. Kelayakan hadiah nobel D. Semangat Kebangsaan 2. Anugerah Hadiah Nobel Perdamaian kepada Aung San Suu Kyi dipertikaikan atas faktor berikut, kecuali A. Enggan menerima kepelbagaian agama B. Memperjuangkan kemerdekaan negara C. Menafikan terhadap hak asasi kemanusiaan D. Enggan menerima kepelbagaian etnik 3. Cadangkan bagaimana isu Rohingya ini dapat diselesaikan melalui dialog peradaban. _____ _____ _____ (15 markah)		

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	KUIZ/MOOC/ATAS TALIAN CONTOH KUIZ/MOOC/ATAS TALIAN: <i>Tamadun mengemukakan beberapa konsep penting dalam mengatur hubungan sesama anggota masyarakat. Huraikan bagaimana konsep Xiao berperanan sebagai elemen penting dalam pembentukan sistem keluarga masyarakat Cina.</i>	Soalan kuiz/MOOC/atas talian ini meliputi perbincangan mengenai peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia	Tugasan ini berkaitan penilaian ke atas identiti yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 kerana dalam proses menyiapkan tugasan ini pelajar perlu membincangkan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.
3	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH: TUGASAN BERKUMPULAN Tugasan ini memerlukan pelajar mengenal pasti isu ketamadunan dalam masyarakat Malaysia. Antara contoh tajuk tugasan yang boleh dipilih oleh pelajar ialah Rumah Ibadat. Sebagai Elemen Penting Ketamadunan Masyarakat Malaysia. Di bawah tajuk ini, pasukan pelajar boleh memilih untuk mengkaji/ menyelidik Rumah Ibadat mana-mana agama utama di Malaysia. Lebih baik lagi Rumah Ibadat yang dipilih adalah berbeza dengan agama yang dianuti oleh majoriti ahli kumpulan pelajar. Bagi menjalankan kajian sebegini, pelajar juga perlu menggunakan pelbagai kemahiran insaniah, seperti kemahiran berkomunikasi untuk mengatur lawatan dan temu bual dengan pihak Rumah Ibadat terpilih. Melalui temubual dan pemerhatian di Rumah Ibadat, para pelajar dapat mengenali, mengetahui, memahami dan menghormati pelbagai agama utama di Malaysia. <i>Selain itu, pelajar dapat menghuraikan peranan agama dalam memupuk keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.</i> Dapatan kajian, kemudiannya dikongsi bersama rakan lain melalui pembentangan dan dipersembahkan dalam bentuk laporan bertulis.	Tugasan ini dapat mencapai bahagian pertama HPK2 ini iaitu kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya. Tugasan ini juga dapat mencapai bahagian kedua HPK3 ini iaitu membincangkan secara mendalam dan kritikal kaitan antara elemen ketamadunan dengan realiti kemasyarakatan pelbagai etnik semasa.	Tugasan ini mengukur atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3 iaitu rasional terhadap masyarakat pelbagai budaya melalui aktiviti tugasan yang dilaksanakan ini iaitu penghasilan tugasan bertulis dan pembentangan yang memerlukan pelajar membahaskan elemen ketamadunan dalam konteks isu kemasyarakatan semasa. Selain itu, tugasan ini mencapai atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4 iaitu elemen moral semasa berinteraksi dalam pelaksanaan tugasan.

2.5.8 Rujukan Utama

Ibn Khaldun, Abdul Rahman. (2002). Mukadimah Ibn Khaldun (terj.).Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan TamadunAsia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

2.5.9 Rujukan Tambahan

Ahmad Zaki Abd. Latiff, Azam Hamzah, Azhar Mat Aros. (2013). Buku Teks Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Edisi Ketiga.Shah Alam: Oxford Fajar.

Burhan Che Daud, Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Shahrman Abu Bakar. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS)*, Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Nasruddin Yunus, Aminudin Basir, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan. (2014). Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Bangi: Pusat CITRA Universiti, UKM.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1971). *Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Malaya. (2001). Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

2.6 KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA 1

2.6.1 Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang Sejarah Negara, Masyarakat Malaysia, Sistem Politik, Pembinaan Negara Bangsa, Dasar-Dasar Kerajaan dan Islam di Malaysia. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan semangat patriotisme yang unggul. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugas, peperiksaan dan pengalaman pembelajaran.

2.6.2 Hasil Pembelajaran (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan kepelbagaian dalam masyarakat;
- (ii) menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme;
- (iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

2.6.3 Hasil Pembelajaran (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat;
- (ii) menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme;
- (iii) membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

2.6.4 Kandungan Kursus

Jadual 2.11 menunjukkan jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan yang terdapat di dalam bab tersebut.

Jadual 2.11 : Kandungan Kursus Pengajian Malaysia 1

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Sejarah Negara	i. Kerajaan Melayu ii. Zaman Penjajahan iii. Perjuangan Kemerdekaan iv. Pembentukan Malaysia
2	Masyarakat Malaysia	i. Masyarakat ii. Budaya
3	Sistem Politik	i. Komponen Utama Kerajaan ii. Raja Berperlembagaan iii. Demokrasi Berparlimen
4	Pembinaan Negara Bangsa	i. Masyarakat Kepelbagaian ii. Integrasi dan perpaduan nasional
5	Dasar-Dasar Kerajaan	i. Dasar Ekonomi ii. Dasar Sosial iii. Dasar Luar
6	Islam di Malaysia	i. Islam agama Persekutuan ii. Masyarakat Islam di Malaysia iii. Agama-agama di Malaysia

Nota:

❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

2.6.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Pengajian Malaysia 1 (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.12.

Jadual 2.12 : Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Pengajian Malaysia 1 (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Projek/Kajian Kes/ Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Menghuraikan kepelbagaian dalam masyarakat.	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		30%	Peperiksaan / ujian dan laporan bertulis berkaitan kepelbagaian dalam masyarakat yang menekankan atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	50 jam
2	Menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme.	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan berkaitan identiti kebangsaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	15 jam
3	Membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan, kerja lapangan dalam pasukan		10%	10%	Pembentangan dan refleksi berkaitan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	15 jam
JUMLAH				30%	30%	40%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Pengajian Malaysia 1 (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.13.

Jadual 2.13 : Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Pengajian Malaysia 1 (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Menghuraikan dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		30%	Peperiksaan / ujian dan laporan bertulis berkaitan kepelbagaian dalam masyarakat yang menekankan atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	70 jam
2	Menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan berkaitan identiti kebangsaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	25 jam
3	Membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan, kerja lapangan dalam pasukan		10%	10%	Pembentangan dan refleksi berkaitan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	25 jam
JUMLAH				30%	30%	40%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

2.6.6 Contoh Tugas Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Pengajian Malaysia 1 (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.14. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Pengajian Malaysia 1 (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.15.

Jadual 2.14 : Contoh Tugas Kursus Pengajian Malaysia 1 (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN BERTULIS CONTOH: KAJIAN LAPANGAN Laporan bertulis ini dilakukan secara berpasukan. Format laporan bertulis adalah seperti berikut: - Pengenalan - Objektif - Analisis kandungan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan Elemen laporan bertulis ini mengandungi analisis bergambar mengenai pembangunan dan pengurusan infrastruktur setempat, tapak bersejarah, perayaan dan kebudayaan serta yang berkaitan.	Objektif laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan kepentingan identiti kebangsaan. Laporan bertulis dapat menunjukkan sikap tanggungjawab sosial bagi mencapai HPK1.	Laporan bertulis mengukur atribut tanggungjawab sosial dalam KKM3 melalui aktiviti tugasan yang diberi.
1	PEPERIKSAAN CONTOH SOALAN: Bab 1 Masyarakat Melayu pada peringkat awal menentang penjajah British kerana faktor-faktor berikut KECUJAL: - British telah campurtangan dalam hal ehwal adat dan agama Tanah Melayu. - British memperkenalkan cukai-cukai seperti cukai kepala. - British juga menyebarkan agama Kristian. - Buku-buku banyak ditulis oleh British.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi bab-bab 1, 2, 4 dan 6.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multilapis yang merupakan salah satu atribut dalam KKM3.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	Bab 2 Masyarakat Islam merayakan perayaan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Islam yang disebut sebagai bulan _____ - Ramadhan. - Muharam. - Syawal. - Rejab . Bab 4 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara (JPN) bagi memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional? - Mengeluarkan beberapa penerbitan bersifat perpaduan seperti muhibah, kejiranan dan lain-lain. - Mengisytiharkan Hari Perpaduan pada setiap 16 September setiap tahun. - Kempen menggalakkan pengibaran bendera Malaysia. - Pertandingan koir, menulis dan mewarna. - I, II dan III - I, II dan IV - II, III dan IV - I, II, III dan IV Bab 6 Manakah antara berikut berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia? - Taoisme. - Confucious. - Penyembahan nenek moyang. - Yin Yang. - I dan II - II dan III - I, II dan IV - I, II, III dan IV		

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN Pembentangan tugas/pembentangan laporan bertulis dilakukan secara berpasukan/individu Format pembentangan tugas/pembentangan laporan bertulis adalah seperti berikut: - Pengenalalan - Objektif - Penyataan masalah - Analisis kandungan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan	Objektif pembentangan tugas/ pembentangan laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan pembinaan nilai dan sikap. Pembentangan tugas/pembentangan laporan bertulis hendaklah menunjukkan sikap tanggungjawab sosial yang dapat mencapai HPK2.	Pembentangan tugas dan laporan bertulis mengukur atribut tanggungjawab sosial dalam KKM4 melalui pembentangan tugas yang diberi.
3	REFLEKSI DAN PEMBENTANGAN KAJIAN LAPANGAN CONTOH REFLEKSI Refleksi hendaklah disediakan oleh pensyarah mengikut kreativiti masing-masing. CONTOH PEMBENTANGAN KAJIAN LAPANGAN (TUGASAN VIDEO : DOKUMENTARI / IKLAN / DRAMA PENDEK) Pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti tajuk untuk menghasilkan satu dokumentari, iklan atau drama pendek (10 minit). Objektif penghasilan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini adalah untuk mencapai nilai-nilai kerja berpasukan. Melalui video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini, pelajar juga perlu menonjolkan ciri-ciri identiti kebangsaan dan nilai patriotisme. Pelajar juga perlu mengenal pasti isu-isu semasa di Malaysia dan menghasilkan plot cerita bagi video : dokumentari, iklan atau drama pendek mengikut objektif tugas yang telah dikenal pasti. Pelajar juga perlu menghantar salinan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini kepada pensyarah dalam bentuk CD/DVD/secara atas talian.	Refleksi dan pembentangan kajian lapangan mestilah mencapai HPK3 dalam membina hubungan dan interaksi sosial melalui: - Tugas ini memerlukan pelajar mengaplikasi nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kerjasama, perpaduan, semangat kekitaan dan kreativiti dalam penggunaan teknologi. - Pelajar juga perlu melakukan refleksi tentang apa yang telah dipelajari sepanjang proses penghasilan video: dokumentari, iklan atau drama pendek.	Refleksi dan pembentangan kajian lapangan mengukur KKM5 melalui atribut kerja berpasukan dalam membina hubungan baik, menghormati dan menerima pendapat.

Jadual 2.15 : Contoh Tugas Pengajian Malaysia 1 (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN BERTULIS CONTOH: KAJIAN LAPANGAN Laporan bertulis ini dilakukan secara berpasukan. Format laporan bertulis adalah seperti berikut: I. Pengenalan II. Objektif III. Analisis kandungan IV. Kesimpulan V. Pembahagian tugas ahli pasukan Elemen laporan bertulis ini mengandungi analisis bergambar mengenai pembangunan dan pengurusan infrastruktur setempat, tapak bersejarah, perayaan dan kebudayaan serta yang berkaitan.	Objektif laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan kepentingan identiti kebangsaan. Laporan bertulis dapat menunjukkan sikap tanggungjawab sosial bagi mencapai HPK1.	Laporan bertulis mengukur atribut tanggungjawab sosial dalam KKM3 melalui aktiviti tugasan yang diberi.
1	PEPERIKSAAN / UJIAN CONTOH SOALAN: Bab 1 Masyarakat Melayu pada peringkat awal menentang penjajah British kerana faktor-faktor berikut KECUALI A. British telah campurtangan dalam hal ehwal adat dan agama Tanah Melayu B. British memperkenalkan cukai-cukai seperti cukai kepala C. British juga menyebarkan agama Kristian D. Buku-buku banyak ditulis oleh British Bab 2 Masyarakat Islam merayakan perayaan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Islam yang disebut sebagai bulan _____ A. Ramadhan B. Muharam C. Syawal D. Rejab	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi bab-bab 1, 2, 4 dan 6.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multiapis yang merupakan salah satu atribut dalam KKM3.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	Bab 4 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara bagi memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional? - Mengeluarkan beberapa penerbitan bersifat perpaduan seperti muhibah, kejiranan dan lain-lain - Mengisytiharkan Hari Perpaduan pada setiap 16 September setiap tahun. - Kempen menggalakkan pengibaran bendera Malaysia. - Pertandingan Kolir, menulis dan mewarna - I, II dan III - I, II dan IV - II, III dan IV - I, II, III dan IV Bab 6 Manakah antara berikut berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia? - Taoisme - Confucious - Penyembahan nenek moyang - Yin Yang - I dan II - II dan III - I, II dan IV - I, II, III dan IV		

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN KAJIAN LAPANGAN Tugasan ini dilakukan secara berpasukan/ individu Format laporan adalah seperti berikut: - Pengenalan - Objektif - Penyataan Masalah - Analisis kandungan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan	Objektif tugasan ini mempunyai hubungan dengan pembinaan nilai dan sikap. Tugasan ini menunjukkan sikap tanggungjawab sosial yang dapat mencapai HPK2.	Tugasan ini mengukur atribut tanggungjawab sosial dalam KKM4 melalui pembentangan tugasan yang diberi.
3	REFLEKSI CONTOH REFLEKSI Refleksi hendaklah disediakan oleh pensyarah mengikut kreativiti masing-masing. CONTOH PEMBENTANGAN KAJIAN LAPANGAN (TUGASAN VIDEO : DOKUMENTARI / IKLAN / DRAMA PENDEK) Pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti tajuk untuk menghasilkan satu dokumentari, iklan atau drama pendek (10 minit). Objektif penghasilan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini adalah untuk mencapai nilai-nilai kerja berpasukan. Melalui video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini, pelajar juga perlu menonjolkan ciri-ciri identiti kebangsaan dan nilai patriotisme. Pelajar juga perlu mengenal pasti isu-isu semasa di Malaysia dan menghasilkan plot cerita bagi video : dokumentari, iklan atau drama pendek mengikut objektif tugasan yang telah dikenal pasti. Pelajar juga perlu menghantar salinan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini kepada pensyarah dalam bentuk CD/DVD/secara atas talian.	Refleksi dan pembentangan kajian lapangan mengukur KKM5 melalui atribut kerja berpasukan dalam membina hubungan baik, menghormati dan menerima pendapat. Refleksi dan pembentangan kajian lapangan mengukur KKM3 dalam membina hubungan dan interaksi sosial melalui: - Tugasan ini memerlukan pelajar mengapikasi nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kerjasama, perpaduan, semangat kekitaan dan kreativiti dalam penggunaan teknologi. - Pelajar juga perlu melakukan refleksi tentang apa yang telah dipelajari sepanjang proses penghasilan video: dokumentari, iklan atau drama pendek.	

2.6.7 Rujukan Utama

Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin. (2014). *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.

2.6.8 Rujukan Tambahan

INTAN. (1991). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.

Mohamed Suffian Hashim. (1994). *Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nazaruddin Haji Mohd Jail, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Hj Mohd Rashid. (2004). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan. Edisi Kedua*. Petaling Jaya. Prentice Hall.

Nazri Muslim. (2015). *Islam dan Melayu: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail & Zaini Othman. (2010). *Kenegaraan Malaysia. Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar.

2.7 KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA 2

2.7.1 Sinopsis

Kursus ini membincangkan Sejarah dan Politik, Perlembagaan Malaysia, Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara, Kemasyarakatan dan Perpaduan dan Pembangunan Negara dan Agama Kepercayaan. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan semangat patriotisme yang unggul. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugas, peperiksaan dan pengalaman pembelajaran.

2.7.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan kepelbagaian dalam masyarakat;
- (ii) menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme;
- (iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

2.7.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghurai dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat;
- (ii) mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme;
- (iii) membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

2.7.4 Kandungan Kursus

Jadual 2.16 menunjukkan jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah yang terdapat di dalam bab tersebut.

Jadual 2.16: Kandungan Kursus Pengajian Malaysia 2

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Sejarah dan Politik	i. Latar Belakang Sejarah Negara ii. Kemerdekaan iii. Pembentukan Malaysia
2	Perlembagaan Malaysia	i. Keluhuran Perlembagaan ii. Peruntukan Utama Perlembagaan Malaysia
3	Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara	i. Federalisme ii. Demokrasi Berparlimen di Malaysia iii. Komponen Utama Kerajaan
4	Kemasyarakatan dan Perpaduan	i. Komposisi Etnik Penduduk Malaysia ii. Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional iii. Rukun Negara Sebagai Ideologi
5	Pembangunan Negara	i. Rancangan Pembangunan ii. Dasar Ekonomi iii. Dasar Sosial iv. Dasar Luar
6	Agama dan Kepercayaan	i. Agama dan Kepercayaan di Malaysia ii. Islam dalam Perlembagaan Malaysia iii. Islam dan Masyarakat

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

2.7.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh berkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Pengajian Malaysia 2 (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.17.

Jadual 2.17: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Pengajian Malaysia 2 (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Menghuraikan kepelbagaian dalam masyarakat	KKM3	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		30%	Peperiksaan / ujian dan laporan bertulis berkaitan kepelbagaian dalam masyarakat yang menekankan atribut tanggungjawab sosial dalam KKM3.	50 jam
2	Menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan berkaitan identiti kebangsaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	15 jam
3	Membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan Kerja lapangan dalam pasukan		10%	10%	Pembentangan dan refleksi berkaitan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut kerja epasukan dalam KKM5.	15 jam
JUMLAH				30%	30%	40%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Pengajian Malaysia 2 (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.18.

Jadual 2.18: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Pengajian Malaysia 2 (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Projek/Kajian Kes Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Menghuraikan dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat	KKM3	Kuliah interaktif e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		30%	Peperiksaan / ujian dan laporan bertulis berkaitan kepelbagaian dalam masyarakat yang menekankan atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	70 jam
2	Mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme	KKM4	Kuliah interaktif e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan berkaitan identiti kebangsaan yang menekankan atribut 'nilai dan sikap' dalam KKM4.	20 jam
3	Membina dan menupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar	KKM5	Kuliah interaktif e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan Kajian lapangan dalam pasukan		10%	10%	Pembentangan dan refleksi berkaitan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	30 jam
JUMLAH				30%	30%	40%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ±5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

2.7.6 Contoh Tugasan Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Pengajian Malaysia 2 (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.19. Sementara itu, contoh-contoh tugasan bagi kursus Pengajian Malaysia 2 (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 2.20.

Jadual 2.19 : Contoh Tugasan Kursus Pengajian Malaysia 2 (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN BERTULIS CONTOH: KAJIAN LAPANGAN Laporan bertulis ini dilakukan secara berpasukan. Format laporan bertulis adalah seperti berikut: I. Pengenalan II. Objektif III. Penyataan masalah IV. Analisis kandungan V. Cadangan VI. Kesimpulan VII. Pembahagian tugas ahli pasukan Elemen laporan bertulis ini mengandungi analisis bergambar mengenai pembangunan dan pengurusan infrastruktur setempat, tapak bersejarah, perayaan dan kebudayaan serta yang berkaitan.	Objektif laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan kepentingan identiti kebangsaan. Laporan bertulis dapat menunjukkan sikap tanggungjawab sosial bagi mencapai HPK1.	Laporan bertulis mengukur atribut tanggungjawab sosial dalam KKM3 melalui aktiviti tugasan yang diberi.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	PEPERIKSAAN / UJIAN CONTOH SOALAN: Bab 1 Mereka merupakan golongan yang menetap dalam perahu atau dipinggir-pinggir pantai. Mereka manusia yang tahan lasak, tahu selok belok laut dan sangat setia kepada raja-raja Melayu. Kenyataan ini merujuk kepada _____. A. Orang Sungai B. Orang Asli C. Orang Pantai D. Orang Laut Bab 4 Antara pernyataan berikut, yang manakah sering dikaitkan sebagai masalah dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka? I. Pemisahan tempat tinggal II. Pengasingan sistem pendidikan III. Fahaman dan tumpuan politik IV. Perbezaan warna kulit A. I dan II B. I, II dan III C. I, II dan IV D. I, II, III dan IV Bab 6 Manakah di antara berikut berkaitan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan? I. Islam ialah agama persekutuan II. Raja/Sultan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing III. Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam bagi wilayah persekutuan IV. Parlimen berhak menubuhkan sebuah majlis agama bagi menasihati YDPA mengenai hal ehwal Islam A. I dan II B. I, II dan III C. I,III dan IV D. I,II,III dan IV	Soalan-soalan peperiksaan/ujian bertulis ini meliputi bab-bab 1, 4 dan 6.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang membentuk soalan aneka pilihan multiapis yang merupakan salah satu atribut dalam KKM3.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN KAJIAN LAPANGAN Tugasan ini dilakukan secara berpasukan/ individu Format laporan adalah seperti berikut: - Pengenalan - Objektif - Penyataan masalah - Metodologi kajian - Analisis kandungan - Cabaran dan cadangan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan	Objektif pembentangan tugasan dan laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan pembinaan nilai dan sikap. Pembentangan tugasan/pembentangan laporan bertulis hendaklah menunjukkan sikap tanggungjawab sosial yang dapat mencapai HPK2.	Pembentangan tugasan dan laporan bertulis mengukur atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM4 melalui pembentangan tugasan yang diberi.
3	REFLEKSI DAN PEMBENTANGAN KAJIAN LAPANGAN CONTOH REFLEKSI Refleksi hendaklah disediakan oleh pensyarah mengikut kreativiti masing-masing. CONTOH PEMBENTANGAN KAJIAN LAPANGAN (TUGASAN VIDEO : DOKUMENTARI/IKLAN/Drama PENDEK) Pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti tajuk untuk menghasilkan satu dokumentari, iklan atau drama pendek (10 minit). Objektif penghasilan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini adalah untuk mencapai nilai-nilai kerja berpasukan. Melalui video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini, pelajar juga perlu menonjolkan ciri-ciri identiti kebangsaan dan nilai patriotisme. Pelajar juga perlu mengenal pasti isu-isu kemalaysiaian dan menghasilkan plot cerita bagi video : dokumentari, iklan atau drama pendek mengikut objektif tugasan yang telah dikenal pasti. Pelajar juga perlu menghantar salinan video : dokumentari, iklan atau drama pendek ini kepada pensyarah dalam bentuk CD/DVD/secara atas talian.	Laporan refleksi dan pembentangan kajian lapangan mestilah mencapai HPK3 dalam membina hubungan dan interaksi sosial melalui: - Tugasan ini memerlukan pelajar mengapikasi nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kerjasama, perpaduan, semangat kekitaan dan kreativiti dalam penggunaan teknologi. - Pelajar juga perlu melakukan refleksi tentang apa yang telah dipelajari sepanjang proses penghasilan video: dokumentari, iklan atau drama pendek.	Laporan refleksi dan pembentangan kajian lapangan mengukur KKM5 melalui atribut 'kerja berpasukan' dalam membina hubungan baik, menghormati dan menerima pendapat pihak lain.

Jadual 2.20: Contoh Tugas Kursus Pengajian Malaysia 2 (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN BERTULIS CONTOH: KAJIAN LAPANGAN Laporan bertulis dilakukan secara berpasukan. Format laporan bertulis adalah seperti berikut: - Pengenalan - Objektif - Penyataan masalah - Metodologi kajian - Analisis kandungan - Cabaran dan Cadangan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan Elemen laporan bertulis ini mengandungi analisis bergambar mengenai pembangunan dan pengurusan infrastruktur setempat, tapak bersejarah, perayaan dan kebudayaan serta yang berkaitan.	Objektif laporan bertulis mestilah mempunyai hubungan dengan kepentingan identiti kebangsaan. Laporan bertulis dapat menunjukkan sikap tanggungjawab sosial bagi mencapai HPK1.	Laporan bertulis mengukur atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3 melalui aktiviti tugasan yang diberi.
1	PEPERIKSAAN / UJIAN CONTOH SOALAN: Bab 1 Meraka merupakan golongan yang menetap dalam perahu atau dipinggir-pinggir pantai. Mereka manusia yang tahan lasak, tahu selok belok laut dan sangat setia kepada raja-raja Melayu. Kenyataan ini merujuk kepada _____. - Orang Sungai - Orang Asli - Orang Pantai - Orang Laut	Soalan-soalan peperiksaan bertulis ini meliputi bab-bab 1, 4 dan 6.	Soalan-soalan peperiksaan bertulis yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang berbentuk soalan aneka pilihan multiapis yang merupakan salah satu atribut dalam KKM3.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	Bab 4 Antrara pernyataan berikut, yang manakah sering dikaitkan sebagai masalah dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka? - Pemisahan tempat tinggal - Pengasingan sistem pendidikan - Fahaman dan tumpuan politik - Perbezaan warna kulit - I dan II - I, II dan III - I, II dan IV - I, II, III dan IV Bab 6 Manakah di antara berikut berkaitan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan? - Islam ialah agama persekutuan - Raja / Sultan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing - Yang diPertuan Agong sebagai ketua agama Islam bagi wilayah persekutuan - Parlimen berhak menubuhkan sebuah majlis agama bagi menasihati YDPA mengenai hal ehwal Islam - I dan II - I, II dan III - I,II dan IV - I,II,III dan IV		

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN KAJIAN LAPANGAN Pembentangan laporan bertulis dilakukan secara berpasukan/ individu Format laporan bertulis adalah seperti berikut: - Pengenalan - Objektif - Penyataan masalah - Metodologi kajian - Analisis kandungan - Cabaran dan Cadangan - Kesimpulan - Pembahagian tugas ahli pasukan	Objektif tugas ini mempunyai hubungan dengan pembinaan nilai dan sikap. Tugasan ini menunjukkan sikap tanggungjawab sosial yang dapat mencapai HPK2.	Tugasan ini mengukur atribut 'tanggungjawab sosial' dalam KKM4 melalui pembentangan tugasan yang diberi.
	B. membawa C. menandu D. mengambil Contoh soaln isi tempat kosong: Isikan tempat kosong dengan kata sendi nama yang tepat. 1. Ahmad Fehad menerima hadiah _____ ibunya di Sudan.	Contoh: - Kemahiran membaca: membaca dan memahami teks - Kemahiran mendengar: mendengar dan memahami soalan/petikan yang diperdengarkan - Kemahiran menulis: membina ayat berdasarkan kata	
3	PEMBENTANGAN KUMPULAN - Pembentangan lisan secara kumpulan dilakukan pada minggu ke-13 setiap semester. - Setiap pelajar perlu membentangkan perihal persekitaran yang lebih luas seperti berkunjung ke rumah kawan, pasar malam, kedai makan, kedar telekomunikasi, pasar mini, panggung wayang dan sebagainya selama 15 hingga 20 minit (minimum 60 ayat).	Objektif pertama tugasan ini adalah untuk membolehkan pelajar meminta dan memberikan maklumat, mengemukakan cadangan serta bertindak balas secara kreatif, interaktif dan sistematis dengan menggunakan bahasa yang telah dipelajari. Objektif kedua tugasan dapat memaparkan kebolehan pelajar dalam aspek kesusantunan dan hormat-menghormati. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui pembentangan kumpulan seperti yang berikut: - Tugasan ini memerlukan pelajar mengaplikasi nilai-nilai seperti kesusantunan dan hormat-menghormati dalam membina hubungan. - Pelajar perlu melakukan aktiviti main peranan secara interaktif seperti lakonan.	Tugasan ini mengukur atribut 'keyakinan diri', 'hormat' dan 'komunikasi sosial' dalam HPK3 melalui pembentangan lisan secara kumpulan.
4	PEPERIKSAAN AKHIR - Soalan merangkumi aspek tatabahasa: - Kata nama - Kata adjektif - Kata kerja - Kata sendi nama - Kata bantu - Kata imbuhan asas (MeN- dan BeR-)	Soalan-soalan peperiksaan akhir berbentuk penulisan untuk menguji kefahaman tatabahasa yang asas, kemahiran membaca dan menulis. Dalam peperiksaan akhir, kefahaman/ kemahiran yang terlibat adalah seperti yang berikut: - Kefahaman tatabahasa: 50% - Membaca: 20% - Menulis: 30%	Soalan-soalan peperiksaan akhir yang dikemukakan berkaitan dengan kebolehan pelajar memahami bentuk soalan termasuk soalan aneka pilihan, mengisi tempat kosong dan menjelaskan persekitaran dalam situasi yang pelbagai dalam bentuk soalan separa struktur dan karangan terbuka menggunakan atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	➢ Kata tanya ➢ Kata hubung ➢ Kata arah ➢ Kata penguat ➢ Penanda wacana • Pelajar dikehendaki: ➢ menjawab soal tatabahasa (soalan aneka pilihan dan mengisi tempat kosong). ➢ membina ayat mudah berdasarkan perkataan yang diberi. ➢ membaca dan memahami teks mudah dan menulis ayat. ➢ menulis karangan pendek (lebih kurang 20 ayat). • Tempoh Peperiksaan Akhir ialah satu jam 30 minit. Contoh soalan aneka pilihan: Pilih jawapan yang tepat. 1. Ayah saya _____ kereta ke pejabat setiap hari. A. menolak B. membawa C. memandu D. mengambil Contoh soalan isi tempat kosong: Isikan tempat kosong dengan kata hubung yang tepat. 1. Ahmad Fehad tinggi _____ adiknya rendah. Soalan Pemahaman Baca teks di bawah dan jawab soalan yang berikut: Nama saya Abdul Karim. Saya berasal dari Syria dan belajar di Universiti Tenaga Nasional. Saya datang ke Malaysia pada bulan Jun 2015 dengan kapal terbang. Sekarang saya tinggal di Taman Sepakat Indah, Kajang tetapi pada tahun lepas saya tinggal di Cyberjaya. Saya belajar tahun kedua di Fakulti Teknologi Maklumat... (contoh petikan teks)		

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI/ATRIBUT KKM
	Soalan: 1. Di mana Abdul Karim belajar? _____ 2. Bagaimana Abdul Karim datang ke Malaysia? _____ Soalan Karangan Pilih satu tajuk di bawah dan bina sekurang-kurangnya 30 ayat untuk melengkapkan karangan di bawah. Tajuk: i. Menyambut hari raya di rumah kawan ii. Bercuti di Pulau Langkawi		

Jadual 2.35: Contoh Tugasan Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2 (3 kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEMBENTANGAN INDIVIDU - Pembentangan lisan secara individu dilakukan pada minggu ke-8 setiap semester. - Setiap pelajar perlu membentangkan perihal persekitaran yang lebih luas seperti berkunjung ke rumah kawan, pasar malam, kedai makan, kedai telekomunikasi, pasar mini, gangguan wayang dan sebagainya selama 7 hingga 10 minit (minimum 30 ayat).	Objektif pertama tugasan ini adalah untuk membolehkan pelajar menerangkan sesuatu objek, situasi dan persekitaran yang pelbagai dengan menggunakan bahasa yang telah dipelajari. Objektif kedua tugasan adalah untuk mengenal pasti sama ada pelajar dapat menyusun kata dalam struktur ayat yang pelbagai dan betul atau sebaliknya. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui pembentangan individu.	Tugasan ini mengukur atribut 'keyakinan diri', 'hormat' dan 'komunikasi sosial' melalui pembentangan lisan secara individu.
2	UJIAN/KUIZ - Pelajar dikehendaki: - menjawab soalan tatabahasa (soalan aneka pilihan dan mengisi tempat kosong). - membina ayat mudah berdasarkan bahan rangsangan. - membaca dan memahami teks mudah dan menjawab soalan tatabahasa dan menulis ayat. - Tempoh Ujian/Kuiz ialah satu jam. Contoh soalan aneka pilihan: Pilih jawapan yang tepat. 1. Ayah saya _____ kereta ke pejabat setiap hari. A. menolak B. membawa C. memandu D. mengambil Contoh soalan isi tempat kosong: Isikan tempat kosong dengan kata sendi nama yang tepat. 1. Ahmad Fehad menerima hadiah _____ ibunya di Sudan.	Soalan-soalan ujian atau kuiz yang baik secara bertulis mahupun secara lisan dapat mengukur kemahiran membaca, mendengar dan menulis dalam situasi yang pelbagai. Dalam ujian/kuiz ini, kemahiran yang terlibat adalah seperti yang berikut: ➢ Membaca: 30% ➢ Mendengar: 30% ➢ Menulis: 40% Contoh: - Kemahiran membaca: membaca dan memahami teks - Kemahiran mendengar: mendengar dan memahami soalan/petikan yang diperdengarkan - Kemahiran menulis: membina ayat berdasarkan kata	Soalan-soalan ujian atau kuiz yang dikemukakan berkaitan dengan kebolehan pelajar memahami pelbagai bentuk soalan termasuk soalan aneka pilihan, mengisi tempat kosong dan menjelaskan persekitaran dalam situasi yang pelbagai dalam bentuk soalan separa struktur menggunakan atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI/ATRIBUT KKM
3	PEMBENTANGAN KUMPULAN - Pembentangan lisan secara kumpulan dilakukan pada minggu ke-13 setiap semester. - Setiap pelajar perlu membentangkan perihal persekitaran yang lebih luas seperti berkunjung ke rumah kawan, pasar malam, kedai makan, kedai telekomunikasi, pasar mini, panggung wayang dan sebagainya selama 15 hingga 20 minit (minimum 60 ayat).	Objektif pertama tugasan ini adalah untuk membolehkan pelajar meminta dan memberikan maklumat, mengemukakan cadangan dan pendapat serta bertindak balas secara kreatif, interaktif dan sistematik dengan menggunakan bahasa yang telah dipelajari. Objektif kedua tugasan ini dapat menaparkan kebolehan pelajar dalam aspek kesantunan dan hormat-menghormati. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui pembentangan kumpulan seperti yang berikut: - Tugasan ini memerlukan pelajar mengaplikasi nilai-nilai seperti kesantunan dan hormat-menghormati dalam membina hubungan. - Pelajar perlu melakukan aktiviti main peranan secara interaktif seperti lakonan.	Tugasan ini mengukur atribut 'keyakinan diri', 'hormat' dan 'komunikasi sosial' dalam HPK3 melalui pembentangan lisan secara kumpulan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI/ATRIBUT KKM
4	PEPERIKSAAN AKHIR - Soalan merangkumi aspek tatabahasa: ➢ Kata nama ➢ Kata adjektif ➢ Kata kerja ➢ Kata sendi nama ➢ Kata bantu ➢ Kata imbuhan asas (Men- dan BeR-) ➢ Kata tanya ➢ Kata hubung ➢ Kata arah ➢ Kata penguat ➢ Penanda wacana - Pelajar dikehendaki: ➢ menjawab soalan tatabahasa (soalan aneka pilihan dan mengisi tempat kosong). ➢ membina ayat mudah berdasarkan perkataan yang diberi. ➢ membaca dan memahami teks mudah dan menulis ayat. ➢ menulis karangan pendek (lebih kurang 20 ayat). - Tempoh Peperiksaan Akhir ialah satu jam 30 minit. Contoh soalan aneka pilihan: Pilih jawapan yang tepat. 1. Ayah saya _____ kereta ke pejabat setiap hari. A. menolak B. membawa C. memandu D. mengambil Contoh soalan isi tempat kosong: Isikan tempat kosong dengan kata hubung yang tepat. 1. Ahmad Fehad tinggi _____ adiknya rendah.	Soalan-soalan peperiksaan akhir berbentuk penulisan untuk menguji kefahaman tatabahasa yang asas, kemahiran membaca dan menulis. Dalam peperiksaan akhir, kefahaman/ kemahiran yang terlibat adalah seperti yang berikut: ➢ Kefahaman tatabahasa: 50% ➢ Membaca: 20% ➢ Menulis: 30%	Soalan-soalan peperiksaan akhir yang dikemukakan berkaitan dengan kebolehan pelajar memahami bentuk soalan termasuk soalan aneka pilihan, mengisi tempat kosong dan menjelaskan persekitaran dalam situasi yang pelbagai dalam bentuk soalan separa struktur dan karangan terbuka menggunakan atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	Soalan Pemahaman Baca teks di bawah dan jawab soalan yang berikut: Nama saya Abdul Karim. Saya berasal dari Syria dan belajar di Universiti Tenaga Nasional. Saya datang ke Malaysia pada bulan Jun 2015 dengan kapal terbang. Sekarang saya tinggal di Taman Sepakat Indah, Kajang tetapi pada tahun lepas saya tinggal di Cyberjaya. Saya belajar tahun kedua di Fakulti Teknologi Maklumat... (contoh petikan teks) Soalan: 1. Di mana Abdul Karim belajar? _____ 2. Bagaimana Abdul Karim datang ke Malaysia? _____ Soalan Karangan Pilih satu tajuk di bawah dan bina sekurang-kurangnya 30 ayat untuk melengkapkan karangan di bawah. Tajuk: i. Menyambut hari raya di rumah kawan ii. Bercuti di Pulau Langkawi		

2.10.7 Rujukan Utama

Yong, C. C., Rohaidah Mashudi, Maarof Abd Rahman. (2012). *Bahasa Kebangsaan untuk Pelajar Luar Negara: Malay Language for International Students*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa*, KPT. Penerbit UKM Press.

2.10.8 Rujukan Tambahan

Mardian Shah Omar. (2016). *Perbualan Mudah Bahasa Melayu Untuk Pelancong Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan, Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norhashimah Jalaluddin, Mardian Shah Omar dan Norzilawati Jais. (2006). *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Buku 1 dan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu I*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

BAB 3 KELOMPOK U2

3.1 SKOP DAN OBJEKTIF PENAWARAN

Kursus di dalam Kelompok U2 ini wajib diambil dan lulus oleh pelajar warganegara dan bukan warganegara. Objektif penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk memupuk penguasaan kemahiran insaniah.

3.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh*:

- (i) mempamerkan kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (ii) memupuk nilai, sikap dan profesionalisme;
- (iii) menunjukkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja secara kumpulan;
- (iv) membina asas keupayaan untuk kemahiran saintifik dan penyelesaian masalah;
- (v) membina keupayaan untuk kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (vi) memupuk kemahiran mengurus dan keusahawanan.

*IPT boleh memilih beberapa hasil pembelajaran sahaja mengikut kursus pilihan di IPT tersebut. Hasil pembelajaran kursus yang dipilih mesti dipetakan kepada beberapa hasil pembelajaran kelompok U2 dalam konteks memupuk kemahiran insaniah pelajar.

3.3 CONTOH KURSUS

- 1. Etika dan Profesionalisme;
- 2. Kemahiran Kesantunan Berbahasa;
- 3. Kemahiran Pengurusan Harta;
- 4. Hubungan Insan;
- 5. Kemahiran Menulis;
- 6. Kemahiran Membuat Keputusan;
- 7. Asas Pengurusan Kualiti;
- 8. Kemahiran Kepimpinan;
- 9. Pemikiran Saintifik;
- 10. Penyelesaian Masalah Kreatif;
- 11. Bentuk Penulisan;
- 12. Pemikiran Reka cipta;
- 13. Pengurusan Emosi;
- 14. Apresiasi Teknologi Maklumat;
- 15. Pengurusan Masa;
- 16. Kemahiran Berfikir;
- 17. Asas Keusahawanan;
- 18. Atau apa sahaja kursus yang bersifat kemahiran insaniah.

3.4 KURSUS BAHASA KEBANGSAAN A

3.4.1 Sinopsis

Kursus ini menawarkan kemahiran berbahasa dari aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis sesuai dengan tahap intelek pelajar. Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan kecekapan berbahasa dalam konteks rasmi dan tidak rasmi. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas, aktiviti kebahasaan, main peranan (*role-play*), ujian dan peperiksaan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat menguasai kemahiran berbahasa secara lisan dan tulisan.

3.4.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) Bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi;
- (ii) Menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik;
- (iii) Membina hubungan baik dalam kerja berpasukan/organisasi.

3.4.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) Bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi dan tidak rasmi;
- (ii) Menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik;
- (iii) Membina hubungan baik dalam kerja berpasukan/organisasi.

3.4.4 Kandungan Kursus

Jadual 3.1 menunjukkan jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah yang terdapat dalam bab tersebut.

Jadual 3.1: Kandungan Kursus Bahasa Kebangsaan A

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Pengenalan	i. Asal Usul Bahasa Melayu a) Rumpun Bahasa Melayu b) Bahasa Melayu sebagai <i>lingua franca</i> ii. Dasar Bahasa: Asas Pemilihan Bahasa Melayu iii. Fungsi Bahasa Melayu dan Kedudukan Bahasa Melayu a) Bahasa Kebangsaan b) Bahasa Rasmi c) Bahasa Perpaduan d) Bahasa Ilmu iv. Kedudukan Bahasa Melayu di sisi Undang-undang a) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia b) Akta Bahasa Kebangsaan 1967 c) Akta Pendidikan 1996 v. Bahasa dan Budaya
2	Sebutan dan Intonasi	i. Sebutan a) Prinsip Sebutan Baku Bahasa Melayu ii. Intonasi a) Komponen Intonasi b) Intonasi pelbagai jenis ayat
3	Ejaan dan Tatabahasa	i. Ejaan ii. Pengimbuhan iii. Pemilihan Kata iv. Struktur Ayat v. Penghubung Ayat
4	Komunikasi Lisan	Bentuk-bentuk Pengucapan a) Ucapan b) Adab Berbahasa c) Syarahan d) Temu ramah e) Pengacaraan Majlis f) Taklimat g) Pidato h) Forum i) Bahas j) Pengendalian Mesyuarat k) Ulasan dan Komentari

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
5	Kefahaman	i. Teks Prosa ii. Teks Puisi
6	Penulisan	i. Ciri-ciri Penulisan Fakta a) Gaya dan laras b) Struktur c) Bentuk Wacana
7	Jenis-jenis Teks	i. Jenis Teks Berformat: a) Surat Rasmi b) Laporan c) Wawancara d) Kertas Kerja ii. Jenis teks Tidak Berformat a) Rencana b) Ucapan c) Perbincangan d) Perbahasan e) Cerpen

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

3.4.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaianan konstruktif kursus Bahasa Kebangsaan A (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Pemetaan Penjaianan Konstruktif Kursus Bahasa Kebangsaan A (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran				Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Ujian/ Ujian Lisan/ Kuiz	Pembentangan	Projek/Kajian Kes		
							Laporan/ Tugasan Bertulis		
1	Bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan		10%	10%		Peperiksaan/Ujian/kuiz yang berkaitan dengan penilaian kefahaman berbahasa yang menekankan atribut komunikasi lisan dalam KKM5.	15 jam
2	Menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan	30%	10%		15%	Ujian/kuiz dan laporan/tugasan bertulis yang berkaitan dengan penilaian kefahaman berbahasa menekankan atribut komunikasi bertulis dalam KKM5.	45 jam
3	Membina hubungan baik dalam kerja berpasukan/ organisasi.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan			10%	15%	Peperiksaan dan pembentukan yang menekankan atribut 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	20 jam
JUMLAH				30%	20%	20%	30%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaran konstruktif kursus Bahasa Kebangsaan A (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Pemetaan Penjaran Konstruktif Bahasa Kebangsaan A (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran				Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Ujian/ Ujian Lisan/ Kuiz	Pembentangan	Projek/Kajian Kes Laporan/ Tugas Bertulis		
1	Bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan		10%	10%		Peperiksaan/ujian/kuiz yang berkaitan dengan penilaian kefahaman berbahasa yang menekankan atribut komunikasi lisan dalam KKM5.	25 jam
2	Menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan	30%	10%		15%	Ujian/kuiz dan laporan/tugasan bertulis yang berkaitan dengan penilaian kefahaman berbahasa menekankan atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5.	65 jam
3	Membina hubungan baik dalam kerja berpasukan/organisasi	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti berkumpulan			10%	15%	Peperiksaan dan pembentangan yang menekankan atribut 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	30 jam
JUMLAH				30%	20%	20%	30%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

3.4.6 CONTOH-CONTOH TUGASAN BERDASARKAN HPK DAN ATRIBUT KKM YANG DIPILIH

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Bahasa Kebangsaan A (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.4. Sementara itu, contoh tugasan bagi kursus Bahasa Kebangsaan A (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.4 : Contoh Tugasan Kursus Bahasa Kebangsaan A (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN PEMBENTANGAN - Tugasan ini dilakukan secara berkumpulan. Pendaftaran ahli setiap kumpulan dilakukan selepas-lewatnya pada minggu kedua pada semester berkenaan. - Setiap kumpulan diberikan tajuk selepas-lewatnya pada minggu kedua pada semester berkenaan - Pembentangan perlu disampaikan dalam Bahasa Melayu. Pembentangan berkumpulan / individu. - Tugasan ini juga mestilah meliputi aktiviti dalam kumpulan yang melibatkan kerjasama dan penyertaan semua pelajar.	Pembentangan mesti berhubung kait dengan kepentingan kemahiran berbahasa dalam diri. Pelajar dapat mempamerkan penguasaan kecekapan berbahasa. Pembentangan hendaklah menggunakan bahasa Melayu bagi mencapai bahagian pertama HPK5, iaitu mempamerkan penguasaan kecekapan berbahasa.	Tugasan ini mengukur atribut 'komunikasi sosial' dalam KKM5, iaitu Komunikasi, Kepimpinan, dan Kerja Berpasukan yang memerlukan pelajar memahami dan menerangkan idea secara berkesan.
2	LAPORAN / TUGASAN BERTULIS INDIVIDU ATAU BERKUMPULAN Laporan atau tugasan bertulis perlu disediakan dalam Bahasa Melayu. - Tugasan ini mestilah meliputi aktiviti dalam kumpulan yang melibatkan kerjasama dan penyertaan setiap ahli kumpulan. - Setiap kumpulan perlu mengemukakan laporan bertulis selepas-lewatnya pada minggu kesembilan semester berkenaan.	Laporan mesti berhubung kait dengan kepentingan kemahiran menulis. Pelajar dapat mempamerkan kemahiran menulis secara berkumpulan. Laporan atau tugasan bertulis hendaklah menggunakan bahasa Melayu bagi mencapai HPK2 dan HPK3.	Tugasan ini mengukur atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5, iaitu komunikasi, kepimpinan, dan kerja berpasukan yang memerlukan pelajar menulis idea secara berkesan.


HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	PEPERIKSAAN CONTOH SOALAN BAHASA KEBANGSAAN A 1. Pilih ayat yang mengandungi kata bantu ragam. I Kami tidak pernah melihat orang itu. II Anak kucing Asri dapat memanjat pokok. III Encik Ganesh hendak mengembara ke China. IV Semua pemenang pertandingan itu sudah menerima hadiah masing-masing. A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV 2. Antara berikut, ayat yang manakah TIDAK boleh dipasifkan ? I Ibu memberikan secawan susu kepada adik II Kereta api itu menuju ke selatan awal pagi. III Adik menangis teresak-esak kerana dimarahi ibu. IV Mahkamah menjatuhkan hukuman mati. A. I dan II B. II dan III C. III dan IV D. I dan IV 3. Anda dikehendaki mengemukakan contoh bagi ayat perintah, yang sesuai. a) _____ b) _____ c) _____ d) _____ e) _____ (iv) Bina SATU (1) ayat bagi setiap kata di bawah. (v) terjumba i. berjumba ii. berkata iii. berkata iv. dilatih	Soalan peperiksaan ini membantu menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik.	Soalan peperiksaan yang dikemukakan berkaitan dengan KKM5 Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan berbentuk Komunikasi Lisan dan Komunikasi Bertulis.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	UJIAN/ KUIZ CONTOH: SOALAN UJIAN/KUIZ Pelajar dikehendaki untuk menjawab soalan objektif dan struktur. Objektif ujian/kuiz ini adalah untuk mencapai kemahiran berbahasa dalam kehidupan seharian. Pelajar juga perlu memahami kemahiran berbahasa dan mengaplikasikannya dengan menjawab soalan secara lisan dan bertulis untuk dinilai oleh pensyarah. Soalan objektif Antara berikut, yang manakah proses pembentukan kata paling aktif dalam bahasa Melayu? A. Pemajmukan. B. Penggandaan. C. Pengimbuhan. D. Pengakroniman. Soalan struktur Bentukkan pola suku kata bagi perkataan di bawah: I. Arasy. II. Sejarah. III. Aising. IV. Masyarakat. V. Transformasi. VI. Soalan Ujian Lisan. Individu Bincangkan tajuk di bawah dalam masa 5-10 minit . 1. Perayaan di Malaysia 2. Ponteng Sekolah 3. Pemimpin yang saya kagumi 4. Alam Sekitar Kumpulan Bincangkan tajuk di bawah dalam masa 10-20 minit. 1. Pelaksanaan hukuman rotan di sekolah wajar atau tidak. 2. Sukan - faedah bersukan, perkembangan sukan di Malaysia dan usaha meningkatkan mutu sukan. 3. Pencernaan Alam - Punca-Punca dan cara mengatasinya. 4. Adat resam dan istiadat – adat resam pelbagai kaum , amalan adat resam hari ini. 5. Perpaduan kaum – kepentingan, faedah dan usaha memupuk perpaduan kaum. 6. Kesihatan – kepentingan kesihatan, gaya hidup sihat.	Tugasan ini dapat mencapai HPK1 dalam membincangkan kefahaman dan kemahiran berbahasa dari segi bertutur, membaca dan menulis sesuai dengan tahap intelek pelajar. Pencapaian pelajar untuk HPK1 boleh diukur melalui ujian/kuiz.	Ujian/kuiz ini mengukur KKM5 iaitu atribut 'komunikasi sosial' dalam KKM5 kerana pelajar perlu berkomunikasi secara lisan dan bertulis seperti yang dikehendaki.

Jadual 3.5 : Contoh Tugas Kursus Bahasa Kebangsaan A (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN PEMBENTANGAN • Tugas ini dilakukan secara berkumpulan. • Pendaftaran ahli setiap kumpulan dilakukan selewat-lewatnya pada minggu kedua pada semester berkenaan. • Setiap kumpulan diberikan tajuk selewat-lewatnya pada minggu kedua setiap pada semester berkenaan. • Pembentangan perlu disediakan dalam Bahasa Melayu. Pembentangan berkumpulan / individu. • Tugas ini juga mestilah meliputi aktiviti dalam kumpulan yang melibatkan kerjasama dan penyertaan semua pelajar.	Pembentangan mesti berhubung kait dengan kepentingan kemahiran berbahasa dalam diri. Pelajar dapat mempamerkan penguasaan kecekapan berbahasa. Pembentangan hendaklah menggunakan bahasa Melayu bagi mencapai bahagian pertama HPK5, iaitu mempamerkan penguasaan kecekapan berbahasa.	Tugasan ini mengukur atribut 'komunikasi sosial' dalam KKM5, iaitu Komunikasi, Kepimpinan, dan Kerja Berpasukan yang memerlukan pelajar memahami dan menerangkan idea secara berkesan.
	LAPORAN / TUGASAN BERTULIS INDIVIDU ATAU BERKUMPULAN Laporan atau tugas bertulis perlu disediakan dalam Bahasa Melayu. • Tugas ini mestilah meliputi aktiviti dalam kumpulan yang melibatkan kerjasama dan penyertaan setiap ahli kumpulan. • Setiap kumpulan perlu mengemukakan laporan bertulis selewat-lewatnya pada minggu kesembilan semester berkenaan.	Laporan mesti berhubung kait dengan kepentingan kemahiran menulis. Pelajar dapat mempamerkan kemahiran menulis secara berkumpulan. Laporan atau tugas bertulis hendaklah menggunakan bahasa Melayu bagi mencapai HPK2 dan HPK3.	Tugasan ini mengukur atribut 'komunikasi bertulis' dalam KKM5, iaitu Komunikasi, Kepimpinan, dan Kerja Berpasukan yang memerlukan pelajar menulis idea secara berkesan.
2	PEPERIKSAAN CONTOH SOALAN BAHASA KEBANGSAAN A 1. Pilih kumpulan perkataan yang terdiri daripada kata ganda separa. I. bebola II. tetikus III. kura-kura IV. kait-mengait kekuda jejari meja-meja berlari-lari kekabu lelaki lelangit ajaran-ajaran sesiku lelayang kupu-kupu gunung-ganang A. I dan II B. I dan III C. II dan IV D. III dan IV	Soalan peperiksaan ini membantu menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik.	Soalan peperiksaan yang dikemukakan berkaitan dengan KKM5 iaitu Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan bertitik 'komunikasi lisan' dan 'komunikasi bertulis' yang merupakan salah satu atribut dalam KKM5.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	2. Antara yang berikut, pilih ayat yang menggunakan kata sendi nama 'pada' dengan BETUL. I. Wang itu telah saya serahkan padanya semalam. II. Kad pengenalannya ada pada pegawai polis itu. III. Ahmad pulang pada pangkuan ibunya. IV. Zamri akan hadir pada pukul 8 malam. A. I dan II B. II dan III C. II dan IV D. I dan IV 3. Panjang karangan anda hendaklah tidak melebihi 400 patah perkataan. Gejala merokok dalam kalangan pelajar sekolah semakin menjadi-jadi. Keinginan untuk mencuba serta tiada kawalan sempurna oleh ibu bapa menjebabkan mereka dengan gejala ini. Bincangkan faktor-faktor gejala, kesan dan bagaimanakah cara untuk menanganinya. 4. Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang "Keburukan gejala merokok". Panjang karangan anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.		



HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	UJIAN/ KUIZ CONTOH: SOALAN UJIAN / KUIZ Pelajar dikehendaki untuk menjawab soalan objektif, struktur dan esei pendek . Objektif ujian/kuiz ini adalah untuk mencapai kemahiran berbahasa dalam kehidupan seharian. Pelajar j perlu memahami kemahiran berbahasa dan mengaplikasinya dengan menjawab soalan secara lisan dan bertulis untuk dinilai oleh pensyarah. Contoh soalan objektif Usaha pemodenan bahasa Melayu dilakukan dengan cara_____. I. mencipta istilah baru II. membuat piawaian sebutan III. mengemaskini sistem ejaan IV. menerbitkan bahan berbahasa Melayu A. I dan III. B. II dan III. C. II dan IV. D. III dan IV. Contoh soalan struktur Berikan 1 (satu) contoh ayat bagi setiap jenis perkataan di bawah. a) Ayat sila'an. b) Ayat penyata. c) Ayat majmuk pancangan. d) Ayat tanya dengan kata tanya. e) Ayat tanya tanpa kata tanya.	Tugasan ini dapat mencapai HPK1 dalam membincangkan kefahaman kemahiran berbahasa dari segi bertutur, membaca dan menulis sesuai dengan tahap intelek pelajar. Pencapaian pelajar untuk HPK1 boleh diukur melalui ujian/kuiz.	Ujian/ kuiz ini mengukur KKM5 iaitu atribut 'komunikasi sosial' kerana pelajar perlu berkomunikasi secara lisan dan bertulis seperti yang dikehendaki.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	CONTOH UJIAN LISAN INDIVIDU BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG - Nama, tempat tinggal, bidang pengajian, hobi, pengalaman manis dan pahit. BAHAGIAN B: ISU SEMASA Bincangkan tajuk di bawah dalam masa 5-10 minit. 1. Perayaan di Malaysia 2. Ponteng Sekolah 3. Pemimpin yang saya kagumi 4. Alam Sekitar KUMPULAN BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG - Nama, tempat tinggal, bidang pengajian, hobi, pengalaman manis dan pahit. BAHAGIAN B: ISU SEMASA Bincangkan tajuk di bawah dalam masa 10-20 minit. 1) Pelaksanaan hukuman rotan di sekolah wajar atau tidak. 2) Sukan - faedah bersukan, perkembangan sukan di Malaysia dan usaha meningkatkan mutu sukan. 3) Pencermaran Alam - Punca-Punca dan cara mengatasinya 4) Adat resam dan istiadat – adat resam pelbagai kaum , amalan adat resam hari ini. 5) Perpaduan kaum – kepentingan, faedah dan usaha memupuk perpaduan kaum. 6) Kesihatan – kepentingan kesihatan, gaya hidup sihat. Contoh soalan esei Peningkatan harga barangan keperluan utama menyebabkan masyarakat Malaysia semakin terbeban. Bincangkan. Anggaran esei hendaklah antara 300 hingga 350 patah perkataan.		

3.4.7 Rujukan Utama

Muhammad Nadzri Mohd. Sharif, Mohd. Faiz Idris, Suhaila Ngadiron, (2012). *Modul Bahasa Kebangsaan A: Silibus MQA*. Tanjong Malim: Emeritus Publication.

Yong, C. C., Rohaidah Mashudi, Maarof Abd Rahman, (2012). *Bahasa kebangsaan untuk pelajar luar negara: Malay language for international students*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa*, KPT: Penerbit UKM Press.

3.4.8 Rujukan Tambahan

Abd. Rashid Abd. Rahman dan Yap Kim Fat, (2006). *Bahasa Kebangsaan*. Longman.

Abdullah Hassan et al., (2007). *Sintaksis : Siri Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Abdullah Hassan, (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Abdullah Hassan, (2007). *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Adenan Ayob. (2009). *Bahasa Kebangsaan*. Shah Alam : Oxford Fajar.

Asmah Hj. Omar, (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Asraf, (2012). *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi.

Indirawati Zahid, Mardian Shah Omar, (2008). *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Nik Safiah Karim, et al. (2004). *Tatabahasa Dewan, Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samsudin Wahab. (2004). *Panduan Mengurus Majlis dan Acara Rasmi*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor. Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu I*. Shah Alam:

3.5 KURSUS KEMAHIRAN KEPIMPINAN

TAHAP KELAYAKAN : 6
PERINGKAT : SARJANA MUDA

3.5.1 Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep-konsep kepimpinan, kemahiran interpersonal dalam kepimpinan, motivasi dan kepimpinan, kerja berpasukan, kepengikutan, budaya kepimpinan dan kepelbagaian budaya/etika organisasi. Tujuan kursus ini ialah memberikan kefahaman dan penghayatan aspek kepimpinan dalam diri pelajar. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti berpasukan di dalam dan di luar kuliah. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat membentuk keyakinan diri, kesedaran sendiri, etika dan profesionalisme di samping dapat mengaplikasi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dalam mengurus kehidupan seharian mahupun dalam mengurus organisasi.

3.5.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dalam kepimpinan;
- (ii) menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas berkumpulan;
- (iii) menghubungkan kait peranan dan gaya kepimpinan dan kepengikutan.

3.5.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dan asas kepimpinan;
- (ii) menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas berkumpulan;
- (iii) mengulas perbezaan peranan dan gaya kepimpinan dan kepengikutan.

3.5.4 Kandungan Kursus

Jadual 3.6: Kandungan Kursus Kemahiran Kepimpinan

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Pengenalan dan Konsep Kepimpinan	i. Pendahuluan ii. Definisi pemimpin dan kepimpinan iii. Ciri-ciri kepimpinan iv. Konsep-konsep utama dalam kepimpinan
2	Teori-teori Kepimpinan	i. Pendahuluan ii. Klasifikasi teori kepimpinan - Teori Tret/Sifat - Teori Tingkahlaku - Teori Kontigensi/Situasi - Teori Kepimpinan Kontemporari iii. Gender dan kepimpinan
3	Pemimpin dan Pengaruh	i. Pengenalan ii. Kuasa iii. Politik Organisasi iv. Jaringan Perundingan
4	Pemimpin dan Kemahiran Interpersonal	i. Pengenalan ii. Komunikasi iii. Maklumbalas iv. Kejurulatihan/Membimbing v. Pengurusan konflik dan penyelesaian masalah vi. Kemahiran berfikir
5	Pemimpin dan kepengikutan	i. Pengenalan ii. Teori LMX iii. Konsep kepengikutan iv. Perwakilan dan pemberian kuasa v. Hubungan pemimpin – pengikut
6	Kepimpinan dalam Islam	i. Pengenalan ii. Peranan pemimpin dalam islam iii. Model kepimpinan islam iv. Kepimpinan efektif menurut islam v. Isu-isu kepimpinan dalam islam
7	Motivasi dan Kepimpinan	i. Pengenalan ii. Proses motivasi iii. Faktor yang mempengaruhi motivasi iv. Teori-teori motivasi - Teori Maslow - Teori Herzberg v. Motivasi dan kesannya kepada pemimpin

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
8	Kepimpinan Dalam Pasukan	i. Pengenalan ii. Kepentingan kerja berpasukan iii. Fungsi pasukan dalam organisasi iv. Pembuatan keputusan dalam pasukan v. Pengendalian mesyuarat vi. Cabaran kerja berpasukan
9	Kepimpinan Kontemporari	i. Pengenalan ii. Kepimpinan karismatik iii. Kepimpinan transaksi iv. Kepimpinan transformasi v. Isu-isu kepimpinan dalam pelbagai perspektif
10	Budaya Kepimpinan, Kepelbagaian dan Etika	i. Pengenalan ii. Budaya organisasi iii. Budaya berprestasi tinggi iv. Kuasa budaya v. Budaya kukuh vs budaya lemah vi. Pemimpin sebagai pencipta budaya vii. Jenis-jenis budaya organisasi viii. Kepelbagaian di tempat kerja ix. Mencipta budaya yang menyokong kepelbagaian

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

3.5.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaian konstruktif kursus Kepimpinan (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7: Pemetaan Penjaian Konstruktif Kursus Kepimpinan (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Laporan Projek/Kerja Lapangan Bertulis/ Refleksi		
1	Mengenal pasti dan menerangkan konsep utama asas dalam kepimpinan	KKM5	Kuliah interaktif dan e-pembelajaran	30%			Soalan peperiksaan yang berkaitan dengan konsep-konsep utama atau asas dalam kepimpinan yang menekankan atribut 'kepimpinan' dalam KKM5.	25 jam
2	Menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas berkumpulan.	KKM3	Kerja lapangan dalam pasukan		20%	20%	Projek dan laporan bertulis hasil kerja lapangan yang berkaitan kemahiran interpersonal yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dan 'kesedaran sendiri' dalam KKM3.	30 jam
3	Menghubung kait peranan dan gaya kepimpinan serta kepengikutan.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%	10%	Refleksi dan pembentangan yang membincangkan perbezaan peranan dan gaya kepimpinan dan kepengikutan yang menekankan atribut 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	25 jam
JUMLAH				30%	40%	30%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Kepimpinan (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Kepimpinan (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Projek/Kerja Lapangan		
						Laporan Bertulis/Refleksi		
1	Mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dan asas kepimpinan	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%			Soalan peperiksaan yang berkaitan dengan konsep-konsep utama atau asas dalam kepimpinan yang menekankan atribut 'keimpinan' dalam KKM5.	35 jam
2	Menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas berkumpulan	KKM3	Kerja lapangan dalam pasukan		20%	20%	Pembentangan dan laporan bertulis hasil kerja lapangan yang berkaitan kemahiran interpersonal yang menekankan atribut 'keyakinan diri dan kesedaran sendiri' dalam KKM3.	50 jam
3	Mengulas perbezaan peranan dan gaya kepimpinan dan kepengikutan.	KKM5	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan		20%	10%	Refleksi dan pembentangan yang membincangkan perbezaan peranan dan gaya kepimpinan dan kepengikutan yang menekankan atribut 'keimpinan' dan 'kerja berpasukan' dalam KKM5.	35 jam
JUMLAH				30%	40%	30%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

3.5.6 Contoh-Contoh Tugas Berdasarkan HPK Dan Atribut KKM Yang Dipilih

Tugas yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugas bagi kursus Kepimpinan (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.9. Sementara itu, contoh-contoh tugas bagi kursus Kepimpinan (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.10.

Jadual 3.9 : Contoh Tugas Kursus Kepimpinan (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN BERTULIS CONTOH SOALAN MENGENAL PASTI DAN MENERANGKAN KONSEP UTAMA DALAM KEPIMPINAN - Berikan definisi konsep kepimpinan di bawah beserta contoh yang berkaitan: - Motivasi - Kuasa - Huraikan perbezaan antara kepimpinan dan kepengikutan. - Bincangkan bagaimana kemahiran interpersonal yang dimiliki oleh pemimpin dapat membantu beliau menjadi pemimpin yang berkesan.	Soalan peperiksaan ini dapat mencapai HPK1 iaitu mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dalam kepimpinan. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur kemahiran ini melalui keputusan peperiksaan.	Tugas ini mengukur atribut KKM3 iaitu 'keyakinan diri' dan 'kesedaran sendiri' melalui peperiksaan yang berbentuk esei ini.
2	PROJEK/PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH: TUGASAN MENGENALI PEMIMPIN Tugas ini dilakukan secara berpasukan. Pendaftaran ahli setiap pasukan dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester. Setiap pasukan perlu mengemukakan kertas cadangan ringkas selewat-lewatnya pada minggu kelima setiap semester. Setiap kertas cadangan mestilah mengandungi elemen-elemen berikut: - Pengalaman - Rasional pemilihan pemimpin - Objektif - Mengenali latar belakang pemimpin	Tugas ini dapat mencapai HPK2 iaitu menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur kemahiran interpersonal melalui gerak kerja dan laporan projek kepimpinan.	Tugas ini mengukur atribut 'komunikasi', 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan' dalam KKM5 iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan melalui Tugas Mengenali Pemimpin ini.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	• Ciri-ciri kepimpinan • Kemahiran interpersonal yang dimiliki • Gaya kepimpinan pemimpin • Kelebihan dan kelemahan pemimpin • Cabaran dan harapan pemimpin Carta Gantt/Jadual kerja iv. Pembahagian tugas ahli pasukan v. Laporan bertulis dihasilkan dalam Bahasa Melayu.		
3	REFLEKSI CONTOH: PENGALAMAN BERTEMU PEMIMPIN Pelajar secara individu dikehendaki untuk menulis 5 halaman refleksi yang menceritakan pengalaman bertemu pemimpin. Refleksi ini perlu mengandungi aspek berikut: - Menghuraikan pengalaman mereka bertemu dengan pemimpin dari segi peranan dan gaya kepimpinan pemimpin serta gaya kepengkikut. - Menyatakan perspektif mereka terhadap peranan dan gaya pemimpin serta gaya kepengkikut. - Menjelaskan pengajaran yang mereka perolehi sepanjang pengalaman bertemu dengan pemimpin tersebut. - Menyatakan perubahan diri yang akan mereka lakukan bagi meningkatkan prestasi diri mereka seperti pemikiran, perspektif, sikap dan tingkah laku berasaskan apa yang mereka dapat pelajari daripada pemimpin yang mereka temui. PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN ANALISIS VIDEO PENDEK Tugasan ini dilakukan secara berpasukan. Kumpulan akan memilih satu video kepimpinan dan membincangkan video tersebut berdasarkan peranan dan gaya kepimpinan serta gaya kepengkikut yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam video tersebut. Kumpulan akan melakukan pembentangan selama 15 minit.	Tugasan refleksi dan pembentangan ini memenuhi HPK 3 iaitu pengalaman bertemu pemimpin dan membincangkan video kepimpinan dapat membolehkan pelajar membincangkan perbezaan peranan dan gaya kepimpinan serta kepengkikut.	Kedua-dua tugasan ini yang memerlukan pelajar melakukan pertemuan dengan pemimpin dan membincangkan video kepimpinan berkaitan dengan peranan dan gaya kepimpinan serta gaya kepengkikut dapat mencapai atribut KKM5 iaitu 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan'.

Jadual 3.10 : Contoh Tugas Kursus Kepimpinan (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEPERIKSAAN BERTULIS CONTOH SOALAN MENGENAL PASTI DAN MENERANGKAN KONSEP UTAMA DALAM KEPIMPINAN - Bincangkan konsep-konsep kepimpinan di bawah dan berikan contoh yang berkaitan - Kuasa - Jaringan - Huraikan teori kepimpinan dan berikan contoh yang sesuai. - Sebuah organisasi mengalami masalah kerana ramai dalam kalangan pekerjaanya mengambil rasuah dan melakukan penyelewengan. Sebagai seorang ketua bincangkan apa yang anda harus lakukan berdasarkan kepada teori dan gaya kepimpinan serta jalan penyelesaian.	Soalan-soalan peperiksaan ini dapat mencapai HPK1 iaitu mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dalam kepimpinan. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur kemahiran ini melalui keputusan peperiksaan.	Tugasan ini mengukur atribut KKM3 iaitu 'keyakinan diri' dan 'kesedaran sendiri' melalui peperiksaan yang berbentuk esei ini.
2	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH 1: TUGASAN KERJA LAPANGAN DALAM PASUKAN Tugasan ini memerlukan pelajar memperlihatkan kemahiran kepimpinan dan interpersonal dalam melaksanakan tugasan di lapangan. Antara contoh tajuk tugasan yang boleh dipilih oleh pelajar ialah melaksanakan program kepimpinan untuk pelajar sekolah menengah, seminar/forum kepimpinan untuk pelajar universiti, atau kem kepimpinan untuk masyarakat setempat. Sebagai objektif kajian, pasukan pelajar ini boleh merancang program dengan baik dan mempromosikan kemahiran interpersonal dalam berinteraksi dengan pihak-pihak berkenaan untuk melaksanakan projek yang dirancang. Pasukan pelajar perlu menyediakan kertas cadangan dan setiap kertas cadangan mestilah mengandungi elemen-elemen berikut: - Pengenalan - Pernyataan masalah - Objektif (minimum 3) - Kaedah pelaksanaan - Carta Gantt / Jadual Kerja - Pembahagian tugas ahli pasukan Laporan bertulis perlu dihasilkan dalam Bahasa Melayu.	Tugasan ini dapat mencapai HPK2 iaitu menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugasan. Maka, tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur kemahiran interpersonal melalui pelaksanaan Tugas Kerja Lapangan sepasukan.	Tugasan ini mengukur atribut 'komunikasi', 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan' dalam KKM5 iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan melalui pelaksanaan Tugas Kerja Lapangan sepasukan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	REFLEKSI CONTOH: PENGALAMAN BERTEMU PEMIMPIN Pelajar secara individu dikehendaki untuk menulis 5 halaman refleksi yang menceritakan pengalaman bertemu pemimpin. Refleksi ini perlu mengandungi aspek berikut: - Menganalisis peranan dan gaya kepimpinan pemimpin yang mereka temui serta gaya kepengikutan subordinat. - Membahaskan peranan dan gaya pemimpin serta gaya kepengikutan subordinat. - Menghuraikan pengajaran yang mereka perolehi sepanjang pengalaman bertemu dengan pemimpin tersebut. - Mensintesis perubahan diri yang akan mereka lakukan bagi meningkatkan prestasi diri mereka seperti pemikiran, perspektif, sikap dan tingkah laku berasaskan apa yang mereka dapat pelajari daripada pemimpin yang mereka temui. PEMBENTANGAN CONTOH: TUGASAN ANALISIS VIDEO PENDEK Tugasan ini dilakukan secara berpasukan. Kumpulan akan memilih satu video kepimpinan dan menganalisis video tersebut berdasarkan peranan dan gaya kepimpinan serta gaya kepengikutan yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam video tersebut. Kumpulan akan melakukan pembentangan selama 15 minit.	Tugasan refleksi dan pembentangan ini memenuhi HPK 3 iaitu pengalaman bertemu pemimpin dan analisis video kepimpinan dapat membolehkan pelajar membincangkan perbezaan peranan dan gaya kepimpinan serta kepengikutan.	Kedua-dua tugasan ini yang memerlukan pelajar melakukan pertemuan dengan pemimpin dan menganalisis video kepimpinan berkaitan dengan peranan dan gaya kepimpinan serta gaya kepengikutan dapat mencapai atribut DHP KKM5 iaitu 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan'.

3.5.7 Rujukan Utama

Abdul Halim el- Muhammady. (1996) *Pengurusan dalam Islam, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah*.

Adair, J. (2013). *Develop Your Leadership Skills*: Koogan Page.

Lussier, R. N. dan Achua, C. F. (2009). *Leadership: Theory, Application, Skill Development*. International Edition, Cincinnati: South Western College Publishing

Syed Ismail Syed Mustafa dan Ahmad Subki Miskon. (2012). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*: Penerbitan Multimedia

3.5.8 Rujukan Tambahan

Choi, C. H. (2004) *Aspek-Aspek Kepimpinan dan Prestasi Organisasi*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Razali Mat Zin. (1996) *Kepimpinan dalam Pengurusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

3.6 KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN

3.6.1 Sinopsis

Kursus ini bertujuan untuk memberi ilmu asas dan konsep keusahawanan kepada pelajar supaya dapat menimbulkan minat dan memupuk nilai untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk perkongsian pengalaman keusahawanan, pembelajaran berasaskan kes, simulasi perniagaan dan pembentangan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat membentuk minda keusahawanan dan mempamerkan kemahiran keusahawanan dalam aktiviti harian.

3.6.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh:

- (i) menerangkan konsep asas keusahawanan melalui sorotan kes terpilih;
- (ii) menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif;
- (iii) membangunkan kerangka rancangan perniagaan.

3.6.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan konsep asas dan sorotan kes keusahawanan;
- (ii) menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif;
- (iii) menghasilkan rancangan perniagaan.

3.6.4 Kandungan Kursus

Jadual 3.11 menunjukkan jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah yang terdapat dalam bab tersebut.

Jadual 3.11: Kandungan Kursus Asas Keusahawanan

BAB	TAJUK KULIAH	KANDUNGAN
1	Asas Keusahawanan	• Konsep dan Teori Keusahawanan • Kepentingan Keusahawanan • Faktor yang Mempengaruhi Keusahawanan • Pembangunan Keusahawanan di Malaysia
2	Kreativiti dan Inovasi	• Proses dan Faktor Yang Mempengaruhi Kreativiti • Teknik-teknik Kreativiti • Jenis dan sumber Inovasi
3	Rancangan Perniagaan	• Mengenal pasti peluang • Pelan Perniagaan • Sistem Sokongan Perniagaan • Bentuk Entiti Perniagaan dan keperluan berkanun
4	Pengurusan Perniagaan Kecil	• Pengurusan Sumber Manusia • Pengurusan Pemasaran • Pengurusan Operasi • Pengurusan Kewangan untuk Industri Kecil & Sederhana (IKS) • Etika, Profesionalisme dan Tanggungjawab Sosial

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

3.6.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaran konstruktif kursus Asas Keusahawanan (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.12.

Jadual 3.12 : Pemetaan Penjaran Konstruktif Kursus Asas Keusahawanan (2 Kredit)

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah penyampaian	Komponen kaedah pentaksiran			Perincian Tugasan dan hubungan dengan atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Laporan	Simulasi	Pembentangan		
1	Menerangkan konsep asas keusahawanan melalui sorotan kes terpilih	KKM7	Kuliah dan pembelajaran berasaskan kes	25%			Laporan kajian kes berkaitan kisah kejayaan individu di dalam perniagaan dan kompetensi keusahawanan diri dengan mengenal pasti kepercayaan atau pemikiran yang perlu daripada beberapa kebarangkalian alternatif yang berkaitan dengan atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dalam KKM7.	15 jam
2	Menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif	KKM8	Pembelajaran berasaskan kes dan simulasi perniagaan		30%		Aktiviti semasa kajian kes dan simulasi perniagaan yang membangunkan idea perniagaan yang inovatif yang dapat menyelesaikan keperluan pengguna dengan atribut 'pengenalpastian peluang keusahawanan' dalam domain KKM8.	25 jam
3	Membangunkan kerangka rancangan perniagaan	KKM8	Pembelajaran berasaskan kes	25%		20%	Laporan dan pembentangan tentang rangka rancangan perniagaan dan penghasilan produk/ perkhidmatan secara atas talian yang menekankan atribut 'pengurusan masa' dan 'pengurusan kewangan' dalam DHP KKM 8.	40 jam
JUMLAH				50%	30%	20%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaianan konstruktif kursus Asas Keusahawanan (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.13.

Jadual 3.13 : Pemetaan Penjaianan Konstruktif Kursus Asas Keusahawanan (3 Kredit)

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah penyampaian	Komponen kaedah pentaksiran			Perincian Tugasan dan hubungan dengan atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Laporan	Simulasi	Pembentangan Projek/ Produk		
1	Menghuraikan konsep asas dan sorotan kes keusahawanan	KKM7	Kuliah dan pembelajaran berasaskan kes	15%			Laporan kajian kes berkaitan kisah kejayaan individu di dalam perniagaan dan kompetensi keusahawanan diri dengan mengenal pasti kepercayaan atau pemikiran yang perlu daripada beberapa kebarangkalian alternatif yang berkaitan dengan atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dalam KKM7.	20 jam
2	Menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif	KKM8	Pembelajaran berasaskan kes dan simulasi perniagaan		20%	10%	Aktiviti semasa kajian kes dan simulasi perniagaan dan pembentangan projek/produk yang membangunkan idea perniagaan yang inovatif yang dapat menyelesaikan keperluan pengguna dengan atribut 'peluang keusahawanan' dalam KKM8.	40 jam
3	Menghasilkan rancangan perniagaan	KKM8	Pembelajaran berasaskan kes	30%		25%	Laporan dan Pembentangan tentang pembinaan rancangan perniagaan dan penghasilan produk/ perkhidmatan secara atas talian yang memerlukan pelajar berkeupayaan mempunyai sikap yang berkaitan 'pengurusan masa' dan 'pengurusan kewangan' dalam KKM8.	60 jam
JUMLAH				45%	20%	35%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

3.6.6 Contoh Tugas Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Asas Keusahawanan (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.14. Sementara itu, contoh tugasan bagi kursus Asas Keusahawanan (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.15.

Jadual 3.14 : Contoh Tugas Kursus Asas Keusahawanan (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN CONTOH: MENEMU BUAL SEORANG USAHAWAN Tugasan ini dilakukan secara individu atau dalam kumpulan dua orang. Pelajar/kumpulan perlu mengenal pasti usahawan yang akan ditemu bual selewat-lewatnya pada minggu ketiga dalam sesuatu semester. Pelajar perlu menyediakan panduan temu bual sebelum mereka pergi menemui bual usahawan yang telah dikenal pasti. Antara perkara/isu/soalan yang boleh dimasukkan dalam panduan temu bual tersebut adalah seperti berikut: - mengapa seseorang itu memilih untuk menjadi usahawan - apa yang memotivasinya - apa cabaran yang dihadapi - apa yang dilakukan untuk mengatasi cabaran tersebut - apa kejayaan yang telah ia perolehi - apakah faktor-faktor yang ia fikirkan penting bagi menjamin kejayaan dalam perniagaan Perkara/isu/soalan yang ditanya oleh kumpulan pelajar kepada usahawan berkenaan perlulah meliputi hal-hal yang berkaitan konsep keusahawanan. Selepas menemui bual usahawan, pelajar akan menyiapkan laporan. Perkara yang perlu ada dalam laporan adalah: - Pengenalan latarbelakang usahawan dan perniagaannya - Penemuan dari temu bual Pelajar diberi tempoh dua minggu untuk menyiapkan tugasan tersebut.	Tugasan ini dapat membantu mencapai HPK 1 iaitu menerangkan konsep asas keusahawanan kerana tugasan ini menyaratkan bahawa perkara/isu/soalan yang perlu ditanya kepada usahawan semasa sesi temu bual mestilah berkaitan dengan konsep-konsep asas keusahawanan.	Tugasan ini mengukur KKM7 atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat': kerana tugasan ini memerlukan pelajar mengadakan jaringan dengan usahawan yang telah dikenal pasti dan dapat memupuk kecenderungan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	SIMULASI PERNIAGAAN CONTOH 1: TUGASAN MEMBINA SYARIKAT PERNIAGAAN DENGAN PRODUK INOVASI Pelajar perlu mendapat kata laluan untuk menggunakan laman sesawang simulasi perniagaan secara dalam talian. Objektif tugasan ini ialah pelajar dapat mempelajari cara membina perniagaan secara maya. Tugasan ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Tugasan ini memerlukan pelajar membentuk enterprise secara berkumpulan dengan menentukan nama syarikat perniagaan, menetapkan portfolio ahli, visi, dan misi syarikat. Para pelajar perlu mengeluarkan idea perniagaan yang inovatif bersesuaian dengan keperluan pelanggan berdasarkan kajian mereka terhadap kepuasan pelanggan. Mereka juga perlu membuat keputusan dalam operasi seperti penempatan bahan mentah mengikut perancangan pengeluaran, jumlah bilangan pekerja tetap atau sementara yang diperlukan. Pelajar juga perlu membuat keputusan: - berkaitan pemasaran, penetapan harga, pengkosan pemasaran, pelan jualan/unjuran jualan dan pembelian maklumat pasaran. - tentang kewangan kerana perlu menentukan sumber kewangan dan keperluan pinjaman sama ada untuk jangka pendek atau jangka panjang.	Tugasan ini dapat mencapai HPK2 iaitu menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif kerana tugasan ini memerlukan pelajar: - menggunakan laman sesawang simulasi perniagaan secara dalam talian. - membina perniagaan secara maya. - mengeluarkan idea perniagaan yang inovatif bersesuaian dengan keperluan pelanggan berdasarkan kajian mereka terhadap kepuasan pelanggan.	Tugasan ini dapat mencapai KKM8 atribut penyelesaian masalah kerana tugasan ini memerlukan pelajar menggunakan kemahiran sintesis dan penilaian yang merupakan atribut minda keusahawanan iaitu subatribut 'jaringan' dan 'keterujaan' sebelum pelajar dapat menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	PEMBENTANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN CONTOH: LAPORAN DAN PEMBENTANGAN Laporan: Pelajar dikehendaki menghasilkan rangka rancangan perniagaan secara berkumpulan. Objektif rangka rancangan perniagaan ini adalah untuk memastikan bahawa setiap pelajar berupaya mengenalpasti struktur atau format rancangan perniagaan yang baik dan bekerja dalam pasukan. Pelajar juga perlu mengenalpasti unsur-unsur penting dalam rancangan perniagaan dan seterusnya menghasilkan dokumen dan tidak perlu dibentangkan. Pelajar hanya perlu menghantar dokumen tersebut untuk dinilai oleh pensyarah. Pembentangan: Pelajar dikehendaki membentangkan ringkasan rancangan perniagaan contohnya model kanvas perniagaan. Pembentangan akan dinilai oleh pensyarah berdasarkan kepada keupayaan pelajar untuk memahami struktur rancangan perniagaan.	Tugasan ini dapat mencapai HPK3 berkaitan kemahiran pengenalaan peluang keusahawanan kerana: 1. Tugasan ini memerlukan pelajar mengenalpasti unsur-unsur dalam rancangan perniagaan dan menghasilkan satu rancangan perniagaan secara berkumpulan. 2. Pelajar juga perlu membentangkan ringkasan rancangan perniagaan. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui laporan dan pembentangan.	Tugasan ini dapat mencapai atribut kemahiran peluang keusahawanan kerana dalam proses menyiapkan laporan dan pembentangan, pelajar dapat terlibat dalam proses mencari peluang melaksanakan idea keusahawanan mengikut strategi yang telah dirancang.

Jadual 3.15 : Contoh Tugas Asas Keusahawanan (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	LAPORAN REFLEKSI DAN PEMBENTANGAN LISAN CONTOH: MENEMU BUAL SEORANG USAHAWAN Tugasan ini dilakukan secara individu atau dalam kumpulan dua orang. Pelajar/kumpulan perlu mengenal pasti usahawan yang akan ditemu bual selewat-lewatnya pada minggu ketiga dalam sesuatu semester. Pelajar perlu menyediakan panduan temu bual sebelum mereka pergi menemui bual usahawan yang telah dikenal pasti. Antara perkara/isu/soalan yang boleh dimasukkan dalam panduan temu bual tersebut adalah seperti berikut: - mengapa seseorang itu memilih untuk menjadi usahawan - apa yang memotivasinya - apa cabaran yang dihadapi - apa yang dilakukan untuk mengatasi cabaran tersebut - apa kejayaan yang telah ia peroleh - apakah faktor-faktor yang ia fikirkan penting bagi menjamin kejayaan dalam perniagaan Perkara/isu/soalan yang ditanya oleh kumpulan pelajar kepada usahawan berkenaan perlulah meliputi hal-hal yang berkaitan konsep keusahawanan. Selepas menemui bual usahawan, pelajar akan menyiapkan laporan refleksi. Perkara yang perlu ada dalam laporan: - Pengenal latarbelakang usahawan dan perniagaannya - Penemuan dari temu bual - Pelajar memberi refleksi apa yang ditemui dan membandingkannya dengan apa yang dipelajari melalui buku teks. Pelajar diberi tempoh empat minggu untuk menyiapkan tugasan tersebut. Pelajar juga perlu membuat pembentangan dapatan hasil temu bual bersama usahawan tersebut dalam kelas supaya konsep keusahawanan yang diperolehi melalui temu bual tersebut dapat dikongsi dengan pelajar lain.	Tugasan ini dapat membantu mencapai HPK 1 iaitu menghuraikan konsep asas keusahawanan kerana tugasan ini: - mensyaratkan bahawa perkara/isu/soalan yang perlu ditanya kepada usahawan semasa sesi temu bual mestilah berkaitan dengan konsep-konsep asas keusahawanan. - Memerlukan pelajar membentangkan hasil dapatan temu bual bersama usahawan tersebut yang berkisar tentang konsep asas keusahawanan.	Tugasan ini mengukur KKM7 iaitu atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' kerana tugasan ini memerlukan pelajar mengadakan jalinan dengan usahawan yang telah dikenal pasti dan dapat memupuk kecenderungan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
2	SIMULASI PERNIAGAAN CONTOH 1: TUGASAN MEMBINA SYARIKAT PERNIAGAAN DENGAN PRODUK INOVASI Pelajar perlu mendapat kata laluan untuk menggunakan laman sesawang simulasi perniagaan secara dalam talian. Objektif tugas ini ialah pelajar dapat mempelajari cara membina perniagaan secara maya. Tugas ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Tugasan ini memerlukan pelajar membentuk enterprise secara berkumpulan dengan menentukan nama syarikat perniagaan, menetapkan portfolio ahi, visi, dan misi syarikat. Para pelajar perlu mengeluarkan idea perniagaan yang inovatif bersesuaian dengan keperluan pelanggan berdasarkan kajian mereka terhadap keupayaan pelanggan. Mereka juga perlu membuat keputusan dalam operasi seperti penempatan bahan mentah mengikut perancangan pengeluaran, jumlah bilangan pekerja tetap atau sementara yang diperlukan. Pelajar juga perlu membuat keputusan: - berkaitan pemasaran, penetapan harga, pengkosan pemasaran, pelan jualan/unjuran jualan dan pembelian maklumat pasaran. - tentang kewangan kerana perlu menentukan sumber kewangan dan keperluan pinjaman sama ada untuk jangka pendek atau jangka panjang.	Tugasan ini dapat mencapai HPK2 iaitu menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif kerana tugasan ini memerlukan pelajar: - menggunakan laman sesawang simulasi perniagaan secara dalam talian, - membina perniagaan secara maya, - mengeluarkan idea perniagaan yang inovatif bersesuaian dengan keperluan pelanggan berdasarkan kajian mereka terhadap keupayaan pelanggan.	Tugasan ini dapat mencapai KKM8 atribut penyelesaian masalah kerana tugasan ini memerlukan pelajar menggunakan atribut 'minda keusahawanan' iaitu subatribut jaring dan keterujaan sebelum pelajar dapat menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif. Tugasan ini juga dapat mencapai HPD KKM8 atribut 'pengurusan' iaitu subatribut 'pengurusan masa' dan 'organisasi idea' kerana tugasan ini memerlukan pelajar membentangkan dalam kelas dapatan temu bual bersama usahawan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	PEMBENTANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN CONTOH: LAPORAN DAN PEMBENTANGAN PROJEK/PRODUK Laporan: Pelajar dikehendaki menghasilkan rancangan perniagaan secara berkumpulan. Objektif rancangan perniagaan ini adalah untuk memastikan bahawa setiap pelajar berupaya mengenalpasti idea perniagaan yang memenuhi kehendak dan keperluan atau penyelesaian pengguna dan bekerja dalam pasukan. Melalui penghasilan rancangan perniagaan pelajar perlu menunjukkan kemahiran keusahawanan yang berkaitan dengan mengenalpastian peluang keusahawanan iaitu proses mencari peluang, melaksanakan idea keusahawanan mengikut strategi yang telah dirancang. Pelajar juga perlu mengenalpasti unsur-unsur penting dalam rancangan perniagaan dan seterusnya menghasilkan dokumen dan tidak perlu dibentangkan. Pelajar hanya perlu menghantar dokumen tersebut untuk dinilai oleh pensyarah. Pembentangan: Pelajar perlu membentangkan kandungan pemasaran rancangan perniagaan yang telah dihasilkan berdasarkan kepada kaedah pemasaran terkini.	Tugasan ini dapat mencapai HPK3 berkaitan kemahiran mengenalpastian peluang keusahawanan kerana: 1. Tugasan ini memerlukan pelajar mengenalpasti unsur-unsur dalam rancangan perniagaan dan menghasilkan satu rancangan perniagaan. 2. Pelajar juga perlu membentangkan kandungan pemasaran berdasarkan rancangan perniagaan yang telah dihasilkan. Pencapaian pelajar untuk HPK3 boleh diukur melalui laporan dan pembentangan	Tugasan ini dapat mencapai atribut kemahiran peluang keusahawanan kerana dalam proses menyiapkan laporan dan pembentangan, pelajar dapat terlibat dalam proses mencari peluang melaksanakan idea keusahawanan mengikut strategi yang telah dirancang.

3.6.7 Rujukan Utama

- Bessant, J & Tidd, J . (2011). Innovation and Entrepreneurship. 2nd Edition. John Wiley & Sons, UK.
- Buku teks : Principle of Entrepreneurship and Innovation.
- Bters, T.H., Dorf, R.C., and Nelson, A.J., (2011). Technology Ventures: From Idea to Enterprise. Third Edition, McGraw-Hill International.
- Byrd, M.J. & Megginson, L.C. (2009). "Small Business Management: An Entrepreneur's Guidebook", New York: McGraw-Hill / Irwin , 6th Edition, International Edition
- Damian Ryan and Calvin Jones (2012). Understanding Digital Marketing: Marketing Strategies for Engaging the Digital Generation. 2nd edition. Kogan Page Limited. UK.
- Fang Zhao (2008). Information Technology Entrepreneurship and Innovation. IGI Global Publication. US.
- Hisrich, Robert D., Peters, Michael P. & Shepherd, D. (2013)." Entrepreneurship", New York: McGraw-Hill / Irwin, 9th Edition, International Edition
- Kuratko, D, F. & Hodgetts, R.M. (2001). " Entrepreneurship – A Contemporary Approach". 5th Edition. Harcourt College Publishers.
- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship: theory, process and practice* (6th Ed.). Singapore: Thompson Learning.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi dengan Kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM). (2007). *Asas pembudayaan keusahawanan*. Putrajaya : KPTM.
- Kawasaki, G. (2004). The Art of the Start. Portfolio Publishing
- Kuratko, D. F. (2009). Introduction to Entrepreneurship, 8th Edition, South-Western Cengage Learning.
- Lambing, P. A. & Charles R. K. (2003). *Entrepreneurship* (3rd Ed.). New Jersey : Prentice Hall.
- Power point , Visualizer, LCD, Komputer, bahan edaran, bahan atas talian, simulasi berkomputer menggunakan kata laluan peribadi.

- Sodri Ariffin, Ismail Ab. Wahab, Zarida Hambali. (2013). *Fundamentals Of Entrepreneurship*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Schroeder, Christopher M. (2013). *Startup Rising: The Entrepreneurial Revolution Remaking the Middle East*. Palgrave Macmillan.
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) <http://www.ssm.com.my>
- Sharifah Akmam Syed Zakaria (2007). *Rancangan perniagaan Malaysia* : PTS Professional Publishing.
- Timmons, J.A., & Spinelli S. (2004). *New venture creation: Entrepreneurship for the 21st century*. International Edition. New York : Mc Graw Hill-Irwin.
- UiTM Entrepreneurship Study Group (MEDEC). (2004). "Fundamentals of Entrepreneurship", Petaling Jaya: Pearson-Prentice Hall Sdn. Bhd.
- Rosli Mahmood, Et. al. (2011). *Prinsip-prinsip Keusahawanan: Pendekatan Gunaan*. Edisi kedua, Cengage Learning.

3.6.8 Rujukan Tambahan

- Collins, J.C. and Porras, J.I. (1994). *Built to Last*: HarperCollins.
- Hammer, M. and Champy, J.A. (1993). *Reengineering the Corporation* HarperCollins.
- Scarborough, N.M. and Cornwall, J.R. (2015). *Essentials of Entrepreneurships and Smal Business Management*: Pearson Education Limited.

BAB 4 KELOMPOK U3

4.1 SKOP DAN OBJEKTIF UMUM PENAWARAN

Kursus di dalam Kelompok U3 ini wajib diambil dan lulus oleh pelajar warganegara dan bukan warganegara. Objektif umum penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penguasaan dalam perluasan ilmu yang beracuan Malaysia.

4.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh*:

- (i) menghuraikan kepelbagaian agama di Malaysia;
- (ii) mengulas cabaran-cabaran global yang memberi impak kepada aspek pembangunan material dan insaniah Negara;
- (iii) membuat kesimpulan secara kritis dalam berhadapan pelbagai cabaran negara dan global.

*IPT boleh memilih beberapa hasil pembelajaran sahaja mengikut kursus pilihan di IPT tersebut. Hasil pembelajaran kursus yang dipilih mesti dipetakan kepada beberapa hasil pembelajaran kelompok U3 dalam konteks memupuk penguasaan ilmu yang beracuan Malaysia.

4.3 CONTOH KURSUS

Contoh-contoh Kursus U3 yang sesuai:

1. Pengajian Islam
2. Perlembagaan dan Masyarakat
3. Undang-undang dan Masyarakat
4. Etika Perbandingan
5. Hak Asasi Manusia
6. Asas Pengurusan Kualiti
7. Isu-isu Ekonomi
8. Isu-isu Kekeluargaan
9. Akidah dan Sejarah Pemikiran Islam
10. Isu-isu Fiqh Semasa
11. Isu-isu Aqidah Semasa
12. Islam dan Hubungan Antarabangsa
13. Al-Quran dan Sains
14. Perbandingan Agama

15. Falsafah Alam Sekitar
16. Undang-undang Peperangan Dalam Islam
17. Pembangunan Belia
18. Pengurusan Masa
19. Konflik Rantau Asia Barat
20. Orientalisme
21. Politik Dan Kepimpinan
22. Hubungan Insan
23. Konflik Wilayah Antarabangsa
24. Perbankan, Takaful dan Kewangan Islam
25. Institusi Hisbah dan Masyarakat
26. Dakwah dan Kestabilan Sosial
27. Isu-isu Orang Asli Di Malaysia
28. Institusi Halal dan Masyarakat
29. Bioteknologi dan Masyarakat
30. Undang-undang Jenayah Perbandingan
31. Undang-undang Tanah Perbandingan
32. Undang-undang Keluarga Islam
33. Pemikiran Saintifik
34. Media dan Masyarakat
35. Atau apa-apa sahaja kursus yang beracuan Kemalaysiaaan

4.4 KURSUS PENGAJIAN ISLAM

4.4.1 Sinopsis

Kursus ini disediakan untuk melahirkan warganegara yang faham tasawwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Perbincangan berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugasan, peperiksaan, pengalaman pembelajaran atau pembelajaran berasaskan masalah.

4.4.2 Hasil Pembelajaran Kursus (2 Kredit)

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) membincangkan tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia;
- (ii) mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian agama;
- (iii) menghubungkan kait institusi Islam dengan isu kemasyarakatan semasa.

4.4.3 Hasil Pembelajaran Kursus (3 Kredit)

Pada akhir kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghuraikan tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia;
- (ii) mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian agama;
- (iii) membahaskan institusi dengan isu kemasyarakatan semasa.

4.4.4 Kandungan Kursus

Jadual 4.1: Kandungan Kursus Pengajian Islam

KANDUNGAN	SIJIL	DIPLOMA/DIPLOMA LANJUTAN	SARJANA MUDA
Islam Sebagai al-Deen	Islam Dan Konsep-Konsep Asas i. Tasawwur Islam dan Kepentingannya ii. Pengertian Islam, Iman dan Ihsan iii. Sumber ilmu Islam	Islam Dan Konsep-Konsep Asas i. Pengertian Islam, Iman, Ihsan ii. Akidah, ibadah dan akhlak iii. Sumber ilmu Islam	Islam Dan Konsep-Konsep Asas i. Pengertian Islam, Iman, Ihsan ii. Akidah, ibadah dan akhlak iii. Sumber ilmu Islam iv. Konsep dan teori manusia mengikut Islam
Islam Dan Konsep-Konsep Asas	Asas-asas Islam 1. Akidah dan tauhid - Allah - Rasul - Kitab - Malaikat - Hari Kiamat - Qada' dan Qadar 2. Rukun Islam - Syahadah - Solat - Puasa - Zakat - Haji 3. Ihsan - Akhlak - Dosa dan Pahala	Asas-asas Islam 1. Akidah dan tauhid - Allah - Rasul - Kitab - Malaikat - Hari Kiamat - Qada' dan Qadar 2. Rukun Islam - Syahadah - Solat - Puasa - Zakat - Haji 3. Ihsan - Akhlak - Dosa dan Pahala 4. Aplikasi asas syariah - Definisi Syarak dan hukum - Ibadah - Muamalat - Munakahat - Jenayah	Asas-asas Islam 1. Akidah dan tauhid - Allah - Rasul - Kitab - Malaikat - Hari Kiamat - Qada' dan Qadar 2. Rukun Islam - Syahadah - Solat - Puasa - Zakat - Haji 3. Ihsan - Akhlak - Dosa dan Pahala 4. Aplikasi asas syariah - Definisi Syarak dan hukum - Ibadah - Muamalat - Munakahat - Jenayah

KANDUNGAN	SIJIL	DIPLOMA/DIPLOMA LANJUTAN	SARJANA MUDA
Institusi Islam	-	Institusi Islam - Institusi Keluarga - Tanggungjawab ibu bapa dan anak - Institusi Masyarakat - Kejiranan - Majmuk - Institusi Ekonomi - Zakat - Perbankan - Takaful - Ar-Rahnu - Institusi Pendidikan - Masjid, pondok, universiti - Institusi Siasah - Khilafah/Imamah - Syura - Hisbah - Institusi Kehakiman - Mahkamah Syariah - Majlis Fatwa - Institusi Kesihatan dan Perubatan - Perubatan Islam - Perubatan Alternatif	Institusi Islam - Institusi Keluarga - Tanggungjawab ibu bapa dan anak - Institusi Masyarakat - Kejiranan - Majmuk - Institusi Ekonomi - Zakat - Perbankan - Takaful - Ar-Rahnu - Institusi Pendidikan - Masjid, pondok, universiti - Institusi Siasah - Khilafah/Imamah - Syura - Hisbah - Institusi Kehakiman - Mahkamah Syariah - Majlis Fatwa - Institusi Kesihatan dan Perubatan - Perubatan Islam - Perubatan Alternatif
Islam dan Cabaran Semasa	Islam dan Cabaran Semasa - Gejala Keruntuhan Moral - Pembangunan Alam Sekitar - Sains, Teknologi dan ICT - Salah Faham Terhadap Islam - Radikalisme dan Extremisme dalam beragama	Islam dan Cabaran Semasa - Gejala Keruntuhan Moral - Pembangunan Alam Sekitar - Sains, Teknologi dan ICT - Globalisasi - Salah Faham Terhadap Islam - Radikalisme dan Extremisme dalam beragama - Dialog Peradaban	Islam dan Cabaran Semasa - Gejala Keruntuhan Moral - Pembangunan Alam Sekitar - Sains, Teknologi dan ICT - Globalisasi - Salah Faham Terhadap Islam - Aliiran pemikiran Islam - Radikalisme dan Extremisme dalam beragama - Dialog Peradaban dan toleransi

Nota:

- ❖ Silibus yang sama boleh digunakan untuk kursus 2 dan 3 kredit dengan kedalaman berbeza.

4.4.5 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penajajaran konstruktif kursus Pengajian Islam (2 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Pemetaan Penajajaran Konstruktif Kursus Pengajian Islam (2 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Membincangkan tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		20%	Peperiksaan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan penilaian ke atas Islam sebagai satu cara hidup ke arah mewujudkan warganegara yang mempunyai nilai dan sikap bertanggungjawab dalam KKM4.	40 jam
2	Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian agama.	KKM3	Aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan yang berkaitan dengan isu dan cabaran Islam di Malaysia dalam bentuk konsep dan aplikasi yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dalam KKM3.	15 jam
3	Menghubung kait institusi Islam dengan isu kemasyarakatan semasa.	KKM3	Aktiviti dalam pasukan		15%	15%	Pembentangan dan refleksi yang berkaitan dengan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut 'hormat' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	25 jam
JUMLAH				30%	35%	35%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif Kursus Pengajian Islam (3 kredit) kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Kursus Pengajian Islam (3 Kredit)

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Peperiksaan	Pembentangan	Laporan Bertulis/ Refleksi		
1	Menghuraikan tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.	KKM4	Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam pasukan	30%		20%	Peperiksaan dan laporan bertulis kerja lapangan yang berkaitan penilaian ke atas Islam sebagai satu cara hidup ke arah mewujudkan warganegara yang mempunyai nilai dan sikap bertanggungjawab dalam KKM4.	50 jam
2	Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian agama.	KKM3	Aktiviti dalam pasukan		20%		Pembentangan yang berkaitan dengan isu dan cabaran Islam di Malaysia dalam bentuk konsep dan aplikasi yang menekankan atribut 'komunikasi sosial' dalam KKM3.	30 jam
3	Membahaskan institusi Islam dengan isu kemasyarakatan semasa	KKM3	Aktiviti dalam pasukan		15%	15%	Pembentangan dan refleksi yang berkaitan dengan pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang menekankan atribut 'hormat' dan 'tanggungjawab sosial' dalam KKM3.	40 jam
JUMLAH				30%	35%	35%		120 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

4.4.6 Contoh Tugas Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugas bagi kursus Pengajian Islam (2 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 4. Sementara itu, contoh-contoh tugas bagi kursus Pengajian Islam (3 kredit) yang memenuhi HPK dan atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Contoh Tugas Kursus Pengajian Islam (2 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH: TUGASAN PROJEK VIDEO Tugasan ini dilakukan secara berpasukan. Pendaftaran ahli setiap pasukan dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester. Setiap pasukan perlu mengemukakan kertas cadangan ringkas selewat-lewatnya pada minggu kelima setiap semester. Setiap kertas cadangan mestilah mengandungi elemen-elemen berikut: - Pengenalan - Pernyataan masalah - Objektif - Objektif pertama dan kedua adalah berkaitan masalah yang dikenal pasti. - Objektif ketiga mesti mempunyai hubung kait dengan nilai, sikap dan profesionalisme dalam komunikasi sosial. - Kawasan kajian/komuniti - Carta Gantt - Pembahagian tugas ahli pasukan Laporan bertulis dan projek video perlu dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Projek video juga perlulah mempunyai sari kata dalam Bahasa Melayu. Video yang dihasilkan mestilah tidak melebihi 15 minit.	Objektif ketiga tugas ini yang dimestikan mempunyai hubung kait dengan nilai, sikap dan profesionalisme dalam komunikasi sosial dan kementerian dalam menghasilkan laporan bertulis dan projek video dalam Bahasa Melayu dapat mencapai bahagian pertama HPK1 iaitu tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.	Tugasan ini mengukur atribut Nilai dan Sikap dalam KKM4 iaitu identiti melalui aktiviti tugas yang dilaksanakan ini iaitu penghasilan projek video dan tugas bertulis yang memerlukan pelajar menilai sikap berkaitan tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia.

Jadual 4.5: Contoh Tugas Pengajian Islam (3 Kredit)

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PEMBENTANGAN DAN LAPORAN BERTULIS CONTOH 1: TUGASAN KERJA LAPANGAN DALAM PASUKAN Tugasan ini memerlukan pelajar mengenal pasti isu atau masalah berkaitan institusi Islam dan pergi melakukan kajian di lapangan. Antara contoh tajuk tugasan yang boleh dipilih oleh pelajar ialah "Persepsi Masyarakat Bukan Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam". Di bawah tajuk ini, pasukan pelajar boleh memilih untuk mengkaji / menyelidik masyarakat bukan Islam. Sebagai objektif kajian, pasukan pelajar ini boleh memilih untuk menggunakan kaedah temubual atau soal selidik bagi mendapatkan persepsi masyarakat bukan Islam berkaitan sistem perbankan Islam. Responden boleh dipilih dalam kalangan masyarakat Cina, India dan lain-lain. Selain itu, pelajar perlu mematuhi prosedur kajian lapangan yang berkaitan.	Tugasan ini dapat mencapai HPK1 ini iaitu tasawwur Islam dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia. Tenaga pengajar boleh melihat dan mengukur penerimaan institusi ekonomi Islam dalam kalangan masyarakat bukan Islam melalui pembentangan dan laporan bertulis hasil kajian ini.	Tugasan ini mengukur atribut Nilai dan Sikap dalam KKM4 iaitu identiti melalui aktiviti tugasan yang dilaksanakan ini iaitu kajian berkaitan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap sistem perbankan Islam.

4.4.7 Rujukan Utama

Haron Din. (2015). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: DBP.

Roariah Sidik, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos. (2011). *Pengajian Islam Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar.

4.4.8 Rujukan Tambahan

Al-Mawdudi, Abu al-Ala. (2010). *Towards Understanding Islam*. Singapore: Pustaka Nasional.

Beg, M. A. J. (2004). *The Images of Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Mohd Yusuf Ahmad. (2003). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Shaharir Mohamad Zain. (1995). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*. Kuala Lumpur: DBP.

Sulaiman Nordin. (2013). *Sejarah Pemikiran 2*. Bangi: Pusat Pengajian Umum.

BAB 5 KELOMPOK U4

5.1 SKOP DAN OBJEKTIF UMUM PENAWARAN

Kursus di dalam Kelompok U4 ini wajib diambil dan lulus oleh pelajar warganegara dan bukan warganegara. Objektif umum penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berupaya mengaplikasikan kemahiran insaniah.

5.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pembelajaran kursus-kursus dalam kelompok ini, pelajar boleh*:

- (i) mengapikasi kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (ii) mengapikasi nilai, sikap dan profesionalisme;
- (iii) mengapikasi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja secara kumpulan;
- (iv) mengapikasi kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (v) mengapikasi kemahiran pengurusan dan keusahawanan.

*IPT boleh memilih beberapa hasil pembelajaran sahaja mengikut kursus pilihan di IPT tersebut. Hasil pembelajaran kursus yang dipilih mesti dipetakan kepada beberapa hasil pembelajaran kelompok U4 dalam konteks memupuk kemahiran insaniah pelajar.

5.3 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kaedah penyampaian bagi kursus-kursus dalam kelompok ini boleh meliputi*:

- (i) Perbincangan;
- (ii) Pembentukan kumpulan;
- (iii) Pembentangan cadangan;
- (iv) Pembelajaran berasaskan masalah (projek/kem mini);
- (v) Pembelajaran berasaskan pengalaman;
- (vi) Pembelajaran berasaskan khidmat.

*IPT boleh memilih kaedah pengajaran-pembelajaran lain yang sesuai.

5.4 CIRI-CIRI

- (i) Sebarang aktiviti atau projek perlu bersifat aplikasi kemahiran insaniah;
- (ii) Ia boleh dijalankan oleh pelajar dengan bimbingan pensyarah dan pemberian markah oleh pensyarah/rakan sebaya/komuniti;
- (iii) Aktiviti atau projek khidmat masyarakat dan kemanusiaan perlu mendapat persetujuan pelajar dan pensyarah dan diberi kelulusan oleh pihak berautoriti yang dipertanggungjawabkan oleh IPT;
- (iv) Setiap kursus U4 berjumlah sekurang-kurangnya 2 kredit;
- (v) Pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya satu kursus U4.

5.5 KONSEP PERLAKSANAAN U4

5.5.1 Pendekatan

Kursus U4 boleh dilaksanakan melalui penawaran kursus oleh fakulti, aktiviti kokurikulum, persatuan pelajar, kelab pelajar atau badan beruniform.

IPT perlu menawarkan kursus U4 yang berfokus kepada kemahiran pengurusan khidmat masyarakat yang bersifat praktikal. Ia boleh dijalankan melalui pembabitan pelajar dalam kursus di fakulti, aktiviti kokurikulum, persatuan pelajar, kelab pelajar atau badan beruniform.

*Aktiviti atau projek di bawah kursus U4 yang mempunyai impak sosial yang lestari adalah digalakkan.

5.5.2 Langkah-Langkah Pelaksanaan

Langkah pelaksanaan bagi kursus-kursus dalam kelompok ini adalah seperti berikut*:

- (i) Penerangan tentang perjalanan kursus u4 diberikan sebelum pelajar keluar menjalankan projek/aktiviti;
- (ii) Pelajar perlu berbincang dalam kumpulan bagi menghasilkan proposal (usulan cadangan);
- (iii) Usulan dibentangkan dan mendapat pengesahan daripada pihak berautoriti yang dipertanggungjawabkan oleh ipt;
- (iv) Refleksi individu boleh dijalankan sebelum dan/atau selepas projek/aktiviti dilaksanakan;
- (v) Proses (mesyuarat/perbincangan/perancangan dengan pihak institusi dan luar) pelaksanaan projek bermula pada awal sehingga akhir semester;

- (vi) Pembentangan laporan akhir dijalankan pada hujung semester.

*IPT boleh memilih untuk mengambil langkah-langkah pelaksanaan lain yang sesuai.

5.5.3 Bentuk Kemahiran yang Diaplikasi

- (i) Aplikasi kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (ii) Aplikasi pembinaan dan pemupukan nilai, sikap dan profesionalisme;
- (iii) Aplikasi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja secara kumpulan;
- (iv) Aplikasi kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (v) Aplikasi kemahiran pengurusan dan keusahawanan.

5.6 CONTOH KURSUS KELOMPOK U4: KETERLIBATAN KOMUNITI

5.6.1 Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep projek keterlibatan komuniti, penyediaan kertas cadangan dan ciri-ciri projek yang berkesan. Tujuan kursus ini ialah memberikan kefahaman dan penghayatan dalam melaksanakan projek keterlibatan komuniti. Pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan dalam bentuk kuliah interaktif, diskusi kumpulan, pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti kumpulan dan semangat sukarelaan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan nilai dan etika, kepimpinan dan kerja berpasukan serta tanggung jawab sosial.

5.6.2 Hasil Pembelajaran Kursus

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

- (i) menghasilkan kertas cadangan projek keterlibatan komuniti yang berimpak sosial;
- (ii) mempamerkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan;
- (iii) mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaan projek.

5.6.3 Kandungan Kursus

Jadual 5.1 menunjukkan perancangan aktiviti berdasarkan minggu, jumlah bab, tajuk kuliah, dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah yang terdapat dalam bab tersebut.

Jadual 5.1: Kandungan Kursus Keterlibatan Komuniti

MINGGU	AKTIVITI
Minggu 1	Pengenalan Kursus Keterlibatan Komuniti Pensyarah menjelaskan konsep projek keterlibatan komuniti Kesediaan sendiri sebagai sukarelawan Konsep keterlibatan komuniti Kepentingan keterlibatan komuniti Fungsi individu dan kumpulan dalam keterlibatan komuniti Kumpulan sasaran (Pelaksana dan Penerima manfaat)
Minggu 2-4	2.1 Pelajar menyediakan kertas cadangan (15%) projek keterlibatan komuniti yang mengandungi: • Pengenalan/latar belakang program • Objektif program • Cadangan tempat/masa/tarikh • Anggaran perbelanjaan/implikasi kewangan • Tentatif program • Senarai ahli jawatankuasa pelaksana • Carta Gantt • Golongan dan jumlah sasaran 2.2 Pelajar membuat tinjauan awal dan penambahbaikan ke atas kertas cadangan projek berdasarkan kriteria seperti berikut : • Berimpak tinggi (<i>high impact</i>) • Menjimatkan kos (<i>low cost</i>) • Pelaksanaan yang cekap/pantas (<i>rapid execution</i>) • Merentas pelbagai agensi (<i>cross agencies</i>) • Kelestarian (<i>sustainability</i>) • Kreativiti (<i>creativity</i>) Pelajar membentangkan kertas cadangan untuk melaksanakan projek berdasarkan hasil analisis tinjauan dan penambahbaikan. 2.3 Pelajar menghasilkan laporan dalam bentuk video yang perlu mengandungi aktiviti-aktiviti (proses mesyuarat/ perbincangan/ rundingan/ perancangan dengan pihak yang terlibat dari awal sehingga membawa kepada pelaksanaan aktiviti dalam komuniti). Aktiviti perlu mempamerkan nilai murni dan sikap positif semasa memberi khidmat dalam pelbagai situasi. Nota: (25% = Pemerhatian semasa perbincangan=5%; pemerhatian semasa pelaksanaan projek = 10%; laporan video=10%)

MINGGU	AKTIVITI
Minggu 5 – 12	3.1 Melaksanakan projek akhir yang telah dirancang pada minggu ke dua hingga empat dengan mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaannya. Semasa kumpulan pelajar melaksanakan projek akhir di lapangan, pemerhatian langsung/rakaman dalam bentuk video (20%), penilaian rakan sebaya (10%) dan penilaian komuniti (20%) perlu dilakukan seiring dengan perjalanan projek tersebut dari mula sehingga akhir. Pelajar perlu mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaan projek yang menekankan atribut keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri dalam DHP KKM3.
Minggu 12 – 14	Membentangkan hasil akhir projek (10%) yang mengandungi: - Aktiviti yang telah dijalankan - Analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran) - Implikasi kewangan - Gambar atau video perjalanan aktiviti - Cadangan penambahbaikan - Rumusan
Minggu 15-17	Menghantar laporan video.

5.6.4 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif Kursus Keterlibatan Komuniti kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Keterlibatan Komuniti

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran				Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Nota perbincangan/ Minit Mesyuarat/ Laporan Video/ Pemerhatian	Pentaksiran Rakan Sebaya	Maklum Balas Komuniti	Pembentangan/ Pameran Projek		
1	Menghasilkan kertas cadangan projek keterlibatan komuniti yang berimpak sosial	KKM4	Perbincangan dalam kumpulan, kuliah interaktif	15%				Nota perbincangan/Minat Mesyuarat/Laporan Video oleh pelajar yang mempamerkan subatribut 'moral', 'proaktif' dan 'kesukarelaan' dalam DHP KKM4	15 jam
2	Mempamerkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan.	KKM5	Perbincangan dalam kumpulan, kuliah interaktif	25% pemerhatian semasa perbincangan; 10% pemerhatian semasa pelaksanaan projek; 10% laporan video				Laporan video, pemerhatian semasa perbincangan dan pemerhatian semasa pelaksanaan projek oleh pelajar yang menonjolkan kemahiran 'kepimpinan' dan 'kerja berpasukan' yang merupakan atribut dalam DHP KKM5.	20 jam
3	Mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaan projek.	KKM3	Kerja lapangan	20% pemerhatian Langsung; 10% individu; 10% kumpulan)	10% (individu)	20% (kumpulan)	10% (pembentangan hasil akhir/ laporan video)	Tugasan ini mencapai atribut Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut 'keyakinan diri', 'saling menghormati', 'komunikasi sosial', dan 'kesedaran sendiri'.	45 jam
JUMLAH				60%	10%	20%	10%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

5.6.5 Contoh Tugasan Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Keterlibatan Komuniti yang memenuhi HPK dan mencapai atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 5.3

Jadual 5.3: Contoh Tugasan Keterlibatan Komuniti Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	PENGHASILAN KERTAS CADANGAN PROJEK KETERLIBATAN KOMUNITI (15%) Tugasan ini dilakukan secara berkumpulan dengan ahli kumpulan sekurang-kurangnya 10 orang. Setiap kumpulan perlu mengemukakan kertas cadangan untuk melaksanakan program keterlibatan komuniti yang berteraskan <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS) seperti yang berikut : Berimpak tinggi (<i>High Impact</i>) Menjimatkan kos (<i>Low Cost</i>) Pelaksanaan yang cekap / pantas (<i>Rapid Execution</i>) Melibatkan pelbagai agensi (<i>Cross Agencies</i>) Kelestarian (<i>Sustainability</i>) Kreativiti (<i>Creativity</i>) Setiap kertas cadangan mestilah mengandungi elemen-elemen berikut: Pengenalan / Latar belakang program Objektif Program Cadangan Tempat / Masa / Tarikh Anggaran Perbelanjaan / Implikasi Kewangan Tentatif Program Senarai Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Carta Gantt Golongan dan Jumlah sasaran Pembentangan kertas cadangan perlu dilakukan oleh setiap kumpulan dan pnsyarah perlu memastikan projek relevan untuk dijalankan dan dirangka berrepatan dengan objektif Kursus Keterlibatan Masyarakat.	Program ini dimestikan mempunyai hubung kait dengan komuniti di luar kampus. Aktiviti Keterlibatan Komuniti bersama komuniti seperti di sebuah keejiranan, rumah kebajikan, rumah orang tua, dan wad kanak-kanak di hospital turut dapat mencapai HPK1 iaitu mempamerkan nilai dan sikap dan memberi khidmat dalam pelbagai situasi. HPK1 ini akan diukur melalui Nota perbincangan/ Minit Mesyuarat/Laporan Video mengenai proses perbincangan sehingga persetujuan mengenai projek dicapai.	Tugasan ini mencapai atribut Nilai dan Sikap DHP KKM4 iaitu subatribut moral, proaktif dan kesukarelaan.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
	Antara cadangan tema projek yang dapat dijalankan adalah meliputi: - Tanggungjawab Pendidikan - Pembangunan Komuniti - Keshihatan - Pengurusan Bencana - Teknologi Maklumat - Keusahawanan Sosial - Kesejahteraan Masyarakat - Inovasi, kesenian dan kebudayaan - Sukan - dan lain-lain. Golongan sasaran yang dicadangkan adalah: - Warga emas - Orang kelainan upaya (OKU) - Anak yatim - Gelandangan - Fakir miskin - Orang Asli / pedalaman - Ibu tunggal - Pelajar sekolah dan lain-lain		
2.	Projek untuk tugas HKP2 ini adalah projek yang sama dengan projek dalam HPK1. Namun begitu, bagi HPK2 ini, bahagian yang difokuskan adalah perancangan projek. Manakala dalam HPK1, fokus adalah kepada penghasilan kertas cadangan projek keterlibatan komuniti. Nota: *Kemahiran Kepimpinan dan Kerja Berpasukan turut dinilai sebanyak 10% semasa pelajar melaksanakan projek keterlibatan komuniti.	HPK 2 ini akan diukur melalui: ➢ pemerhatian langsung semasa perbincangan=5%; ➢ pemerhatian langsung semasa pelaksanaan projek = 10% ➢ laporan video semasa perancangan=10% Tugasan perbincangan, penghasilan video dan pelaksanaan projek mencapai HPK 2 iaitu kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan (membina hubungan baik, peranan bersilih ganti dan menghormati dan menerima pendapat).	Tugasan ini mencapai atribut Kepimpinan dan Kerja Berpasukan DHP KKM5 iaitu subatribut, pengetahuan dan pemahaman kepimpinan, kepimpinan berkesan, membina hubungan baik, peranan bersilih ganti dan menghormati dan menerima pendapat.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	PELAKSANAAN PROJEK KETERLIBATAN KOMUNITI Projek untuk tugasan HPK3 ini adalah projek yang sama dengan projek dalam HPK1 dan HPK2. Namun begitu, bagi HPK3 ini, bahagian yang difokuskan ialah pelaksanaan projek. Manakala dalam HPK1, fokus adalah kepada penghasilan kertas cadangan projek dan HPK2 kepada perancangan projek.	HPK3 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung penyarah/laporan video (20%= 10% individu, 10% kumpulan), pentaksiran rakan sebaya (10%) dan maklum balas komuniti (20%) yang mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaan projek - Tugasan pelaksanaan projek yang melibatkan pentaksiran rakan sebaya, maklum balas komuniti dan pemerhatian langsung penyarah memenuhi HPK3 iaitu tanggungjawab sosial (keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri) dalam pelaksanaan projek	Tugasan ini mencapai atribut Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri.
3	PEMBENTANGAN HASIL AKHIR PROJEK KETERLIBATAN KOMUNITI (10%) Pembentangan hasil akhir projek ini adalah sama dengan projek HPK1. Setiap kumpulan membentangkan hasil akhir projek pada minggu ke 12-13 dan perlu mengandungi: Aktiviti yang telah dijalankan Analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Cabaran) Implikasi kewangan Gambar atau video perjalanan aktiviti Cadangan penambahbaikan Rumusan Nota perbincangan/Minit Mesyuarat/Laporan Video dihantar pada minggu 15-17.	HPK3 ini akan diukur melalui pembentangan hasil akhir projek (10%) yang menekankan analisis SWOT dan implikasi kewangan bagi mencapai HPK3 iaitu tanggungjawab sosial (keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri) dalam pelaksanaan projek.	Tugasan ini mencapai atribut Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri.

5.6.6 Rujukan Utama

- Ali, H. (2002). Volunteerism and the Development of Malaysian Social Care System. *International Council on Social Welfare*, 101-109
- BITARA KPT, (Keluaran Khas, September 2012). Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS): Medan Mahasiswa Tabur Bakti, 11.
- Holdsworth, C. (2010). Why Volunteer? Understanding Motivations for Student Volunteering. *British Journal of Educational Studies*, 421-437.
- Idris Jusoh. (2015, Januari 23). Terima kasih untuk Sukarelawan. *Berita Harian*
- Khaled Nordin (2011, September 29). Mahasiswa: Gerak untuk Malaysia. *Utusan Malaysia*.
- Zaliha Hj Hussin. & Mohd Ramlan Mohd Arshad. (2012). Altruism as Motivational Factors Toward Volunteerism among Youth in Petaling Jaya, Selangor. *IPEDR*, 225-229.
- Mardhiyyah, S. & et al. (2013). Empowering Youth Volunteerism: The Importance and Global Motivating Factors. *Journal of Educational and Sosial Research*, 502-507.

5.6.7 Rujukan Tambahan

- Maniam, V.A. (2004). Volunteerism for Youth Development. *INTI Journal*, 306-317.
- National Higher Education Strategic Plan : Laying the Foundation Beyond 2020.
- The Star. (2012, July 16th). RM 100 million fund for iM4U. *The Star*.
- United Nations Volunteer. (2011). State Of the World's Volunteerism Report. *United Nations*.

5.7 CONTOH-CONTOH KURSUS KELOMPOK U4

Berikut merupakan contoh lain bagi kursus yang berkaitan dengan Kelompok U4 yang melibatkan kaedah pentaksiran dan contoh aktiviti seperti berikut:

1. Seni Silap Mata;
2. Sukan Badminton;
3. Inovasi dalam Ketenteraan (Pasukan Beruniform).

SENI SILAP MATA

5.7.1 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Seni Silap Mata kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Seni Silap Mata

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Pembentangan	Simulasi	Laporan Video		
1	Menunjukkan cara dan/ atau teknik asas Seni Silap Mata kepada komuniti.	KKM3	Kerja lapangan dan aktiviti dalam kumpulan.		35%	20%	Tugasan ini mengukur atribut Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut 'keyakinan diri', 'saling menghormati', 'komunikasi sosial', dan 'kesedaran sendiri'.	40 jam
2	Menghuraikan faedah, risiko dan etika aplikasi seni silap mata.	KKM4	Aktiviti/ perbincangan dalam kumpulan	15% (kumpulan)			Tugasan ini mengukur atribut Nilai, Sikap dan Profesionalisme DHP KKM4 iaitu subatribut 'penampilan' dan 'proaktif'.	15 jam
3	Menghurai dan memberi respons terhadap isu-isu semasa seni silap mata secara holistik.	KKM7	Aktiviti/ perbincangan dalam kumpulan.	30% (individu)			Tugasan ini mengukur atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dan 'pembelajaran berautonomi' dalam KKM7.	25 jam
JUMLAH				45%	35%	20%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

5.7.2 Contoh Tugas Berdasarkan HPK dan Atribut KKM Yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Seni Silap Mata yang memenuhi HPK dan mencapai atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 5.5.

Jadual 5.5: Contoh Tugas Seni Silap Mata Berdasarkan HPK Dan Atribut KKM Yang Dipilih

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	TUGASAN PERTUNJUKAN SILAP MATA (di tempat awam) i. Jadual simulasi silap mata yang melibatkan cara dan /atau teknik asas silap mata dan penglibatan ahli komuniti. Pelajar menjalani simulasi silap mata seperti yang dijadualkan (35%). Simulasi silap mata ini melibatkan ahli komuniti yang turut sama berlatih. ii. Laporan Video Pertunjukan Silap Mata (20%) yang turut melibatkan ahli komuniti yang sama-sama berlatih semasa sesi simulasi. Berkebolehan untuk menunjukkan cara dan/atau teknik asas seni Silap Mata kepada komuniti.	Program ini dimestikan mempunyai hubungan kait dengan komuniti di luar kampus iaitu dengan cara melibatkan ahli komuniti dalam simulasi dan pertunjukkan silap mata. Simulasi dan pertunjukkan silap mata melibatkan cara dan / atau teknik asas silap mata. HPK1 ini akan diukur melalui Simulasi (menggunakan borang penilaian simulasi) dan Laporan Video mengenai proses perbincangan sehingga persestujuan mengenai projek dicapai.	Tugasan ini mengukur atribut Komunikasi Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut 'interaksi dengan orang lain dan memupuk hubungan'.
2.	PEMBENTANGAN (15%) Untuk melakukan tugasan ini, pelajar perlu membuat pembentangan laporan dalam kumpulan pada akhir kuliah mengenai faedah, risiko dan etika aplikasi seni silap mata. Tugasan ini berlaku dalam kuliah interaktif. Pensyarah memperuntukkan masa dalam kuliah interaktif bagi pelajar untuk mencari bahan mengenai tugasan ini dan seterusnya membentangkan tugasan ini. Pensyarah perlu membuat pentaksiran menggunakan borang pentaksiran yang mengandungi kriteria dalam HPK2 iaitu faedah, risiko dan etika aplikasi seni silap mata.	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 2 kerana ia memerlukan kumpulan pelajar menghuraikan faedah, risiko dan etika aplikasi seni silap mata seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 2. HPK 2 ini akan diukur melalui pembentangan kumpulan pelajar yang memfokuskan kepada kebolehan pelajar menghuraikan faedah, risiko dan etika aplikasi seni silap mata seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 2.	Tugasan ini mengukur atribut Nilai, Sikap dan Profesionalisme DHP KKM4 iaitu subatribut 'penampilan dan proaktif'.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	TUGASAN MAKLUM BALAS TAYANGAN VIDEO DOKUMENTARI SILAP MATA (30%) / tugas individu Bagi melakukan tugas ini, pelajar perlu menonton video mengenai dokumentari silap mata (sebelum atau sewaktu kuliah interaktif) yang dimuatnaik oleh pnsyarah ke dalam sistem e-learning IPT masing-masing. Pelajar perlu membuat analisis dan memberi respons terhadap isu-isu semasa seni silap mata yang dipaparkan dalam video yang dipertontonkan secara holistik. Tugas ini berlaku dalam kuliah interaktif. Pnsyarah memperuntukkan masa dalam kuliah interaktif bagi pelajar untuk menonton video dan seterusnya membentangkan tugas ini. Pnsyarah perlu membuat pentaksiran menggunakan borang pentaksiran yang mengandungi kriteria dalam HPK3 iaitu analisis dan memberi respons terhadap isu-isu semasa seni silap mata secara holistik.	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 3 kerana ia memerlukan pelajar melakukan analisis dan memberi respons terhadap isu-isu semasa seni silap mata secara holistik. HPK 3 ini akan diukur melalui pembentangan pelajar yang memfokuskan kepada kebolehan pelajar menganalisis dan memberi respons terhadap isu-isu semasa seni silap mata secara holistik.	Tugasan ini mengukur atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dan 'pembelajaran berautonomi' dalam KKM7'...

5.7.3 Rujukan Utama

Cooper, P. (1996). *Basic Magic A Practical Guide*. Red Wheel/Weiser Book. Boston U.S.A.

Frater, U.D. (2004). *High Magic: Theory and Practise*. Lewellyn Publications St Paul; Minnesota U.S.A.

Kawamoto, W.N. (2008). *Picture Yourself as a Magician; Step by step Instruction for the street, stage, parties, card table and more*. Stacy L.Hiquet. Boston U.S.A

Kett, M. (2000). *Applied Magic*. Xlibries Coporation.

Wilson, M. (2003). *Mark Wilson's complete Course in Magic*. Running Press. U.S.A.

SUKAN BADMINTON

5.7.4 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktif kursus Sukan Badminton kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugasan dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugasan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.6.

Jadual 5.6: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Sukan Badminton

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran			Perincian Tugasan dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Pemerhatian Langsung/ Laporan Video	Pentaksiran Rakan Sebaya	Maklum Balas Komuniti		
1	Mengenal pasti ruang penambahbaikan strategi kemahiran asas sukan badminton	KKM7	Kejurulatihan interaktif dan latihan individu	20%			Tugasan ini mengukur atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dalam KKM7.	16 jam
2	Membina hubungan baik dengan komuniti.	KKM3	Perbincangan kumpulan Simulasi	30%	10%	10%	Tugasan ini mengukur KKM3 iaitu subatribut 'keyakinan diri', 'saling menghormati', 'komunikasi sosial', dan 'kesedaran sendiri'.	40 jam
3	Mempamerkan gaya hidup sihat menerusi sukan badminton.	KKM4	Kerja berkumpulan Simulasi	30%			Tugasan ini mengukur atribut 'Nilai, Sikap dan Profesionalisme' dalam KKM4 iaitu subatribut 'penamplian' dan 'proaktif'.	24 jam
JUMLAH				80%	10%	10%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugasan dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif.
- ❖ Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan.

❖ 5.7.5 Contoh Tugas Sukan Badminton Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Sukan Badminton yang memenuhi HPK dan mencapai atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 5.7.

Jadual 5.7: Contoh Tugas Sukan Badminton Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI/ATRIBUT KKM
1	TUGASAN LATIHAN BADMINTON Bagi melakukan latihan ini, pelajar perlu menjalani latihan sukan badminton yang melibatkan cara dan/atau teknik asas badminton. Pelajar perlu menjalani latihan badminton seperti yang dijadualkan. Latihan badminton ini melibatkan jurulatih dan rakan-rakan sekelas. Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar bagi HPK 1, pensyarah perlu membuat pemerhatian langsung (perlu ada borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) dan /atau laporan video latihan badminton (20%) yang turut melibatkan rakan sepasukan yang sama-sama berlatih semasa sesi latihan. Pelajar perlu menunjukkan cara dan/atau teknik asas badminton kepada jurulatih. *Sukan badminton atau sukan lain perlu terlibat sama persatuan sukan yang berdaftar atau jurulatih yang bertauliah agar kemahiran-kemahiran asas dapat dizonaikan melalui pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah atau teknik yang betul dan mengikut perkembangan terkini.	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 1 kerana ia memerlukan pelajar mengenal pasti ruang penambahbaikan strategi kemahiran asas sukan badminton seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 1. HPK1 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung (menggunakan borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) dan atau / laporan video yang memfokuskan kepada bagaimana pelajar mampu mengenal pasti ruang penambahbaikan strategi kemahiran asas sukan badminton seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 1.	Tugasan ini mengukur atribut 'mencari dan mengurus pelbagai bentuk maklumat' dalam KKM7.
2.	TUGASAN KLINIK BADMINTON Pelajar perlu merancang klinik yang akan diadakan dengan mengambil kira program tentatif, tarikh, tempat, komuniti terlibat, penaja, bajet, dan lain-lain. Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar bagi HPK 2, pensyarah perlu melakukan pemerhatian langsung (perlu ada borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) dan /atau laporan video klinik badminton oleh pelajar (30%) yang turut melibatkan rakan sekelas dan ahli komuniti. Pensyarah dan pelajar perlu juga menyediakan borang penilaian rakan sebaya (untuk pentaksiran sebanyak 10%) dan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas komuniti (untuk pentaksiran sebanyak 10%).	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 2 kerana ia memerlukan pelajar melakukan tugasan yang melibatkan komuniti. HPK 2 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung, penilaian rakan sebaya dan maklum balas komuniti dan /atau laporan video yang memfokuskan kepada pembinaan hubungan baik dalam kalangan ahli komuniti.	Tugasan ini mengukur atribut Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial DHP KKM3 iaitu subatribut keyakinan diri, saling menghormati, komunikasi sosial, dan kesedaran sendiri.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI/ATRIBUT KKM
3	TUGASAN PAMERAN GAYA HIDUP SIHAT (sewaktu KLINIK BADMINTON berlangsung) Tugas Pameran Gaya Hidup Sihat adalah bersekali dengan projek HPK2, iaitu Klinik Badminton (tentatif program dibahagikan kepada 2 slot: pagi dan petang untuk menempatkan kedua-dua aktiviti tersebut). Pameran Gaya Hidup Sihat (30%) Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar bagi HPK 2, pensyarah perlu melakukan pemerhatian langsung (perlu ada borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) dan /atau laporan video Pameran Gaya Hidup Sihat oleh pelajar (30%) yang turut melibatkan rakan sekelas dan ahli komuniti.	HPK 3 dipenuhi dengan cara pelajar mempamerkan gaya hidup sihat menerusi sukan badminton melalui Tugas Pameran Gaya Hidup Sihat sewaktu Klinik Badminton Berlangsung. HPK 3 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung dan / atau laporan video yang memfokuskan kepada kebolehan pelajar mempamerkan gaya hidup sihat menerusi sukan badminton.	Tugasan ini mengukur atribut KKM4:Nilai, Sikap dan Profesionalisme iaitu penamplan dan proaktif.

INOVASI DALAM KETENTERAAN (PASUKAN BERUNIFORM)

5.7.6 Pelan Pentaksiran Kursus

Contoh perkaitan pemetaan penjaaran konstruktifkursus Inovasi dalam Ketenteraan kepada Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (DHP KKM), perincian tugas dan juga atribut pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.8.

Jadual 5.8: Pemetaan Penjaaran Konstruktif Inovasi dalam Ketenteraan (Pasukan Beruniform)

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	DHP KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen dan kaedah pentaksiran			Perincian Tugas dan Hubungan dengan Atribut DHP KKM	Beban Pembelajaran Pelajar / Student Learning Time (SLT)
				Pemerhatian Langsung/ Laporan video	Pentaksiran Rakan Sebaya	Maklum Balas Komuniti		
1	Membezakan kepelbagaian inovasi dalam ketenteraan.	KKM5	Kuliah interaktif	20%	10%		Tugas ini mengukur kemahiran 'keimpinan' dan 'kerja berpasukan' yang merupakan atribut KKM5.	25 jam
2	Menghubungkan komponen-komponen inovasi ketenteraan dalam rutin harian.	KKM3	Pengalaman Pembelajaran Berasaskan kes	20%		10%	Tugas ini mengukur KKM3 iaitu subatribut 'keyakinan diri', 'saling menghormati', 'komunikasi sosial', dan 'kesedaran sendiri'.	25 jam
3	Berkebolehan menghasilkan inovasi dalam ketenteraan.	KKM4	Kerja Lapangan, Pembelajaran Berasaskan Kes	40% (20% pemerhatian langsung penyarah; 20% laporan video proses menghasilkan inovasi)			Tugas ini mengukur KKM4 iaitu subatribut 'penampilan' dan 'proaktif'.	30 jam
JUMLAH				75%	15%	10%		80 jam

Nota:

- ❖ IPT diberi kebebasan untuk menetapkan jenis tugas dalam mencapai HPK dan nilai SLT yang sesuai termasuk untuk jam untuk pentaksiran formatif. Julat variasi bagi pemberat komponen/kaedah pentaksiran setiap HPK adalah ± 5 kecuali pentaksiran yang berbentuk peperiksaan

5.7.8 Contoh Tugas Inovasi dalam Ketentaraan (Pasukan Beruniform) Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

Tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah mampu mengukur HPK dan mencapai atribut KKM yang telah dipilih. Contoh-contoh tugasan bagi kursus Inovasi dalam Ketentaraan yang memenuhi HPK dan mencapai atribut KKM yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 5.9.

Jadual 5.9: Contoh Tugas Inovasi dalam Ketentaraan (Pasukan Beruniform) Berdasarkan HPK dan Atribut KKM yang Dipilih

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
1	TUGASAN KAJIAN KEPUSTAKAAN TENTANG PERBEZAAN KEPELBAGAIAN INOVASI KETENTERAAN Bagi melakukan tugasan ini, pelajar perlu membuat kajian kepustakaan tentang membezakan kepelbagaian inovasi ketentaraan. Kemudian pelajar perlu membuat pembentangan. Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar bagi HPK 1, pensyarah perlu membuat pemerhatian langsung (perlu ada borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan sebanyak 25%) yang turut melibatkan penilaian rakan sebaya (5%).	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 1 kerana ia memerlukan pelajar membezakan kepelbagaian inovasi ketentaraan seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 1. HPK1 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung (menggunakan borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) yang memfokuskan kepada bagaimana pelajar mampu membezakan kepelbagaian inovasi ketentaraan seperti mana yang ditetapkan oleh HPK 1.	Tugasan ini mengukur atribut KKM5 'Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan' iaitu subatribut 'keimpinan' dan 'kerja berpasukan'.
2.	TUGASAN PAMERAN INOVASI KETENTERAAN Pelajar perlu merancang pameran yang akan diadakan dengan mengambil kira program tentatif, tarikh, tempat, komuniti terlibat, penaja, budget, dan lain-lain. Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar bagi HPK 2, pensyarah perlu melakukan pemerhatian langsung (perlu ada borang pemerhatian yang mengandungi kriteria yang diperhatikan) dan / atau laporan video pameran inovasi oleh pelajar (20%) yang turut melibatkan rakan sekelas dan ahli komuniti. Pensyarah perlu menyediakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas komuniti (untuk pentaksiran sebanyak 10%).	Tugasan ini dapat memenuhi HPK 2 kerana ia memerlukan pelajar melakukan tugasan yang melibatkan komuniti. HPK 2 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung, dan maklum balas komuniti dan /atau laporan video yang memfokuskan kepada pembinaan hubungan yang baik dalam kalangan ahli komuniti.	Tugasan ini mengukur atribut KKM3 'Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial' iaitu subatribut 'keyakinan diri', 'saling menghormati', 'komunikasi sosial', dan 'kesedaran sendiri'.

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
3	TUGASAN MENGHASILKAN INOVASI KETENTERAAN. Tugasan ini adalah berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman pelajar semasa melaksanakan tugas bagi HPK 1 dan 2. Pelajar perlu menghasilkan inovasi ketenteraan. Pensyarah perlu memperuntukkan waktu penyeliaan dan pelajar perlu menyilapkan inovasi mereka mengikut perancangan dan peruntukan masa pembelajaran pelajar yang telah dicadangkan dalam pelan pentaksiran kursus. Bagi tujuan pentaksiran pencapaian pelajar untuk HPK 3, pensyarah perlu melakukan pemerhatian langsung (20%). Pensyarah juga perlu menyediakan borang pemerhatian yang mengandungi kriteria inovasi ketenteraan. Pelajar perlu menyediakan laporan video proses penghasilan inovasi ketenteraan (20%).	HPK 3 dipenuhi dengan cara pelajar menghasilkan inovasi ketenteraan. HPK 3 ini akan diukur melalui pemerhatian langsung dan laporan video yang memfokuskan kepada kebolehan pelajar menghasilkan inovasi ketenteraan.	Tugasan ini mencapai atribut KKM4 'Nilai, Sikap dan Profesionalisme' iaitu subatribut 'penampilan' dan 'proaktif'.

5.7.9 Rujukan Utama

- Bergen, J. D. (2015). *Military Communications: A Test For Technology (United States Army in Vietnam)*. Library of Congress Cataloging in Publication Data: USA.
- Green, J. & Whiting, K. (2013). *Stories of Faith and Courage from the Home Front – From the French and Indian War to the Wars in Iraq and Afghanistan*. God & Country Press: United State of America.
- O'Meara, R. M. (2014). *Governing Military Technologies in The 21st Century*. Pallgrave Macmillan. New York.
- Rottman, G. (2010). *World War II Battlefield Communications*. Peter Lang Publishing Inc.: New York.
- Van Basten, D. (2016). WW1. *The Battle of Leige – The First World War Battle*. Create Space Independent Publishing Platform: New York.

BAB 6

PENUTUP

Garis panduan ini bertujuan membantu pihak institusi pengajian tinggi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran MPU dengan lebih berkesan. Domain-domain pembelajaran MPU menumpukan kepada memantapkan kemahiran insaniah yang terdapat dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM). Domain-domain tersebut adalah:

- (a) Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial;
- (b) Nilai, Sikap dan Profesionalisme;
- (c) Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan;
- (d) Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- (e) Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan.

Garis panduan ini mampu memberikan satu panduan yang sistematik bukan sahaja kepada pentadbir institusi pendidikan tinggi malah kepada tenaga pengajar terbabit. Melalui hasil pembelajaran yang dikenal pasti bagi setiap kelompok dan kursus serta pelan pentaksirannya, tenaga pengajar berkenaan akan dapat menyampaikan kandungan kursus dan mentaksir prestasi pelajar mengikut kerangka pendidikan berasaskan hasil yang mematuhi prinsip penjajaran konstruktif. Hasilnya, pelajar-pelajar dapat memiliki kemahiran insaniah yang bersifat komprehensif sesuai dengan perubahan dan perkembangan kehidupan seharian dan juga sektor pekerjaan semasa.

Diharapkan pihak institusi pendidikan tinggi dapat memanfaatkan garis panduan ini dengan sebaiknya bagi mencapai hasil pembelajaran kursus MPU dan memenuhi atribut KKM yang ditetapkan serta menyokong Lonjakan 1 seperti yang digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) berkaitan kursus MPU.

LAMPIRAN :
ATRIBUT DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN
KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (DHP KKM)

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM3 : Kemahiran Dan Tanggungjawab Sosial

3

RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 39

Jadual 3.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM3: Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial

Atribut	Subatribut	Takrif
3.1 Keyakinan Diri	Membina Hubungan	Kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.
	Ekspresi Diri	Kemahiran meluahkan perasaan, menerangkan persepsi orang lain terhadap diri, menerima dan memberikan pujian serta menerima dan memberikan maklum balas yang membina.
3.2 Hormat	Mendengar dengan Aktif	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif, memberikan maklum balas dan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang mempunyai budaya berlainan.
	Menghormati Orang Lain	Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan hak orang lain.
3.3 Komunikasi Sosial	Interaksi dengan Orang Lain	Kebolehan berbual dan mengekalkan interaksi dengan orang lain.
	Memupuk Hubungan	Kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.
3.4 Kesedaran Kendiri	Beretika	Kebolehan mengamalkan sikap beretika semasa menjalankan tanggungjawab terhadap masyarakat.
	Kawalan emosi	Kemahiran mengawal emosi semasa bersosialisasi.
3.5 Tanggungjawab Sosial	Rasional terhadap Masyarakat Pelbagai Budaya	Peka akan permasalahan masyarakat dan persekitaran. Kebolehan mengenal dan mengamalkan sikap rasional terhadap masyarakat daripada pelbagai perspektif budaya.
	Sumbangan kepada Masyarakat	Bertanggungjawab dan mengambil inisiatif untuk melibatkan diri dalam masyarakat dan mampu berperanan sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM4 : Nilai, Sikap Dan Profesionalisme

RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 51

Jadual 4.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM4: Nilai, Sikap dan Profesionalisme

Atribut	Subatribut	Takrif
4.1 Nilai dan Sikap	Moral	Keperibadian, adab dan kesopanan mengikut nilai-nilai murni dan positif sejagat yang umumnya diterima dan dianggap baik di mata komuniti.
	Jati Diri	Ciri-ciri asal usul diri seseorang individu seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dan lambang keperibadiannya dan menyerlahkan semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara bangsa.
	Proaktif	Sikap yang positif dengan merangka dan mengawal tindakan yang dilakukan lebih awal daripada jangkaan yang akan berlakunya sesuatu perkara atau kejadian.
	Penampilan	Ciri-ciri perwatakan, perilaku serta kekemasan dan kesesuaian pemakaian dengan suasana dalam interaksi dengan orang lain dan dalam mengurus atau melaksanakan sesuatu tugas.
	Berdikari	Sikap tidak bergantung kepada bantuan orang lain untuk melakukan sesuatu tugas.
	Kesukarelaan	Sikap suka membantu orang lain dan mengambil berat hal ehwal komuniti untuk kesejahteraan bersama.
4.2 Etika dan Profesionalisme	Tanggungjawab Kerja	Kewajipan yang dipikul seperti yang ditetapkan dalam skop tugas dan terma rujukan jawatan yang disandang.
	Hubungan Kerja	Hubungan dengan rakan sekerja atau dalam sesebuah institusi, kumpulan kerja dan komuniti alam pekerjaan.
	Etika Kerja	Sistem peraturan moral atau prinsip-prinsip perilaku yang menjadi amalan di tempat kerja atau persekitaran kerja.
	Integriti	Tahap kejujuran dan bertindak secara lurus dalam mengekal atau mempertahankan prinsip, pegangan dan akauntabilitinya semasa melaksanakan tugas.

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM5 : Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan Dan Kerja Berpasukan

5 RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 59

**Jadual 5.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM5:
Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan**

Atribut	Subatribut	Takrif
5.1 Komunikasi Lisan	Kejelasan Idea	Penyampaian isi yang terang, nyata dan dapat difahami dengan mudah.
	Keyakinan Idea	Pembentangan idea yang dilakukan dengan yakin dan menyakinkan.
	Keberkesanan dan Artikulasi Idea	Idea yang disampaikan dengan berkesan dan boleh diguna pakai serta dapat menyelesaikan masalah.
	Kefahaman dan Menjawab Soalan	Mampu memahami soalan yang diaju dan menjawab dengan tepat.
	Kesesuaian Penyampaian dengan Tahap Khalayak	Menyesuaikan perkara yang disampaikan dan cara penyampaian di khalayak yang berbeza.
5.2 Komunikasi Bertulis	Kejelasan Penulisan	Penulisan yang mematuhi penggunaan tatabahasa yang betul dan dapat menyampaikan maksud dengan tepat.
	Kesinambungan dalam Penulisan	Penulisan idea yang koheren atau mempunyai keterikatan antara satu ayat dengan ayat yang lain agar mudah difahami.
	Penulisan yang Sistematis	Penulisan yang mempunyai pendekatan atau kaedah turutan atau susunan yang jelas dan mudah difahami.
5.3 Kepimpinan	Pengetahuan dan Pemahaman Kepimpinan	Kadar pengetahuan dan kefahaman terhadap konsep asas kepimpinan.
	Kepimpinan Berkesan	Kemampuan menunjukkan ciri-ciri kepimpinan terhadap diri sendiri dan/atau orang lain.
5.4 Kerja Berpasukan	Membina Hubungan Baik	Memberikan kerjasama kepada orang lain.
	Peranan Bersilih Ganti	Mampu memegang peranan yang berbeza mengikut keadaan.
	Menghormati dan Menerima Pendapat	Mendengar dan mengambil kira pandangan pihak lain.

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM6 : Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik

6

RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 69

**Jadual 6.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM6:
Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik**

Atribut	Subatribut	Takrif
6.1 Penyelesaian Masalah	Kenal Pasti Masalah	Proses mengecam dan mengesan sesuatu isu yang boleh menimbulkan masalah atau konflik.
	Analisis	Proses pengasingan atau pemeriksaan dengan teliti sesuatu seperti data yang dikumpul, dicerap atau didapati, untuk dijadikan elemen-elemen kecil untuk membuat keputusan atau interpretasi.
	Aplikasi	Pelaksanaan terhadap sesuatu idea atau kaedah untuk menyelesaikan masalah.
	Sintesis dan Penilaian	Penyatuan atau proses kombinasi elemen-elemen kecil untuk dijadikan satu idea, penyelesaian atau sistem baharu.
	Membuat Keputusan	Proses pemikiran untuk memilih satu penyelesaian daripada beberapa alternatif.
6.2 Kemahiran Saintifik	Pembentukan Konsep	Proses pembentukan idea atau penyelesaian baharu.
	Penjanaan Penyelesaian	Proses melahirkan penyelesaian baharu atau alternatif.
	Pelaksanaan	Proses menjalankan penyelesaian atau idea sehingga berkesan.
	Penilaian dan Pemilihan	Proses membuat penilaian dan pemilihan bagi keputusan yang telah dibuat.
	Integrasi	Proses mengumpulkan elemen-elemen, idea, penyelesaian, orang atau sistem untuk berfungsi bersama.
	Pembangunan	Proses perkembangan, penambahan atau penambahbaikan hasil atau ekoran daripada sesuatu kejadian.
	Ciptaan	Tindakan untuk membuat, mencipta, mereka bentuk atau menghasilkan sesuatu yang belum wujud sebelum ini.

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM7 : Kemahiran Pengurusan Maklumat Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

 **RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 81**

**Jadual 7.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM7:
Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Atribut	Subatribut	Takrif
7.1 Mencari dan Mengurus Pelbagai Bentuk Maklumat	Senarai Rujukan	Jumlah senarai rujukan berkaitan dengan tugas yang diberikan
	Relevan	Bersesuaian dan berkaitan dengan tugas yang diberikan
	Optimum Sumber	Mengoptimumkan penggunaan pelbagai bentuk rujukan dengan mengoptimumkan pelbagai rujukan.
	Penapisan Maklumat	Penapisan - memilih, mengelolakan dan mendapatkan maklumat mengikut senarai rujukan.
	Artikulasi	Penzahiran idea secara terang dan berkesan dalam penulisan serta dapat difahami oleh pembaca
	Rujukan	Bahan atau sumber keterangan lanjutan mengenai sesuatu perkara sebagai panduan
7.2 Pembelajaran Autonomi	Penglibatan Diri	Tahap penglibatan, keinginan, minat, optimis dan keterlibatan yang dipaparkan bagi mempertingkatkan proses pembelajaran.
	Idea Baharu	Mengemukakan pandangan dan pendapat yang tercetus daripada penerokaan sendiri.
	Pembelajaran Kendiri	Pembelajaran terarah sendiri yang melibatkan pembelajaran yang menghubungkan kait dengan maklumat baharu tentang konsep dan proses yang lebih tersusun dan lengkap.
7.3 Minda Ingin Tahu	Minat	Keinginan mencari peluang untuk menambah ilmu pengetahuan dengan melakukan penerokaan terhadap sesuatu isu dan melaksanakan tugas semampu mungkin.
	Inisiatif	Tahap keupayaan yang mempamerkan keinginan seseorang memulakan dan menyelesaikan tugas.
	Daya Usaha	Menunjukkan usaha dalam membuat pencarian maklumat.

Atribut, Subatribut Dan Takrif Subatribut DHP KKM8 : Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan

8 RUBRIK PNGK BERSEPADU: PANDUAN PENTAKSIRAN HASIL PEMBELAJARAN 91

Jadual 8.1: Atribut, Subatribut dan Takrif Subatribut DHP KKM8: Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan

Atribut	Subatribut	Takrif
8.1 Kemahiran Mengurus	Pengurusan Masa	Proses merancang dan melaksanakan kawalan masa yang digunakan untuk sesuatu aktiviti, terutamanya untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan atau produktiviti.
	Membuat Keputusan	Proses pemilihan kepercayaan atau tindakan yang perlu daripada beberapa keberangkalian alternatif.
	Organisasi Idea	Menyatakan idea dengan jelas, koheren dan tersusun/teratur.
	Agihan Kerja	Agihan tanggungjawab dan kuasa kepada suatu kumpulan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti.
	Motivasi	Bermotivasi dan mendorong rakan-rakan lain untuk menyiapkan setiap tugas dan aktiviti.
8.2 Minda Keusahawanan	Visi	Mempunyai wawasan berinovasi bagi menyelesaikan masalah dunia sebenar.
	Jaringan	Mempunyai kesedaran bahawa bagi menjadi seorang usahawan seseorang memerlukan hubungan keusahawanan melalui pembentukan pasukan, integriti peribadi, komunikasi dan tawaran yang baik.
	Keterujaan	Mempunyai perasaan seronok atau suka dalam menjalankan aktiviti bidang keusahawanan.
8.3 Kemahiran Keusahawanan	Pengalaman Keusahawanan	Pembelajaran yang diperolehi melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan.
	Pengenalpastian Peluang Keusahawanan	Proses mencari peluang melaksanakan idea keusahawanan mengikut strategi yang telah dirancang hasil daripada kreativiti ialah proses mengumpul menjana idea-idea baharu dan inovasi dalam mengaplikasikan idea kepada amalan.
	Toleransi Risiko	Sikap dan kesediaan usahawan dalam mengenal pasti dan mengambil langkah menghadapi risiko.
	Lokus Kawalan Dalam	Sikap percaya bahawa asas kejayaan adalah terletak pada kerja sendiri dan mampu mengawal kehidupan.
	Pencapaian dan Ketabahan	Keupayaan meletakkan sasaran yang lebih tinggi dan juga ketabahan dalam menghadapi cabaran.
	Pengurusan Kewangan	Keupayaan untuk mengendalikan komponen kewangan dan sumber.

SENARAI PAKAR RUJUK

i. REKABENTUK KURIKULUM & KAEDAH PENTAKSIRAN

- ☐ Prof. Ir Dr. Shahrir bin Abdullah
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Aishah binti Abu Bakar
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik,JPT
- ☐ Prof. Madya Dr. Jaafar bin Jantan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

ii. JEMPUTAN KHAS

- ☐ Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Prof. Dr. Zaid bin Ahmad
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ☐ Prof. Dr. Zakaria bin Abbas
Universiti Putra Malaysia (UUM)

iii. HUBUNGAN ETNIK

- ☐ Prof. Madya Dr. Fazilah binti Idris
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Wendy Yee Mei Tien
Universiti Malaya (UM)
- ☐ Dr. Charanjit Kaur a/p Darshan Singh
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- ☐ Puan Rozita binti Ibrahim
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ En. Serit Bayan
Taylor' University

iv. TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)

- ☐ Dr. Nasruddin bin Yunos
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Zawiah binti Hj. Mat
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)
- ☐ Dr. Norsazali bin Abdullah
Universiti Kuala Lumpur MIIT
- ☐ Dr. Siti Nurani binti Mohd Noor
Universiti Malaya (UM)
- ☐ Dr. Hj. Ahmad Nasir bin Mohd Yusoff
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ☐ En. Mohd Syariefudin bin Abdullah
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ☐ Puan Sri Rahayu binti Ismail
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ☐ Puan Rohaini binti Amin
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- ☐ En. Zamre bin Abu Hassan
Universiti Malaya (UM)
- ☐ Puan Faezah binti Kassim
Universiti Malaya (UM)
- ☐ En. Yusni bin Mohamad Yusak
Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)
- ☐ En. Abd Wahid bin Jais
Universiti Malaya (UM)

v. PENGAJIAN MALAYSIA

- ☐ Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Muhammad Shamsinor bin Abdul Azzis
Universiti Industri Selangor (UNISEL)

- ❑ Dr. Khairul Hamimah binti Mohammad Jodi
Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM)
- ❑ Dr. Hairol Anuar bin Hj Mak Din
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- ❑ Dr. Mardiana binti Nordin
Universiti Malaya (UM)
- ❑ Dr. Hasnah binti Hussiin
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- ❑ En. Afi Roshezrey bin Abu Bakar
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- ❑ En. Yusni bin Mohamad Yusak
Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)
- ❑ En. Ng Kam Meng
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)
- ❑ En. Mohd Azmir bin Mohd Nizah
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

vi. BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

- ❑ Dr. Mardian Shah bin Omar
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
- ❑ En. Md Suhada bin Kadar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ En. Rusdi bin Abdullah
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ En. Azlan bin Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Puan Sofia binti Ayup
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Puan Siti Baidura binti Kasiran
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

vii. BAHASA KEBANGSAAN A

- ☐ Puan Aisah binti Mat Dan
Universiti Industri Selangor (UNISEL)
- ☐ En. Abd Ganing Laengkang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- ☐ Puan Neeshanti Rhamaroo
INTI International College
- ☐ Puan Serojini Karuppiah
INTI International College
- ☐ En. M. Shariff bin Aziz
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- ☐ En. Riduan bin Makhtar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

viii. KEMAHIRAN KEPIMPINAN

- ☐ Prof. Madya Dr. Fazilah binti Idris
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Prof Madya Dr. Mashitoh binti Yaacob
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Rosmiza binti Mokhtar
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
- ☐ Puan Aisah binti Mat Dan
Universiti Industri Selangor (UNISEL)
- ☐ Puan Tan Chin Hung
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

ix. ASAS KEUSAHAWANAN

- ☐ Prof Madya Dr. Mashitoh binti Yaacob
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Prof. Madya Sr. Dr. Norngainy binti Mohd Tawil
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

- ❑ Prof. Madya Dr. Rosilah binti Hassan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Prof. Madya Dr. Leilanie binti Mohd Nor
Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
- ❑ Prof. Madya Hj. Rahimah binti Sarmidy
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- ❑ Dr. Norlaile binti Salleh Hudin
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ❑ Dr. Umar Haiyat bin Abdul Kohar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- ❑ Dr. Wan Mimi Diana binti Wan Zaki
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Puan Zetty Raihan binti Mohd Yassin
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- ❑ En. Zamre bin Abu Hassan
Universiti Malaya (UM)
- ❑ En. Amzairi bin Amar
Universiti Teknologi Petronas (UTP)

x. PENGAJIAN ISLAM

- ❑ Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Prof. Madya Dr. Mostafa Kamal bin Mokhtar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Dr. Nasruddin bin Yunus
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ❑ Dr. Mardian Shah bin Omar
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

xi. KELOMPOK U4

- ☐ Prof. Madya Dr. Fazilah binti Idris
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Dr. Azizi bin Umar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ☐ Puan Enson binti Din
Bahagian Pembangunan Mahasiswa, JPT
- ☐ En. Mohamad Zulhilmy bin Abd Manan
Yayasan Sukarelawan Siswa, JPT
- ☐ En. Muhammad Khairul Amir bin Fadzal
1Malaysia for Youth (iM4U)

xii. BAHAGIAN GOVERNAN IPTS, JPT

- ☐ Puan Yogitha A/P V.Muniandy
- ☐ Cik Norasyikin binti Muhammad Shairi

xiii. BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN AKADEMIK, JPT

- ☐ Puan Siti Jamaliah binti Maslon
- ☐ Puan Mageswary A/P Arsohgah
- ☐ Puan Nurul Asmida binti Mohd Razali
- ☐ Puan Nur Eliana binti Zainal
- ☐ Puan Nur Hafizah binti Yahya
- ☐ Puan Nor Liyana binti Ali



**Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5,
62200 W.P Putrajaya
Laman Web : [http://jpt .mohe.gov.my](http://jpt.mohe.gov.my)**

ISBN 978-983-3225-08-8



9 789833 225088